

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
No. Kolej 85 - Wa
No Perolehan: 1 1002
Tarikh: 18 MAR 1986

PERANAN AGENSI KERAJAAN DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI PETANI:
KAJIAN KES KADA DI KAMPUNG KEDONDONG

OLEH:
WAN NOR AZIAH WAN IBRAHIM
NO. MATRIK 044350

Puan Abdullah

"Dari orang-orang yang suka bersuara suara,
beredah Tuhan Yesus, mendirikan ahliat, dan
menakih sebahagian besar yang bukan berikam.
Kepada mereka, seorang membunyi atau berang-berang
serta menuluk kejahitan dengan kesalahan, orang
yang tidak tahu mendapat tempat kesudahan
(yang baik) dia tu syurga 'Ain yang murah,
masuk ke dalamnya bersama-sama dengan orang
orang yang salah dari bapanya, seteru-

Latihan Ilmiah

Bagi Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera
(kesabaranmu)"

Bila alangkah batinya lepas kegulahan itu,

[Surah Al-Baqarah - ATAT 22 - 26]

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

SESSI 1985/86

PETA JAUJAHAN PASIR MAS

SEKIL SATU BATU SEINCI



— JALAN KEPERIB
— JALAN RAYA
— JALAN
— LEBOH RAYA.
— SEAMBOK DAN DAERAH

THAILAND

TUMPAT

PETA DAUJAHAN PASIR MAS
SEKIL SATU BATU SEINCI

THAILAND.

KOTA BHARU

Legend:

- JALAN KERETARI
- JALAN RAYA
- JALAN
- LEBOH RAYA
- SENAMAN DAERAH

NORTH



KADA
LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMBANG

LAUT CHINA SELATAN



121

Petunjuk

Taliair	Primary
Taliair	Secondary
Taliair	Tertiary
Jalan	Raya Utama

- [Yellow Box] PENGAIRAN KEMUBU
- [White Box] PENGAIRAN SALOR
- [White Box] PENGAIRAN P. MAS
- [Yellow Box] PENGAIRAN LEMAL
- [White Box] PENGAIRAN ALOR PASIR

THAILAND

RANGGAN T.A. KEMUBU

RANGGAN T.A. SALOR

RANGGAN T.A. ALOR PASIR

KG. PAUDONG

AULIA BEKAR

AULIA SEMUA


IC KUBANG KEMASIN

BACHOK

121

PETA MUKIM KEDONDONG

NOT TO SCALE



- PETUNJUK
- ① RUMAH
 - SEKOLAH
 - MASJID
 - ||| JALAN NEGERI
 - JALAN LADANG
 - ||| TALIAIR
 - ↖ PADI

KELUASAH MUKIM KEDONDONG 650 EKAR
JUMLAH RUMAH 103 BUAH

OI-LUANG OLEN

għorixha

17/5/95

PENGHARGAAN

BISMILLA-HIR-RAHMAN-NIR-RAHIM

Assalamualaikum w.b.t.

Terlebih dahulu saya mengucap syukur ke hadrat ALLAH s.w.t. kerana dengan limpah dan kurnia Nya dapat disiapkan penulisan latihan ilmiah ini.

Penulis merasa begitu terhutang budi kepada beberapa pihak yang telah memberi sumbangan baik secara langsung atau tidak langsung sehingga selesainya penulisan latihan ini.

Penulis merakamkan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Zainal Kling selaku penyelia latihan ilmiah ini, di atas pandangan, cadangan, panduan, pembetulan serta tunjuk ajar beliau sepanjang penyediaan dan penulisan latihan ilmiah ini. Juga kepada Encik Mohd. Nor Nawawi, selaku penyelia kawasan kepada penulis.

Di samping itu penulis tidak melupai jasa baik:

- i. Ayah penulis sendiri, Wan Ibrahim bin Wan Yusuf yang banyak membantu penulis semasa berjumpa responden
- ii. Encik Marzuki Yusuf, Unit Penerangan KADA, Kota Bharu

- iii. Encik Mohd. Zain, Pengurus Kawasan, PKP Kubang Bunut, Meranti
 - iv. Guru besar-guru besar Sekolah Menengah Meranti, Sekolah Menengah Arab Pasir Mas, Sekolah Menengah Sultan Ibrahim II, Sekolah Arab Ismailiyah, Pasir Mas, Kelantan
 - v. Pegawai Jajahan Pasir Mas serta kakitangan Majlis Daerah Pasir Mas
 - vi. Penghulu Kampung Kedondong serta semua responden di kampung tersebut
 - vii. Rakan-rakan di Jabatan Antropologi dan Sosiologi
 - viii. Kak Hajjah Saadiah yang sudi menaip tesis ini
 - ix. Teman sebilik Haizan Hassan dan Azimah Yusuf. Tidak ketinggalan buat abang saya, Ujid.
- Semoga ALLAH jua yang dapat membalas dan memberkati jasabaik kalian semua.

No. Matrik: 044350
Jabatan Antropologi dan Sosiologi,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

Si mint akan dilihat kesan pada kegiatan ekonomi dan pekerjaan, pendapatan, posilikan harta, pendidikan serta penggunaan teknologi morden di kalangan para petani.

SINOPSIS

Kajian ini berkaitan dengan pembangunan ekonomi petani di Kampung Kedondong, Pasir Mas, Kelantan. Tumpuan kajian adalah berkenaan peranan agensi KADA dan agensi-agensi pertanian yang lain dalam proses pembangunan ekonomi petani di kampung ini. Latihan ilmiah ini mengandungi 6 bab.

Bab pertama menerangkan bidang dan tujuan kajian, metode kajian, masalah kajian serta kepentingan kajian tersebut. Bab kedua, secara ringkas telah membincangkan tentang konsep-konsep kemiskinan dan kaitannya dengan pembangunan melalui perbadanan awam sebagai satu strategi untuk pembangunan ekonomi petani.

Bab ketiga pula membentangkan latarbelakang kawasan kajian dan keadaan sosio-ekonomi responden serta masalah-masalah pertanian yang dihadapi oleh mereka. Bab keempat adalah mengenai latarbelakang KADA serta peranan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh agensi tersebut di Kampung Kedondong.

Dalam bab lima membincangkan berkenaan keberkesanannya dan peranan-peranan KADA pada taraf sosio-ekonomi penduduk kampung. Di sini akan dilihat kesan pada kegiatan ekonomi dan pekerjaan, pendapatan, pemilikan harta, pendidikan serta penggunaan teknik-teknik moden di kalangan para petani.

Bab enam merupakan bab penutup bagi latihan ilmiah ini. Dalam bab ini diberi penekanan tentang keadaan yang sebenarnya wujud di Kampung Kedondong hasil dari peranan-peranan yang di mainkan oleh agensi KADA dan agensi pertanian yang lain seperti FAMA, LPN, MARDI, Jabatan Pertanian dan Bank Pertanian Malaysia.

Kesimpulannya, walaupun tahap pembangunan yang baik masih belum tercapai, tetapi pihak KADA dan agensi-agensi pertanian itu dengan secara evolusi telah dapat mengubah taraf sosio-ekonomi para petani di Kampung Kedondong.

1.1 Pengenalan	1
1.2 Bidang dan Tujuan Kajian	3
1.3 Kadrah Penyelidikan	4
1.4 Hasilah Kajian	8
1.5 Kepentingan Kajian	12

BAB II: KEMISKINAN DAN PEMBANGUNAN DESA DI KALANGAN RAKA PERTANI DI MALAYSIA

2.1 Pengenalan	15
2.2 Kemiskinan Petani dan Pembangunan Desa di Malaysia	17
2.3 Peranan Pertanian Dalam Pembangunan Ekonomi	29
2.4 Keadaan Sosio-ekonomi Petani Sebelum Penubuhan KADA	33
2.5 Peranan Perbadanan Awam Sebagai Strategi Pembangunan Desa	35

KANDUNGAN		HALAMAN
BAB III: LATAKAN KAJIAN KARPUS		
PETA-PETA	3.1 Pengenalan	i - iii
PENGHARGAAN	3.2 Sejarah dan Geografi	iv
SINOPSIS	3.3 Organisasi Pentadbiran dan Institusi Kepimpinan	vi
DAFTAR KANDUNGAN	3.4 Keadaan Dari Segi Demografi	viii
SENARAI JADUAL DAN RAJAH	3.5 Pergerakan dan aktiviti ekspresif	xii
BAB I: PENDAHULUAN		
1.1	Pengenalan	1
1.2	Bidang dan Tujuan Kajian	1
1.3	Kaedah Penyelidikan	4
1.4	Masalah Kajian	8
1.5	Kepentingan Kajian	12
BAB II: KEMISKINAN DAN PEMBANGUNAN DESA DI KALANGAN PARA PETANI DI MALAYSIA		
2.1	Pengenalan dan aktiviti KADA di Kalangannya	15
2.2	Kemiskinan Petani dan Pembangunan Desa di Malaysia	17
2.3	Peranan Pertanian Dalam Pembangunan Ekonomi	29
2.4	Keadaan Sosio-ekonomi Petani Sebelum Penubuhan KADA	33
2.5	Peranan Perbadanan Awam Sebagai Strategi Pembangunan Desa	35
	a. Kerja-kerja tanggap	
	b. Penanaman dan pembakalan	

HALAMAN

BAB III: LATARBELAKANG KAMPUNG

3.1 Pengenalan	43
3.2 Sejarah dan Geografi	43
3.3 Organisasi Pentadbiran dan Institusi Kepimpinan	44
3.4 Kedudukan Dari Segi Demografi	47
3.5 Pekerjaan dan Aktiviti Ekonomi	51
3.6 Kemudahan Infrastruktur	66
3.7 Pemilikan Harta	69
3.8 Pendidikan	73

BAB IV: LATARBELAKANG SERTA AKTIVITI-AKTIVITI
KADA

4.1 Pengenalan	78
4.2 Latarbelakang KADA	79
4.3 Organisasi KADA	81
4.4 Projek Perairan KADA	83
4.5 Peranan dan Aktiviti KADA Di Kampung Kedondong	86
a. Kemudahan perairan dan taliair kecil	135
b. Jalan luar bandar dan jalan ladang	136
c. Nasihat dan tunjukajar	
d. Pinjaman dan kredit	
e. Kerja-kerja tenggala	
f. Pemasaran dan pembekalan	

DAFTAR JADUAL DAN RAJAH

HALAMAN

JADUAL

g. Pengembangan	
1. Keanggotaan Dalam Parti Politik	45
h. Projek ladang campur	
2. Meklumat Amanah Kuncir/Kesungguhan Kedondong	47
3. 4.6 Kesimpulan Dari Segi Jantina dan Usia	100
	48
BAB V: KEBERKESANAN PERANAN AGENSI KERAJAAN Kedondong	
5.1 Pengenalan	103
5.2 Peranan lain-lain agensi awam	104
6. Tanah Penduduk Lain Bukan Mengikut Suku	105
5.3 Keberkesanan Pada Taraf Sosio-ekonomi Petani	111
7. Perkhidmatan Agama Dan Jenis Pekerjaan	61
a. Pekerjaan	
8. Bilangan Ibu Bapa Mengikut Jenis Jumlah Tanah	70
b. Pendapatan	
9. Bilangan Ibu Bapa Mengikut Jenis Jumlah Kenderaan	71
c. Pelajaran	
10. Bilangan Ibu Bapa Mengikut Pemilikan Harta	71
d. Pemilikan Harta	
11. 5.4 Kesan-kesan lain	130
a. Penggunaan alat-alat pertanian moden	72
12. Tahap Pendidikan Ketua Keluarga	73
b. Tanah terbiar	
13. Bilangan Ibu Bapa Mengikut Jumlah Penduduk	114
5.5 Kesimpulan	135
14. Pendapatan Para Petani	115
BAB VI: RUMUSAN DAN PENUTUP	138
15. Rumusan dan Pendapatan	138
16. Gambar-gambar	
Tanah yang dibebaskan penduduk dibantingkan dengan pendapatan	139
Lampiran-lampiran	
17. Perbandaran Antara Tahap Pendapatan Dan Pendapatan	139
Bibliografi	
Lampiran soalselidik	

SENARAI JADUAL DAN RAJAH

JADUAL	HALAMAN
1 Keanggotaan Dalam Parti Politik	45
2 Maklumat Asas Mukim/Kampung Kedondong	47
3 Bilangan Penduduk Dari Segi Jantina dan Umur	48
4 Status Kerja Penduduk Di Kampung Kedondong	54
5 Pemilikan Tanah Padi Penduduk	57
6 Tanah Bendang Luar Bandar Mengikut Saiz	60
7 Perbandingan Antara Umur Dan Jenis Pekerjaan	61
8 Bilangan Isi Rumah Mengikut Jenis Guna Tanah dan Keluasan	70
9 Bilangan Isi Rumah Yang Memiliki Kenderaan	71
10 Bilangan Isi Rumah Yang Memiliki Binatang Ternakan	71
11 Harta Dalam Rumah	72
12 Tahap Pendidikan Ketua Keluarga	73
13 Bilangan Isi Rumah Mengikut Jumlah Pendapatan	114
14 Pendapatan Para Petani	115
15 Hubungan status Pekerjaan dan Pendapatan	117
16 Taraf Perbelanjaan Penduduk dibanding- kan dengan pendapatan	121
17 Perhubungan Antara Tahap Pendapatan Dan Kemudahan Rumah	123

JADUAL	HALAMAN
18 Status Pelajaran Di Kalangan Petani	126
19 Kawasan Penanaman Padi Secara Umum Di Kampung Kedondong	134

Sejak dari dahulu lagi negeri Kelantan telah dikenal
RAJAH an kgiatan penanaman padi. Tidak kecergutan jika dikatakan
bingang ini masih terkenal sebagai sebuah negeri Melasang
1 Graf Piramid - Pembahagian Penduduk Di
Kedondong 49
2 Carta organisasi KADA 87
Dak budi besar juga mengenai kgiatan penanaman padi telah berubah
dari negi penggunaan teknologinya. Ini berkaitan dengan adanya
penglibatan dari agensi-agensi awam yang peranananya khusus terkumpu
kepada kgiatan pertanian.

Di Kelantan, Lebuhraya Kemajuan Pertanian Nasional (KAPN) adalah serupa sekali perpaduan yang ditemui yang membuktikan peranan secara langsung dalam kgiatan penanaman padi. Agensi-agensi lain termasuklah Lebaga Padi dan Beras Negara (LPB), Lebaga Perleburhan Palaiang (LPP), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Melayu (IKANDI), Lemaga Penasaran Pertanian Persekutuan (PKP), Jabatan Pertanian dan Bank Pertanian Malaysia (BPM).

1.2 Rujuan Dan Bidang Kajian

Kajian ini dilakukan di Kampung Kedondong, Pasir Mas, Kelantan. Penyelidikan yang dilakukan ini untuk memerlui beberapa tujuan, antaranya iaitu:

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sejak dari dahulu lagi negeri Kelantan telah terkenal dengan kegiatan penanaman padi. Tidak keterlaluan jika dikatakan hingga ke hari ini ia masih terkenal sebagai sebuah negeri 'jelapang padi' yang kedua selepas negeri Kedah. Sesuai dengan perubahan masa maka begitulah juga dengan kegiatan penanaman padi, ia telah berubah dari segi penggunaan teknologinya. Ini berkaitan dengan adanya penglibatan dari agensi-agensi awam yang peranannya khusus tertumpu kepada kegiatan pertanian.

Di Kelantan, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) adalah merupakan satu perbadanan yang utama yang memainkan peranan secara langsung dalam kegiatan penanaman padi. Agensi-agensi lain termasuklah Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Jabatan Pertanian dan Bank Pertanian Malaysia (BPM).

1.2 Tujuan Dan Bidang Kajian

Kajian ini dilakukan di Kampung Kedondong, Pasir Mas, Kelantan. Penyelidikan yang dilakukan ini untuk memenuhi beberapa tujuan, antaranya ialah:

i. Untuk memperdalam pengetahuan dan kefahaman tentang bentuk, kedudukan, perspektif dan masalah kaum tani khususnya yang wujud di kampung ini. Dari ini dengan secara tidak langsung kita akan dapat membuat satu kenyataan tentang keadaan pembangunan sebenar yang wujud di kampung itu.

ii. Untuk meneliti secara keseluruhan dan terperinci tentang peranan agensi-agensi awam yang terlibat dengan pertanian, seperti LPN, BPM, MARDI, FAMA, LPP dan lain-lain agensi lagi. Walau bagaimana pun tumpuan yang lebih mendalam adalah pada peranan agensi KADA dalam membangunkan masyarakat tani di kawasan tersebut. Jadi di sini tujuan utama ialah untuk menentukan sejauhmanakah peranan yang dimainkan itu memberi kesan pada

masarakat yang dikaji, samada telah mengalami perubahan atau masih lagi berada di tahap yang lama. Keberkesanan ini adalah dinilai dari segi kedudukan ekonomi dan sosial di kampung itu.

iii. Untuk membuat penilaian secara objektif dan

kritis tentang potensi pertanian padi dalam melahirkan masyarakat tani yang lebih moden.

Penilaian ini akan dapat dibuat setelah melihat secara keseluruhan.

keberkesanan dari aktiviti dan sumbangan yang diberikan oleh agensi pembangunan pertanian seperti di atas tadi.

iv. Untuk mengesan dan mengemukakan kritikan serta cadangan atau saranan dalam memperbaiki kedudukan dalam perjalanan agensi KADA di kampung tersebut. Ini adalah untuk kepentingan bersama terutama dalam meninggikan prestasi kaum tani di kampung tersebut.

Berkenaan dengan bidang kajian, akan disentuh beberapa aspek yang berkaitan dengan keadaan kemiskinan dan proses pembangunan desa yang wujud di kalangan petani di kampung tersebut. Pengkaji akan melihat punca-punca kemiskinan yang biasa berlaku dan bagaimakah keadaan ini dapat diatasi dengan adanya ciri-ciri pembangunan desa yang telah cuba diterapkan itu.

Seperti juga dengan kajian-kajian lain yang biasa dilakukan di sini juga akan dilihat pengenalan kampung tersebut dari segi geografi, penduduk dan demografi, aktiviti ekonomi, sosial dan politik serta kebudayaan. Tidak ketinggalan juga kemudahan-kemudahan infrastruktur yang ada yang telah memberi manfaat pada penduduk-penduduk kampung tersebut. Dengan kata lain, penumpuan akan dibuat mengenai realiti sosio-ekonomi masyarakat tani Kampung Kedondong dan kaitannya dengan perkembangan kemajuan masyarakat secara keseluruhannya.

Tumpuan yang utama juga dibincangkan mengenai fungsi KADA dengan melihat tujuan penubuhan dan perlaksanaannya. Secara tidak langsung akan dibincangkan peranan agensi awam yang lain yang ada kaitannya dengan pertanian seperti LPN, FAMA, MARDI, Jabatan Pertanian, LPP, Bank Pertanian Malaysia. Pengkaji akan cuba meneliti keberkesanan peranan agensi-agensi awam tersebut dalam mengatasi masalah pertanian yang wujud dan seterusnya meningkatkan taraf kemajuan ekonomi petani di Kampung Kedondong.

1.3 Kaedah Penyelidikan

Kajian ini merupakan sebahagian daripada projek-projek kajian kemiskinan di Malaysia yang dianjurkan oleh Institut Pengajian Tinggi (IPT), Universiti Malaya. Untuk sesi 1985/86 buat pertama kalinya pihak IPT menjalankan suatu projek yang mendapat kerjasama penuh dari Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, di mana telah melibatkan 70 orang pelajar tahun ketiga. Pemilihan 73 buah kampung telah ditentukan oleh pihak IPT sendiri. Kampung-kampung tersebut merupakan kampung yang dikategorikan sebagai miskin di Malaysia. Faktor yang digunakan dalam pilihan tersebut ialah negeri, dan daerah, saiz penduduk kampung, golongan etnik serta kegiatan ekonomi yang wujud di kampung itu.

Pengkaji telah dipilih untuk membuat kajian tersebut di Kelantan, iaitu di Kampung Kedondong, Pasir Mas.

1. Soalselidik

Kaedah ini merupakan kaedah asas di dalam kajian pengkaji.

Kaedah menggunakan borang soalselidik ini dilakukan melalui 3 peringkat iaitu pertamanya pada 3hb. April 1985 hingga 16hb. April 1985, peringkat kedua antara 21hb. April 1985 hingga 25hb. April 1985 dan peringkat ketiga ialah pada 25hb. April 1985 hingga 29hb. April 1985. Kaedah berperingkat-peringkat ini timbul oleh sebab-sebab tertentu yang tidak dapat dielakkan oleh pengkaji, iaitu pada masa ini didapati penduduk-penduduk kampung sedang sibuk membuat persiapan sempena lawatan Menteri Besar Kelantan ke kampung itu.

Pengkaji telah disediakan 50 borang 'questionnaire' atau soalselidik kepada setiap 50 orang responden yang dipilih sebagai 'sample' bagi mewakili keseluruhan penduduk dan realiti masyarakat tani di kampung itu. Soal jawab ini dilakukan dengan cara bersempuka (face to face) berdasarkan soalan-soalan yang terdapat di dalam borang soalselidik tersebut. Soalan-soalan ini terbahagi kepada dua bentuk iaitu soalan berbentuk tertutup (close-ended questions) dan soalan berbentuk terbuka (open-ended questions). Walau bagaimanapun, kajian di kampung ini dapat disiapkan dalam jangkamasa satu bulan.

ii. Temubual (Interview)

Kaedah ini dilakukan tanpa perpandukan pada borang soalselidik. Ini dilakukan terutamanya bila timbul persoalan-persoalan dari para responden mengenai kegiatan pertanian dan peranan yang dimainkan oleh pihak KADA serta agensi-agensi lain di kampung

tersebut, tetapi yang jelasnya kaedah ini digunakan bila pengkaji mengemukakan persoalan-persoalan yang tidak terdapat dalam borang soalselidik. Keterangan yang diperolehi dan responden ini dicatitkan dengan menggunakan 'note-book' supaya nanti segala keterangan itu tidak hilang begitu sahaja.

Selain dari tujuan untuk berinteraksi dengan penduduk kampung ini dan responden, kaedah ini juga digunakan ketika bertemu bual dengan penghulu Kampung Kedondong, yang merupakan 'key-informant' bagi komuniti kampung tersebut. Temubual juga telah diadakan dengan Penggawa Mukim Kedondong, Pengurus Kawasan Pertubuhan Peladang Kubang Bunut di pejabatnya di Meranti dan dengan guru-guru besar Sekolah Menengah Meranti, Sekolah Menengah Sultan Ibrahim (2), Sekolah Menengah Arah, Pasir Mas dan Sekolah Arab Ismailiyah, Binjal Manis, Pasir Mas, Kelantan. Walaupun pengkaji tidak memberi tumpuan kajian di bidang pelajaran, tetapi dari pertemuan dengan para guru besar sekolah-sekolah tersebut, dengan secara tidak langsung pengkaji dapat mengetahui tentang keadaan murid-murid sekolah berkenaan yang berasal dari Kampung Kedondong.

Seterusnya pengkaji telah membuat kajian yang terakhir dengan mewawancara pegawai Unit Penerangan KADA, Kota Bharu iaitu pada 26hb. Jun 1985.

iii. Pemerhatian (observation)

Metode pemerhatian lebih merupakan 'pelengkap' dan 'penambah' kepada teknik-teknik lain. Ia membantu pengkaji mendapat bukti yang lebih sahih dan jelas tentang maklumat-maklumat yang tidak diperolehi dan kaedah sebelum ini. Contohnya dengan melihat sendiri kerja-kerja di Kompleks LPN dan KADA, proses-proses yang berkaitan dengan pertanian padi di kawasan persawahan dan lain-lain dapat memberi bukti keterangan yang lebih jelas dan nyata. Gambar-gambar akan diambil bagi mana-mana kegiatan yang berkaitan dengan kajian.

Pengkaji juga menggunakan kaedah ini untuk memerhati kualiti-kualiti tertentu iaitu dari segi perlakuan dengan gaya pakaian, pergaulan mereka sehari-hari dan juga hal-hal berkaitan dengan keadaan isi rumah dan harta pemilikan mereka. Pengkaji juga telah membuat pemerhatian dari pergaulan sehari-hari dengan penduduk kampung, dan dengan secara tidak langsung pengkaji telah membuat 'cross-checking' untuk mengetahui keadaan sebenar yang berlaku di kampung tersebut terutamanya yang berkaitan dengan kegiatan pertanian. Pengkaji telah menggunakan 'note-book' untuk mencatat segala maklumat-maklumat yang diperolehi dari pemerhatian tersebut.

iv. Perpustakaan (Library Research)

Bagi memperolehi data-data yang relevan dengan kajian,

pengkaji juga telah membuat penyelidikan perpustakaan (library research). Ini terutamanya untuk melihat hubungan yang berkaitan dengan fakta-fakta dan teori-teori seperti teori pembangunan dan teori kemiskinan.

Pengkaji mendapat bahan-bahan rujukan dari akhbar dan majalah tempatan dan lain-lain sumber yang berkaitan. Data-data kedua, iaitu buletin-buletin penting tentang pertanian telah didapati dari ibupejabat KADA, Kota Bharu, Pertubuhan Peladang Kubang Bumut dan Pejabat Pertanian Pasir Mas. Pengkaji juga telah memperolehi peta jajahan dan data-data pembangunan daerah Pasir Mas dari Pejabat Daerah Pasir Mas.

1.4 Masalah Kajian

Di dalam mana-mana projek penyelidikan sosial, masalah subjektiviti dan objektiviti memang tidak dapat dielakkan. Masalah-masalah seumpama ini juga dihadapi oleh pengkaji tatkala menjalankan kajian ini.

1. Masalah Lokasi

Pada umumnya Kampung Kedondong terbahagi dua iaitu Kedondong Hulu dan Kedondong Hilir. Jaraknya agak jauh, ini menimbulkan kerumitan pada pengkaji yang hanya berjalan kaki dari satu rumah ke satu rumah responden tersebut. Ini terutamanya untuk ke rumah responden yang terletak di Kedondong Hilir.

ii. Masalah Masa

Semasa kajian dilakukan, ramai di kalangan responden itu tidak pernah berada di rumah, terutamanya di kalangan suami yang merupakan ketua keluarga. Bagi yang menjadi petani akan turun ke sawah, manakala responden yang terlibat dengan kerja pertukangan dan pembinaan akan pergi ke tempat mereka bekerja. Para isteri pula ada yang sibuk dengan kerja-kerja rumah dan tidak kurang pula ada yang turun ke sawah bersama-sama suami mereka. Oleh itu pengkaji terpaksa membuat 'follow-up visit' untuk kali keduanya. Ini sudah tentu memakan masa dan tenaga.

Juga terdapat beberapa orang responden yang terpaksa di temui pada waktu malam hari, memandangkan mereka bekerja pada waktu siang. Ini tidak saja menimbulkan kesulitan bagi pemilis malah boleh mengganggu para responden yang keletihan setelah sehari bekerja pada waktu siang hari. Bagi rumah responden yang agak jauh terkedalam, pengkaji cuba menemui mereka pada hari Jumaat. Pada hari ini, petani tidak akan turun ke sawah; mereka hanya berkebun sayur atau membuat kerja-kerja kampung yang lain di persekitaran rumah mereka.

Responden pula, sebagaimana sifatnya orang kampung lebih suka 'bersempang' dengan perbualan-perbualan yang menyimpang dari apa yang dikehendaki oleh pengkaji. Berbagai-bagai cerita yang ditimbulkan semasa perbualan itu, bukan saja mengenai keadaan

di kampung itu, bahkan meleret-leret ke arah lain. Perbualan ini harus dilayan demi menjaga hati mereka disamping memujuk mereka memberitahu persoalan-persoalan yang sensitif seperti isu-isu politik dan sebagainya. Dari itu, masa yang lama terpaksa diambil sebelum dapat mencungkil fakta yang sebenar.

Terdapat juga keadaan bila mana pengkaji sedang menemuramah seseorang responden, jirannya atau orang yang lalu lalang (juga penduduk kampung itu) akan berhenti dan bertanyakan sesuatu, dari itu telah mengganggu pengkaji dengan responden yang sedang berwawancara ketika itu. Kalau biasanya masa yang diambil 45 minit untuk seorang responden maka ini bertambah pada satu jam lebih.

iii. Masalah Responden

Masalah responden ini dimaksudkan bila mana timbulnya tanggapan yang negatif dari para responden terhadap pengkaji-pengkaji. Keadaan ini timbul bila pengkaji mengemukakan persoalan-persoalan yang sensitif terutama berkaitan dengan isu-isu politik, penyelewengan subsidi dan sebagainya. Pertanyaan pengkaji ini dianggap mempunyai nilai yang tidak baik. Oleh itu, para responden tersebut cuba untuk mengelak dari bercakap tentang 'kes' seumpama ini.

Dari pergaulan sehari-hari dengan penduduk kampung tersebut terdapat desas-desus yang menyatakan mereka kurang senang bila persoalan politik itu ditimbulkan. Bagi mengatasi masalah ini atau sekurang-kurangnya menghilangkan perasaan salah tanggap ini,

pengkaji terpaksa menerangkan dengan berhati-hati tentang tujuan sebenar kajian itu dilakukan.

Para responden juga menimbulkan masalah bila pengkaji mempersoalkan tentang pendapatan yang diperolehi. Mereka merasa ragu-ragu dan malu untuk menyatakan keadaan yang sebenarnya. Begitu juga bila dikemukakan tentang hutang yang mereka tanggung. Dalam keadaan seperti ini, kadang-kadang pengkaji mendapati perbelanjaan mereka melebihi dari pendapatan bulanan mereka. Untuk mengelak dari memperolehi data yang 'bias' pengkaji terpaksa membuat 'cross-checking' dengan merisik-risik dari jiran tetangga, atau saudara-mara yang rapat dengan responden tersebut.

Masalah Soalan

Soal ketidakfahaman terhadap soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengkaji juga timbul. Justeru itu pengkaji terpaksa menerangkan maksud sebenar soalan-soalan tersebut dalam bahasa yang paling mudah yang dapat difahami oleh responden. Contohnya dalam borang soalselidik yang disediakan ramai responden tidak faham tentang kedudukan pengaruh penghulu, penggawa dan pegawai kerajaan ke atas kampung tersebut.

Masalah Pegawai Jabatan

Masalah ini timbul terutamanya untuk berjumpa dengan Pegawai KADA. Pengkaji terpaksa membuat 'appointment' terlebih

dahulu, tetapi kadang-kadang bila pengkaji pergi ke pejabatnya didapati pegawai tersebut sudah keluar membuat lawatan ke kampung-kampung di samping berjumpa dengan para petani yang tinggal di kawasan seliaannya. Dari itu pengkaji terpaksa menghubunginya sekali lagi (dengan cara telefon) pegawai berkenaan pada masa pengkaji hendak pergi ke pejabat tersebut. Walau bagaimanapun para pegawai yang ditemui telah memberi kerjasama dan layanan yang baik pada pengkaji.

1.5 Kepentingan Kajian

Hasil dari penyelidikan yang dilakukan maka dapat dibuat penilaian yang terperinci tentang peranan yang telah dimainkan oleh KADA (Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu). Seterusnya dapat dibuat rumusan untuk melihat setakat manakah KADA telah mencapai kejayaan dalam usahanya untuk membangunkan masyarakat petani di kampung tersebut. Dari kajian ini adalah mustahak untuk memberi kesedaran tentang pentingnya pembangunan itu terhadap sektor pertanian, iaitu hasil dari penglibatan teknologi-teknologi moden yang dibekalkan oleh pihak KADA.

Kajian ini juga amat penting untuk memberi gambaran mengenai keadaan sosio-ekonomi petani-petani dalam kawasan umumnya, dan di kampung ini khususnya. Ini terutamanya dari segi:

- a. Sifat sosial petani-petani
- b. Perhubungan petani-petani dengan agensi kerajaan
- c. Kedudukan tanah dan penyewaan
- d. Aturcara penanaman padi dan penggunaan faktor input
- e. Harta dan pendapatan petani

Secara tidak langsung juga kajian ini memberi keuntungan pada penduduk kampung itu sendiri kerana dapat mendedahkan mereka kepada perkara-perkara baru. Sebelum ini, belum terdapat kajian-kajian terperinci yang dilakukan di kampung tersebut. Selain dari itu, pengkaji juga telah dapat mengorek curahan fikiran yang selama ini terpendam di kotak fikiran mereka. Ini terutamanya bila dikemukakan persoalan-persoalan yang tidak berkaitan dengan soalselidik iaitu soalan secara tidak formal. Ini penting kerana pengkaji telah dapat mengetahui akan keadaan yang sebenarnya berlaku di kampung tersebut yang selama ini tidak disedari oleh sesiapapun. Ini terutamanya dari segi politik dan taraf kemajuan di kampung itu.

Kajian ini juga penting kerana kita dapat membantu perbandingan antara kewujudan kampung itu dengan taraf kemajuan yang dicapainya. Di sini bermakna samada taraf kemajuan yang terdapat itu sesuai atau tidak dengan jarak kewujudan kampung itu.

Juga perbandingan dapat dibuat antara jumlah pendapatan yang diperolehi oleh setiap ketua keluarga dengan tahap pelajaran serta status pekerjaan mereka. Ini seterusnya dapat dikaitkan dengan teori kemiskinan dan pembangunan desa yang sebenarnya menjadi tumpuan kajian ini.

Selain dari dapat melihat peranan KADA, kajian ini juga mustahak kerana telah dikaitkan dengan agensi-agensi awam lain yang turut terlibat dalam sektor pertanian. Agensi-agensi awam itu seperti MARDI, FAMA, LPN, BPM dan lain-lain lagi. Jadi dapat dianalisa samada dari gabungan agensi-agensi tersebut berjaya atau tidak melahirkan masyarakat petani moden di kampung itu. Secara keseluruhannya, pentingnya kajian ini adalah untuk menunjukkan keberkesanan aktiviti-aktiviti serta sumbangan-sumbangan agensi-agensi awam itu, terutamanya KADA kepada taraf sosio-ekonomi penduduk Kampung Kedondong.

Bila membincangkan permasalahan kemiskinan dan pembangunan di kalangan masyarakat tanu di luar bandar, tidak dapat dinafikkan bahawa ia merupakan suatu masalah besar yang dihadapi oleh masyarakat dunia hari ini. Boleh dikatakan masalah ini wujud dan diperintah di mana-mana sahaja manakala di negara sedang membangun atau di negara mana yang masih pun mencapai taraf kemajuan dan pembangunan ekonomi yang tinggi. Ibu bapa ke kemiskinan ini

BAB II

KEMISKINAN DAN PEMBANGUNAN DESA DI KALANGAN PARA PETANI DI MALAYSIA

2.1 Pengenalan

Dalam bab ini secara sepintas lalu akan dibincangkan berkenaan dengan keadaan kemiskinan dan pembangunan desa yang wujud di kalangan masyarakat tani di Malaysia. Ini bertujuan untuk perspektif yang lebih luas mengenai keadaan kehidupan petani-petani secara keseluruhan sebelum ditumpukan dengan lebih terperinci perhatian kepada keadaan petani di Kampung Kedondong. Bab ini juga perlu untuk melihat peranan pertanian dalam pembangunan ekonomi iaitu dalam mengubah taraf kehidupan masyarakat tani secara keseluruhan dan seterusnya dikaitkan pula dengan agensi-agensi pertanian yang memainkan peranan untuk memaju dan membangunkan komuniti para petani itu ke tahap yang lebih baik.

Bila membicarakan persoalan kemiskinan dan pembangunan di kalangan masyarakat tani di luar bandar, tidak dapat dinafikan bahawa ia merupakan suatu masalah besar yang dihadapi oleh masyarakat dunia hari ini. Boleh dikatakan masalah ini wujud dan diperkatakan di mana-mana sahaja samada di negara sedang membangun atau di negara maju yang sudah pun mencapai taraf kemajuan dan pembangunan ekonomi yang tinggi. Ini bermakna kemiskinan itu

tidak saja wujud di negara-negara sedang membangun yang asas pendapatannya adalah dari pertanian tetapi juga wujud di negara-negara maju yang berorientasikan perindustrian.

Masalah kemiskinan telah mengancam kehidupan masyarakat secara keseluruhannya. Didapati 66% daripada penduduk dunia berada dalam keadaan miskin (Mountfield, 1974:12). Sementara itu 800 juta menerima miskin terhadap di negara-negara dunia ketiga dan dari kajian yang dilakukan di beberapa buah negara berpendapatan rendah menunjukkan lebih kurang 40% dari kanak-kanak pra-sekolah menghadapi tanda-tanda kurang makan. Berjuta-juta daripada mereka dikatakan menunggu kematian akibat dari keadaan itu atau dari perkembangan fizikal yang susut.

Bila sesebuah negara dapat mengurangkan masalah kemiskinan, dengan secara tidak langsung proses pembangunan di negara itu meningkat. Sebenarnya perbincangan tentang proses pembangunan dan kemiskinan di kalangan masyarakat tani di luar bandar sentiasa dititikberatkan dari masa ke semasa. Ia biasanya dikaitkan dengan negara-negara dunia ketiga seperti Malaysia dan negara di Asia Tenggara yang lain.

Pembangunan secara umumnya adalah suatu proses sejarah di mana sesuatu masyarakat itu berkembang dari primitif kepada kompleks iaitu dalam konteks hari ini, ialah masyarakat industri. Apa yang dititikberatkan ialah mengenai peringkat-peringkat dan

proses-proses yang berlaku di mana bagi negara-negara yang ketinggalan di belakang dalam sejarah bangsanya akan cuba bangun untuk memajukan masyarakat mereka. Kebanyakan negara-negara ini terdiri dari negara-negara yang di bawah pentadbiran kolonial Eropah. Walau bagaimanapun Perang Dunia Kedua secara radikalnya telah mengubah situasi tersebut.

2.2 Kemiskinan Petani Dan Pembangunan Desa Di Malaysia

Kerajaan telah mengenalpasti kemiskinan sebagai masalah terbesar sekali dalam masyarakat desa. Itulah sebabnya rancangan pembangunan desa di kalangan petani terutamanya dari segi ekonomi dikaitkan dengan pembasmian kemiskinan. Berbagai-bagai usaha telah dijalankan dengan begitu lama oleh kerajaan dalam rancangan ini, tetapi kemiskinan masih berterusan.

Bagi Kamal Salleh (1983) menakrifkan kemiskinan sebagai:

- a. Golongan yang tidak mempunyai keupayaan pendapatan (inadequacy)
- b. Golongan yang tidak mempunyai 'access' kepada sumber-sumber pengeluaran, pendidikan dan sebagainya).
- c. Sebagai golongan yang tidak menikmati keperluan asas (perlindungan, permakanan, pendidikan asas, kesihatan, pekerjaan dan sebagainya) yang

mencukupi mengikut ukuran sarahidup sesuatu

masyarakat (bandar atau luar bandar)

Beliau seterusnya menambah bahawa konsep atau pengertian kemiskinan haruslah merangkumi faktor-faktor struktural (ekonomi agihan pendapatan dan kuasa-kuasa sosial yang lain) yang menentukan kedudukan golongan miskin dalam susunan masyarakat keseluruhannya dan juga faktor-faktor konjunktural yang merangkumi tekanan-tekanan semasa mengikut aliran perkembangan ekonomi dan sosial masa kini).

Pendapat di atas lebih kurang sama saja dengan pendapat Syed Husin Ali (1983) yang mengatakan bahawa kemiskinan adalah satu keadaan berkurangan di mana ia memberi gambaran deprivasi dari segi keperluan asasi dan keperluan terbitan. Keperluan asasi adalah seperti makanan, tempat tinggal dan pakaian, manakala keperluan terbitan merangkumi segala kemudahan-kemudahan sosial seperti bekalan air, elektrik, kesihatan, kemudahan rekreasi dan sebagainya. Dari segi ekonomi, kemiskinan merupakan satu keadaan ketiadaan atau kekurangan kemampuan disebabkan oleh tingkat pendapatan, pemilikan dan pekerjaan yang rendah. Manakala dari segi sosial pula, golongan miskin menduduki lapisan bawah dalam sistem susunlapis masyarakat. Beliau mengatakan bahawa punca-punca kemiskinan adalah struktur masyarakat dan sejarah telah menimbulkan struktur tersebut.

Jadi secara umum kemiskinan bererti keadaan kekurangan

untuk mendapatkan keperluan hidup dan kemudahan sosial yang minimum. Keperluan hidup yang utama ialah makanan, pakaian dan perumahan. Kita boleh mengukur kadar yang minimum bergantung kepada taraf hidup dalam sesebuah masyarakat dan keperluan bagi satu-satu keluarga. Kemudahan sosial perlu untuk memberi kehidupan selesa bagi keluarga dan jaminan masa depan yang baik bagi anak-anak. Di antaranya ialah kemudahan air, api, pengangkutan, kesihatan dan pelajaran.

Untuk mendapatkan segala keperluan dan kemudahan di atas maka seseorang itu atau sekeluarga itu mesti mempunyai kemampuan yang diukur dengan pendapatan. Punca pendapatan yang penting di zaman ini ialah pekerjaan atau pemilikan harta. Di samping konsep makan gaji tidak meluas, walaupun terdapat ramai yang mengambil upah misalnya dari kerja-kerja pertanian atau pertukangan, tetapi didapati lebih ramai yang mendapat hasil dari usaha atau kerja-kerja mereka di atas tanah sendiri. Ada sebilangan kecil yang tidak perlu mengerjakan tanah sebab pemilikan mereka luas dan oleh itu mampu memawah dan mamajak tanah mereka untuk dikerjakan oleh orang-orang lain.

dan budayaan.

Di Malaysia, biasanya pengukuran kemiskinan dibuat dengan cara mutlak. Cara ini ialah dengan menggunakan apa yang dipanggil garis kemiskinan. Garis ini menandakan pendapatan yang diperlukan oleh seseorang atau sekeluarga untuk belanja segala bentuk keperluan

hidup dan kemudahan sosial. Mereka yang di bawah garis ini di anggap miskin. Adalah susah untuk menentukan garis kemiskinan, akan tetapi ia boleh ditentukan secara saintifik. Garis ini tidak tetap bahkan boleh diubah. Untuk berguna garis ini mesti mencerminkan taraf sebenar dan tidak boleh diturun naik dengan sewenang-wenangnya sahaja.

Perlu ditegaskan bahawa kemiskinan mutlak wujud bila ada orang di bawah garis kemiskinan yang ditentukan itu. Ini bermakna kemiskinan mutlak bukannya wujud hanya manakala ada orang yang kebuluran dan tidak ada rumah serta pakaian. Di Malaysia sekarang garis kemiskinan ditentukan pada tingkat pendapatan \$380.00 sekeluarga sebulan dan lebih kurang 30% daripada semua penduduk adalah di bawah garis ini. (Syed Husin Ali, 1984).

Punca-punca yang menyebabkan kemiskinan, sudah lama wujud dan banyak dibincangkan dan secara umum boleh dibahagikan kepada 2 jenis:

- a. Jenis yang mementingkan faktor-faktor atau ciri-ciri berikutan dengan personaliti manusia dan kebudayaan.
- b. Jenis yang mementingkan faktor berkaitan dengan susunan atau struktur masyarakat sendiri terutama dalam bidang ekonomi dan politik.

Kerajaan dalam berbagai dasar dan lapisannya menekankan faktor manusia dan kebudayaan. Oleh itu ia mengutamakan usaha-usaha untuk mengubah sikap dan nilai. Faktor ekonomi disentuh, tetapi setakat yang berhubungan dengan saiz tanah yang tidak ekonomik dan daya pengeluaran yang rendah akibat kekurangan teknologi moden. Faktor yang bersabit dengan struktur ekonomi dan politik tidak disentuh sama sekali.

Aspek kedua ialah bergantungnya masyarakat dan ekonomi desa kepada ekonomi dunia. Hasil pertanian yang diekspot seperti getah, kelapa sawit perlu melalui rangkaian orang tengah di berbagai peringkat. Penentuan harga dilakukan, bukan saja oleh orang tengah tetapi lebih penting lagi oleh pemodal-pemodal besar yang menguasai pasaran dunia. Petani, khususnya mereka yang tidak kuat kedudukan ekonominya sering menjadi mangsa kepada keadaan harga yang tidak stabil. Mereka menanggung banyak kesulitan, manakala harga pasaran dunia jatuh. Walau bagaimanapun rajin dan tingginya dorongan petani, mereka tidak dapat menentukan pendapatan mereka, sebab harga barang yang mereka keluarkan tidak boleh ditentukan oleh diri mereka sendiri.

Jika diaplikasikan di Kampung Kedondong, pengkaji dapati penduduknya boleh dikira berada dalam keadaan kemiskinan jika dibandingkan dengan tidak adanya keperluan terbitan seperti bekalan air, api dan kemudahan rekreasi. Dari segi ekonomi adalah dibandingkan dengan taraf kehidupan dalam satu-satu masyarakat itu

sendiri, iaitu dengan melihat pada jumlah pendapatan jenis-jenis kegiatan ekonomi yang dilakukan serta dikaitkan dengan perbelanjaan harian mereka. Dari perbandingan dengan keperluan asasi seperti makanan, tempat tinggal dan pakaian didapati keseluruhan daripada penduduk kampung tersebut memenuhi keperluan tersebut. Kesemua daripada mereka mempunyai tapak rumah dan tanah sendiri. Didapati garis kemiskinan di Malaysia ialah \$380.00 dan jika di bawah tahap ini, sesebuah keluarga itu dikira miskin. (S. Husin Ali, 1984). Walau bagaimanapun di kampung itu bagi sesebuah keluarga yang berpendapatan \$300.00 sebulan sudah dianggap mencukupi untuk beras dan setengah-setengah keperluan harian tidak payah dibeli. Jadi sebahagian dari pendapatan mereka dapat digunakan untuk keperluan sosial yang lain seperti pelajaran dan lain-lain. Bagi penduduk yang berpendapatan dari \$300.00 ke atas (dari kajian) mendapati keadaan kehidupan mereka adalah agak selesa.

Pembangunan Desa

Satu konsep pembangunan yang telah dikemukakan dalam Laporan Bank Dunia, 1975 (World Bank Reports, 1985) yang berbunyi 'Rural Development is a strategy designed to improve the economic and social life of a group of people, the rural people. It improves extending the benefits of development to the poorest among those who seek a livelihood in the rural areas. The group includes small scale farmers, tenants and the landless.'

dasper iaitu Dasper Ekonomi Baru (DEB) yang mempunyai dua tujuan

Secara prinsipnya empat perkara penting di dalam perancangan pembangunan desa adalah diperlukan bagi memastikan program-program pembangunan luar bandar dapat dilaksanakan dengan berkesan. Perkara-perkara itu:

- i. Satu perancangan atau program khusus untuk

dikaitkan secara tegar dengan pembinaan berbilang, baik dari pembangunan desa disertai dengan bantuan dari polisi-polisi lain di peringkat nasional serta peruntukan yang mencukupi.

- ii. Satu organisasi yang dibuat di peringkat

nasional untuk menyelaras semua agensi-agensi

atau jabatan-jabatan awam di peringkat atas

ke bawah.

- iii. Penurunan kuasa lebih besar yang disertai

dengan keupayaan kepada peringkat wilayah atau

pendapatan tempatan di dalam menyelaraskan aktiviti sektoral.

- iv. Penyertaan rakyat tempatan (kumpulan sasaran)

di dalam perancangan dan penyelarasan.

Pada 13 Mei 1969, telah berlaku satu peristiwa yang mengguncang seluruh negara. Pergaduhan kaum telah berlaku di Kuala Lumpur yang mempunyai kesan besar ke atas perkembangan ekonomi dan politik negara ini. Bermula dari sinilah tergubalnya satu dasar iaitu Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang mempunyai dua tujuan

utama iaitu:

- i. Menyusun semula masyarakat
- ii. Membasmi kemiskinan

iii. Projek pembangunan pertanian dan talair dan sawah

Di sini buat pertama kalinya rancangan pembangunan desa dikaitkan secara tegas dengan pembasmian kemiskinan. Sejak dari Rancangan Malaysia Kedua (RMK) pembangunan desa dan pertanian mendapat keutamaan dalam rancangan pembangunan di Malaysia. Bagi rancangan itu kira-kira 24.2% dari seluruh perbelanjaan yang dipindah ialah untuk pembangunan desa dan pertanian. Walau bagaimana pun bagi Rancangan Malaysia Ketiga peruntukannya turun sedikit kepada 23.6% dan turun lagi kepada 19.6% dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Dari segi pendekatannya, pembangunan di desa ini lebih ditumpukan kepada meningkatnya daya pengeluaran dan seterusnya pendapatan para petani dengan cara memperluaskan penyebaran atau difusi unsur-unsur moden di kalangan masyarakat desa. Lebih tegas lagi pendekatan modernisasi dilaksanakan. Dalam strategi untuk proses pembangunan di luar bandar, terdapat penekanan yang dijalankan melalui 3 projek yang diutamakan:

- i. Projek membuka rancangan tanah getah dan kelapa sawit di bawah FELDA dan menanam semula. Hampir separuh dari peruntukan daripada peruntukan-peruntukan bagi

pembangunan luar bandar dan pertanian di gunakan untuk rancangan FELDA dan tanaman semula ini.

ii. Projek pembinaan parit dan talair dan usaha lain yang berkaitan dengan memodenkan pertanian padi melalui Revolusi Hijau.

iii. Penyediaan pinjaman pertanian serta khidmat pasaran.

Dalam pada itu pun, perkembangan pertanian negara semakin merosot. Di antara tahun 1975-80 kadar pertumbuhannya cuma dalam lingkungan 1.9% sahaja dan dalam tahun 1983, ia menurun hanya pada 0.3%. Akibatnya dengan tujuan untuk meningkatkan proses pembangunan desa ini wujud pula Dasar Pertanian Negara yang menekankan pertanian dalam pembangunan negara umumnya dan pembangunan desa khasnya. Di sini projek-projek yang ditekankan sama seperti dulu juga, iaitu termasuk penyediaan kemudahan sosial dan tidak kurang pula penekanan yang diberikan ke atas perubahan sikap di kalangan petani supaya mereka sanggup menerima perubahan.

Selain dari itu, untuk proses pembangunan desa di kalangan para petani terdapat 3 aspek lain dari segi penyusunannya iaitu:

- i. Berbentuk mini estet.
- ii. Penubuhan pusat bandar
- iii. Penyertaan dari swasta

- i. Mini estat ini dibentuk dari pengelompokan tanah terbiar atas dasar kerjasama. Sistemnya membenarkan pemilikan yang tidak mengerjakan tanah mereka untuk memperolehi keuntungan.
- ii. Sebaliknya orang yang mengerjakan mini estat itu akan hanya menjadi pekerja yang menerima bayaran yang kurang dari seluruh pengeluaran mereka sebab sebahagian dari hasil itu disokong untuk pemilikan tanah dan kos pentadbiran.
- iii. Rancangan penubuhan pusat-pusat bandar dalam kawasan desa ini, diharap akan membuka peluang pekerjaan kepada para penganggur. Diharap juga industri-industri akan dibangunkan di dalamnya untuk menampung pemuda mahir yang berhijrah ke bandar. Di sini ditumpukan pada perindustrian yang berorientasikan hasil-hasil pertanian.
- iv. Penyertaan swasta atas dasar komersial akan diperluaskan dan memperkuatkan sistem ekonomi dalam masyarakat desa supaya hasil dari permodenan tersebut akan menjadikan masyarakat desa lebih dinamik dan efisien. Ada kemungkinan juga bahawa penyertaan swasta ini diperluaskan kepada usaha pembentukan

mini estat dan juga pembentukan tanah-tanah rancangan.

Ciri-ciri umum pembangunan desa pula ialah:

i. Penekanan pada rancangan pembangunan desa di

Malaysia, lebih menekankan perkembangan ekonomi

yang dapat diukur dengan kenaikan kadar

pertumbuhan dan peningkatan pendapatan

perkapita setiap tahun. Untuk mencapainya

maka ditumpukan segala usaha bagi menambah

dengan pengeluaran. Ini dicapai dengan

memperkenalkan beberapa cara permodenan dari

segi pengeluaran, misalnya melalui penggunaan

baja dan peralatan baru, penggalian parit dan

taliair serta pembukaan tanah-tanah rancangan.

Sebenarnya diperlukan pendekatan banyak dimensi

(multi-dimensional) yang agak radikal supaya

pembangunan yang tercapai melibatkan perubahan

masyarakat secara keseluruhannya dan tidak terbatas

terbatas kepada meningkatkan pendapatan ekonomi

sahaja.

ii. Rancangan pembangunan menumpu kepada usaha

juga terdapat setengah-setengah dari mereka meninggalkan kampung

membasmi kemiskinan dengan tidak melibatkan

sebab tidak terdapat jenama kerjaya yang kecil

struktur sosio-ekonomi yang wujud. Misalnya

tidak ada usaha untuk menyusun semula sistem

dan pola pemilikan dan pengeraian. Ada rancangan pembukaan tanah baru di bawah FELDA. Seperti yang telah diterangkan rancangan ini jauh dari datangnya hasil pada mencukupi dan terlalu mahal. Begitu juga rancangan perairan seperti MADA dan KADA , ia boleh meningkatkan penghasilan tetapi selagi wujudnya sistem pawah, sewa, pajak, maka selagi itulah petani tidak akan mendapat peluang sepenuhnya daripada usaha mereka.

iii. Rancangan yang menekankan peningkatan pendapatan ini begitu mementingkan soal pengagihan atau jurang pendapatan di kalangan anggota masyarakat. Kenaikan pendapatan perkapita sahaja tidak memadai, ia mesti dimanfaatkan terutama sekali oleh golongan-golongan termiskin dalam kawasan yang termundur.

Walau pun wujud beberapa usaha perindustrian berdasarkan pertanian dan bukan pertanian di dalam masyarakat desa, tetapi perkembangannya lambat dan agak terhad. Ini menyebabkan ramai anak-anak desa yang terdesak untuk ke bandar mencari pekerjaan di kilang-kilang atau sebagai buruh rumah batu. Tidak ketinggalan juga terdapat setengah-setengah dari mereka meninggalkan kampung sebab tidak tertarik dengan kerja-kerja pertanian yang kecil pendapatannya. Tahun 1971 hingga 1990 adalah satu tempoh yang

Oleh itu dalam rangka bidang rancangan ini, perlulah dicari jalan supaya sebaik-baiknya dapat membahagi-bahagikan sumber manusia dan material supaya mencapai keseimbangan yang boleh mendatangkan hasil yang maksimum. Dengan itu tidak saja pembangunan negara seluruhnya dapat digalakkan bahkan yang lebih penting lagi masalah pekerjaan dan kemiskinan rakyat dapat diatasi serta pembangunan desa dapat diwujudkan dengan sempurna.

2.3 Peranan Pertanian Dalam Pembangunan Ekonomi

Secara sepintas lalu ditinjau tentang pertanian di dalam setiap perancangan yang dijalankan oleh Kerajaan Malaysia. Malaysia mempunyai rancangan pembangunan yang tersendiri dengan jangka waktu 5 tahun bagi setiap rancangan pembangunan. Setakat ini Malaysia sudah melaksanakan 5 buah rancangan pembangunan:

- a. Rancangan Malaya I (1956 - 60) atau Rancangan Pembangunan Malaysia
- b. Rancangan Malaya II (1961 - 65)
- c. Rancangan Malaysia Pertama - RMP (1966 - 1970)
- d. Rancangan Malaysia Kedua - RMK (1971 - 1975)
- e. Rancangan Malaysia Ketiga - RMT (1976 - 1980)
- f. Rancangan Malaysia Keempat - RME (1981 - 1985)

Sekarang Malaysia sedang di peringkat akhir RME. Jangka masa 1971 - 80 merupakan tempoh 10 tahun Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP). Tahun 1971 hingga 1990 adalah satu tempoh yang

telah ditetapkan bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB). RME (1981 - 85) merupakan tempoh permulaan 10 tahun RRJP.

Setiap rancangan yang dijalankan mempunyai objektif-objektif tertentu yang perlu ditekankan bahkan terdapat persamaan objektif di antara rancangan-rancangan itu. Di antara objektifnya ialah untuk membasmi kemiskinan di kalangan penduduk luar bandar. Di Malaysia kemiskinan luar bandar masih lagi tinggi iaitu sebanyak 37.7% pada tahun 1980 (RME, 1981: 37). Maka sektor ekonomi pertanian dan pembangunan luar bandar telah diberi keutamaan yang tertinggi iaitu dengan perbelanjaan sebanyak \$6.466 juta atau 18.6% dan jumlah perbelanjaan untuk pembangunan. Dalam sektor pertanian dan pembangunan luar bandar perbelanjaan yang besar di peruntukkan untuk pembangunan tanah, tanam semula getah, parit dan taliair, kredit pertanian dan pemasaran.

Di Malaysia, masyarakat tani adalah golongan yang majoriti-nya terdiri dari golongan miskin. Justeru itu bagi membasmi kemiskinan di kalangan mereka, teknik-teknik moden dan alat-alat baru yang boleh menggalakkan daya pengeluaran di bidang pertanian telah diserapkan. Teknik-teknik baru dalam pengeluaran dan pengurusan moden seperti menanam padi dua kali setahun, penyediaan sistem taliair yang sempurna dan lain-lain perkhidmatan lanjutan dan penyelidikan disediakan. Jadi ini di antara lainnya adalah mewujudkan masyarakat tadi yang lebih maju.

Untuk membekalkan modal keranau pertanian luar (foreign exchange) iaitu untuk perniagaan bentuk

Sektor pertanian mendapat prioriti yang utama. Jika ditinjau dari berbagai segi ia memang merupakan sektor yang dominan dalam ekonomi. Ini adalah kerana sumbangannya dalam pendapatan dan peranannya dalam membekalkan bidang-bidang pekerjaan pada sebilangan penduduk. Walau bagaimanapun dari penelitian ke atas projek-projek dan program pertanian didapati ia tidak dapat berdiri sendiri. Pertanian mempunyai hubungan yang erat dan saling bergantungan dengan sektor-sektor ekonomi yang lain seperti sektor industri, sektor pekerjaan umum, sektor perdagangan, pendidikan dan sebagainya. Jadi untuk mempercepatkan proses pembangunan pertanian, diperlukan juga peningkatan dalam semua kegiatan-kegiatan yang lain.

Pembangunan ekonomi dengan memberi keutamaan pada sektor pertanian tidaklah merupakan perkara yang utama di negara kita sahaja tetapi juga di negara-negara lain. Ramai yang membicarakan tentang peranan pertanian sebagai sumber tenaga kerja yang tidak terbatas (unlimited labour). Sektor ini juga menyediakan bahan-bahan mentah yang sangat murah pada sektor industri.

Terdapat 3 objektif utama dalam pembangunan pertanian:

i. Untuk membekalkan makanan dan gantian (fibre) dengan pertambahan penduduk di samping pertambahan dalam kuasa beli.

ii. Untuk membekalkan modal termasuk pertukaran luar (foreign exchange) iaitu untuk perubahan bentuk

ekonomi (economic transformation).

iii. Untuk menyediakan pertambahan yang secara

langsung pada kesejahteraan kehidupan di luar
bandar.

Ada pendapat yang menambahkan,

"Additional contributions to development from
the agricultural sector are the labour force
for the expanding industrial sector and a
market for the output of consumer goods and
production supplies from the expanding
industrial sector."

(Mellor, 1966: 129)

Semua objektif dan sumbangan-sumbangan ini mempunyai pertalian
yang rapat dengan pertambahan pendapatan dalam faktor pertanian.

Walau bagaimanapun berbagai-bagai objektif pembangunan
pertanian mungkin mempunyai konflik yang tertentu. Dalam beberapa
kes, alasan-alasan untuk tiap-tiap objektif ini mungkin bergantung
kepada punca-punca fizikal, kewujudan wilayah-wilayah yang membangun
dan bernilai, juga kewujudan alam sekitar politik, serta alam sekitar
pertanian itu sendiri. Dengan demikian walaupun kita boleh
menyamaratakan tentang masalah yang semulajadi itu dengan lain-
lain bentuk hubungan tetapi kita mesti berhati-hati dalam penya-
marataan rangka pembangunan pertanian yang jitu itu.

Jadi kesimpulannya, sektor pertanian ini tidak harus
dipandang sebagai sektor pasif yang mengikuti sektor industri dari

belakang, tetapi sebaliknya pembangunan pertanian didorong dari segi penawaran dan fungsi produksi melalui penelitian-penelitian dan pengembangan teknologi pertanian yang terus-menerus, pengembangan prasarana sosial dan ekonomi di desa serta pelaburan-pelaburan dan negara-negara dalam jumlah yang besar. Pertanian yang dianggap sebagai 'sektor pemimpin' (leading sector) diharap dapat mendorong perkembangan sektor-sektor lainnya. (Abd. Wahid Hj. Azahari: 1979).

2.4 Keadaan Sosio-ekonomi Petani Sebelum Penubuhan KADA

Pada dekad 60an hingga awal 70an kegiatan pertanian di Kelantan diusahakan dengan cara tradisional dan tidak mengikuti peraturan dan jadual yang tertentu. Setiap individu petani bebas mengerjakan sawah masing-masing. Kebiasaan padi ditanam bila terdapat air di sawah mereka iaitu air yang hanya bergantung pada hujan sahaja. Mereka tidak menggunakan jentera-jentera moden untuk membajak sawah. Malah boleh dikatakan segala kegiatan di usahakan dari kemampuan tenaga empat kerat petani tersebut.

Selain dari itu tenaga binatang juga digunakan. Contohnya untuk membajak sawah, petani telah menggunakan kerbau. Ini di istilahkan sebagai menggerat tanah. Proses ini ialah untuk menghancurkan tanah sawah itu. Alat yang digunakan berbentuk seperti sikat yang ditarik oleh kerbau. Manakala dari segi baja pula, petani hanya menggunakan baja dan najis binatang seperti tahi lembu, kerbau dan sebagainya.

Sebelum KADA (Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu) ditubuhkan pada tahun 1972, para petani secara keseluruhannya menjalankan kegiatan pertanian khususnya pertanian padi dengan cara tradisional. Dapat dikatakan bahawa di sekitar tahun 60an tidak terdapat sebuah pun perbadanan yang menjalankan fungsi khas membangun serta menjaga kebajikan sosio-ekonomi para petani. Masa ini keadaan kemiskinan di kalangan petani amat menyedihkan. Ini pernah digambarkan oleh Pendita Zaaba dalam artikelnya, 'The Poverty of Malays' yang telah mengupas tentang kesengsaraan hidup petani yang disebabkan oleh kemiskinan. Mereka tidak saja miskin dari segi kewangan tetapi juga dari segala aspek kehidupan.

KADA diperkenalkan pada masa Kerajaan Malaysia sedang dalam Rancangan Malaysia Kedua. Didapati golongan petani terdiri dari masyarakat yang miskin dan mundur. Mereka boleh dikatakan mundur dan ketinggalan dari segala-segala aspek iaitu aspek ekonomi dan sosial seperti pelajaran, taraf hidup, kemudahan-kemudahan infrastruktur dan sebagainya. Ini memang benar kerana penkaji pernah cuba menanyakan responden tentang suasana kehidupan pada zaman awal 60an dahulu. Mereka mengatakan bahawa keadaan kehidupan mereka amat susah dengan tidak adanya sebarang kemudahan sosial. Sebagai contoh, mereka hanya berjalan kaki pergi balik ke pekan. Begitu juga sebarang jenis pekerjaan dilakukan dengan tulang empat kerat mereka sahaja. Tidak ada kemudahan-kemudahan mesin pertanian digunakan. Akibatnya rata-rata mereka menghadapi kesempitan dalam kehidupan terutamanya dari segi kewangan.

Keadaan seperti ini tidak sahaja memberi kesan kepada generasi ketika itu sahaja, malahan mempengaruhi pula keadaan generasi selepas itu. Contohnya dari segi pelajaran ibubapa mereka langsung tidak berpeluang untuk ke sekolah. Ini secara tidak langsung telah menyebabkan para ibubapa tersebut tidak mempunyai kesedaran tentang perlunya pelajaran untuk kepentingan anak-anak mereka di masa hadapan. Oleh kerana itu, tidak ramai dari kalangan anak-anak mereka mendapat pelajaran yang sepatutnya. Dalam kajian ini didapati bahawa hanya beberapa kerat sahaja dari kalangan isi keluarga yang berjaya mendapat pendidikan menengah.

Bila Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilancarkan pada 1971, usaha-usaha gigih telah dibuat oleh kerajaan untuk membasmi kemiskinan di kalangan para petani. Seterusnya bila KADA ditubuhkan telah di perkenalkan asas-asas sistem perairan moden yang bernilai lebih dari \$100 juta yang bertujuan untuk penanaman padi dua kali setahun. Ini tidak pernah berlaku sebelum ini kerana biasanya padi ditanam sekali setahun. Kini terdapat 45,000 keluarga tani tinggal di dalam kawasan yang seluas 45,000 ekar.

Sehingga ke hari ini, pihak KADA telah memainkan peranan yang besar dalam pembangunan pertanian di Kelantan.

2.5 Peranan Perbadanan Awam Sebagai Strategi Pembangunan Pertanian

Dalam proses meninggikan dan memajukan sektor pertanian di Malaysia, kerajaan telah melakukan berbagai usaha supaya

dengan secara langsung atau tidak langsung kerajaan dapat membantu taraf kehidupan mereka yang terlibat dengan sektor tersebut. Justeru itu pihak kerajaan telah menubuhkan beberapa buah agensi atau badan yang mana berfungsi untuk memperbaiki seterusnya mengubah taraf sosio ekonomi petani ke tahap yang lebih tinggi dan membanggakan.

Secara teori terdapat beberapa pendekatan dan strategi digunakan dalam proses pembangunan masyarakat dan negara. Antaranya ialah:

i. Dengan mengadakan kemudahan-kemudahan, iaitu dengan menubuhkan berbagai kemudahan perhubungan; infrastruktur sosial, ekonomi dan sebagainya.

Peruntukan ini bertujuan untuk memberi perubahan pada alam sekitar dan persekitaran masyarakat tersebut yang mendorong secara tidak langsung perubahan masyarakat ke arah kemajuan.

ii. Dengan mengadakan pembangunan wilayah (regional development) iaitu melalui penubuhan-penubuhan perbadanan awam untuk menjalankan usaha-usaha bagi pembangunan masyarakat secara langsung atau tidak langsung.

Di sini didapati pihak kerajaan telah campur tangan secara langsung terhadap sebarang keperluan demi memajukan masyarakat dan negara.

Dalam hal ini kerajaan tidak hanya membiarkan anggota-anggota masyarakat tersebut membangunkan diri dan keluarga mereka sendirian sahaja dan pihak pemerintah hanya mengadakan infrastruktur, tetapi keadaan sebaliknya berlaku iaitu terdapatnya kerjasama antara kedua-dua pihak tersebut demi melahirkan suasana pembangunan yang dicita-citakan.

Bila membicarakan tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk luar bandar khususnya para petani, masalah sosial seperti corak kebudayaan, kehidupan penduduk, taraf pembelajaran dan pengetahuan teknik moden terhadap pertanian dan kesanggupan menerima unsur-unsur baru dalam perusahaan pertanian yang telah diamalkan merupakan satu perkara biasa malah telah diketahui umum. Masalah-masalah sosial ini kemudiannya dikaitkan dengan faktor-faktor ekonomi yang serba kekurangan. Ini ditambah pula dengan masalah lain seperti kekurangan tenaga buruh dan tanah yang tidak ekonomik.

Masalah-masalah dan halangan ini sering menyekat kelancaran perlaksanaan program atau projek pembangunan sektor itu sendiri. Dalam konteks ini agensi-agensi kerajaan perlu memainkan peranannya bagi menyelesaikan masalah sosio-ekonomi tersebut. Strategi-strategi pemberian input oleh agensi kerajaan perlu dirangka bagi melaksanakan usaha pembangunan sektor pertanian. Dalam usaha untuk membangunkan sektor pertanian, bidang aktiviti yang patut dijalankan adalah sangat luas. Di antaranya termasuklah penggunaan

teknologi baru, perkhidmatan pengembangan, kemudahan kredit, pengangkutan, pembekalan bahan-bahan input atau benih, pemerosesan hasil dan pemasaran. Kesemua aspek tersebut adalah perlu untuk disalurkan kepada para petani. Di samping itu usaha-usaha pokok iaitu pendidikan dalam bidang berkenaan adalah perlu diberi perhatian bagi menjamin kemajuan yang diharapkan dapat dicapai. Kaedah dan usaha yang dinyatakan itu adalah perlu bagi menjamin taraf sosio ekonomi petani seimbang dengan sektor-sektor lain di seluruh negeri.

Namun demikian usaha mengadakan kelengkapan kemudahan dan program yang berkait bagi membantu para petani tidak mencukupi. Susunan program dan perlaksanaan yang teratur dan terkawal merupakan soal yang paling penting bagi menentukan usaha-usaha ke arah memajukan sektor pertanian dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

Dengan kepentingan yang begitu jelas, peranan memajukan sektor pertanian ini telah diserahkan kepada beberapa agensi kerajaan. Di antara agensi-agensi yang telah ditubuhkan bagi melaksanakan tanggungjawab mengawasi aspek-aspek kemajuan secara langsung atau tidak dengan pertanian ialah:

i. Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)

Khususnya terdapat di negeri Kelantan sahaja. Ia merupakan satu-satunya agensi kerajaan yang berperanan secara langsung dalam pembangunan pertanian di Kelantan, iaitu dengan mengadakan 5 buah

rancangan perairan di kawasan penanaman padi dua kali setahun.

Juga dengan memperkenalkan projek-projek bersepadu iaitu bagi membiasakan dengan corak pertanian moden.

ii. Jabatan Pertanian

Satu badan kerajaan yang penting berusaha mengadakan berbagai-bagai kemudahan, bantuan dan khidmat nasihat kepada petani seluruhnya agar pertanian akan bertambah dari masa ke semasa. Dalam RME ini, Rancangan Rembangunan Pertanian telah disusun agar dapat membantu sektor pertanian dengan lebih cekap dan lebih tersusun.

iii. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)

Berperanan mengawasi dan menyelaras serta memperbaiki hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan. Satu daripada tugasnya ialah mengkaji saluran pemasaran padi dan masalah-masalah yang dihadapi oleh petani dan seterusnya mencadangkan serta melaksanakan syor-syor bagi membaiki lagi sistem pemasaran padi.

iv. Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN)

Ditubuhkan untuk menyelaraskan tugas-tugas yang berhubung dengan padi dan beras. Ia berperanan melaksanakan harga minima yang terjamin bagi padi, mengadakan kawalan harga beras, menyatukan pemasaran padi dan beras, melesenkan pengilang beras, penjual borong, penjual runcit dan pembeli padi, mengawal pemindahan padi atau beras

dan memasuki perusahaan padi dan beras secara persendirian atau berkongsi.

v. Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)

Mengadakan penyelidikan dalam segala aspek pertanian.

Strategi pembangunan desa melalui penyusunan semula kampung, penyatuan tanah, pertanian berkelompok yang di ketengahkan oleh kerajaan baru-baru ini akan mewujudkan kawasan pertanian yang luas di bawah sistem pengeluaran, sistem tanaman, sistem perladangan dan teknologi-teknologi yang diperlukan bagi membolehkan perusahaan komersial itu diubahsuai. Teknologi yang dicipta, dinilai dan diubahsuai melalui pengujian di peringkat ladang dengan kerjasama petani sendiri. Penilaian ini dapat dibuktikan melalui projek ujian penilaian setempat (local verification trial (LVT) yang di jalankan terhadap barang dagangan seperti padi, sayuran, tembakau dan lain-lain tanaman. Ini dijalankan supaya masyarakat desa dapat menikmati pulangan hasil padi yang lebih tinggi.

vi. Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)

Merupakan badan yang lebih kecil, tetapi mempunyai peranan yang besar terhadap sektor pertanian. Oleh kerana pertubuhan peladang ini di bawah pengawasan KADA maka pertubuhan ini juga bertanggungjawab untuk membangunkan sektor pertanian dengan menggunakan infrastruktur yang disediakan terutama dalam menentukan penanaman padi dua kali setahun digunakan dengan sepenuhnya.

vii. Bank Pertanian Malaysia (BPM)

Mempunyai peranan yang penting dari segi pembekalan sumber kewangan dalam mengeluarkan kredit kepada petani. Di samping itu secara tidak langsung ia menumpukan perhatian kepada kaum tani dari aspek seperti sikap, kemahiran dan keupayaan menjalankan satu-satu projek. Walaupun ada juga bank-bank lain seperti Bank Perdagangan, Bank Rakyat yang membantu sektor pertanian, tetapi didapati BPM adalah satu-satunya institusi kewangan yang lebih menonjol memainkan peranannya.

Dengan adanya berbagai-bagai agensi atau badan yang terlibat secara langsung atau tidak dalam kegiatan menanam padi, tidak dapat dinafikan bahawa akan wujud salah faham di semua peringkat, pertindihan tugas dan berbagai masalah yang boleh mengelirukan para petani sendiri. Berdasarkan keterangan di atas, contohnya agensi FAMA dan LPN mempunyai kegiatan yang agak sama dari segi pemasaran padi. Jadi dirasakan adalah mustahak jika disatukan beberapa agensi yang terlibat dengan padi ini bagi melicinkan lagi usaha-usaha memajukan sektor ini.

Juga adalah tidak patut jika di satu-satu negeri itu, hanya satu atau dua agensi sahaja yang banyak membantu sektor pertanian. Seharusnya sumbangan agensi-agensi lain adalah di perlukan untuk menokok tambah (supplementary) dan melengkapkan (complementary) keupayaan agensi-agensi utama itu. Ini bermakna panduan input dan khidmat kesemua jabatan atau agensi tadi adalah

penting dalam konteks pembangunan pertanian, tambahan pula kerajaan telahpun memberi peruntukan kewangan kepada jabatan-jabatan tersebut bagi melaksanakan fungsi-fungsinya.

3.1 Pengaruh Kesimpulannya adalah diharapkan dengan penubuhan agensi atau badan awam serta insitutgi kewangan dan juga institusi pendidikan dapat membantu dan berperanan sepenuhnya iaitu sebagai satu strategi pembangunan pertanian di Malaysia.

Kampung Kedondong ini terdapat 10 buah daerah dengan 66 buah sawah dan secara keseluruhanya terdapat 404 bush kampung.

Kampung Kedondong ini merupakan salah sebuah kampung penanaman padi yang agak utama dalam daerah² Kubang Gedong. Ia terletak lebih kurang 45 batu dari bandar Pasir Mas yang merupakan pusat bandar yang utama lagi pendidik-pendidik kampung ini mewujudkan segala jenis halangan dan keperluan tertentu.

3.2 Sejarah dan Geografinya

Keterangan yang diperolehi dari penduduk tertua kampung itu, didapati bahawa Kampung Kedondong pada suatu masa dahulu dikenali dengan nama Kampung Terengganu, kerana kebanyakannya daripada penduduknya berasal dari Terengganu, tetapi dalam masa yang sama juga dikenali dengan nama Kampung Berangan.

BAB III

LATARBELAKANG KAMPUNG

3.1 Pengenalan

Kajian mengenai peranan agensi kerajaan dalam pembangunan ekonomi petani ini telah dijalankan di Kampung Kedondong, Pasir Mas, Kelantan. Kampung ini terletak dalam Mukim Kedondong, Daerah Kubang Gadong iaitu dalam jajahan Pasir Mas. Dalam jajahan¹ Pasir Mas ini terdapat 10 buah daerah dengan 66 buah mukim dan secara keseluruhannya terdapat 404 buah kampung.

Kampung Kedondong ini merupakan salah sebuah kampung penanaman padi yang agak utama dalam daerah² Kubang Gadong. Ia terletak lebih kurang 45 batu dari bandar Pasir Mas yang merupakan pusat bandar yang utama bagi penduduk-penduduk kampung ini untuk membeli segala jenis barang dan keperluan tertentu.

3.2 Sejarah dan Geografinya

Keterangan yang diperolehi dari penduduk tertua kampung itu, didapati bahawa Kampung Kedondong pada suatu masa dahulu di kenali dengan nama Kampung Terengganu, kerana kebanyakan daripada penduduknya berasal dari Terengganu, tetapi dalam masa yang sama juga dikenali dengan nama Kampung Berangan.

Kampung ini kemudiannya dikenali dengan nama Kampung Kedondong bersempena dengan seohon pokok kedondong yang sangat besar dan luar biasa saiznya. Tambahan pula rasanya lebih manis dari pokok-pokok kedondong yang lain. Dengan ini kedua-dua nama yang asal itu lenyap begitu saja dan nama baru ini berkekalan sehingga ke hari ini.

Dari segi kedudukan geografinya Kampung Kedondong terletak ke sebelah Timur Mukim Kedondong. Di utara terletak Kampung Apa-Apa dan Kampung Pangkal Kala, di selatan – Kampung Banggol Buaya dan Pohon Buluh, di sebelah timur pula Kampung Kerasak dan Kampung Pangkal Danan manakala di sebelah Barat terdapat Kampung Perol dan Kampung Perupok.

Luas Kampung Kedondong ialah 225 ekar. Bentuk muka bumiinya rata tidak ada paya kecuali alur lama yang menjadi saluran air keluar. Di sini kegunaan tanah secara am dibahagi kepada 3 iaitu tanah sawah padi sebanyak 30%, tanah getah 20% dan tanah dusun 10%.

3.3 Organisasi Pentadbiran dan Institusi Kepimpinan

Kampung Kedondong diketuai oleh seorang penghulu³ yang dilantik oleh pihak kerajaan. Beliau bertanggungjawab kepada penggawa di daerah Kubang Gadong. Di samping bertanggungjawab mengetuai komuniti kampung, penghulu juga berperanan sebagai penghubung antara kerajaan dengan anak-anak buah kampung itu.

Walau bagaimana tidak semua dari penduduk kampung tersebut menghormati penghulu. Ini akibat dari perbezaan ikutan politik.

Sebuah jawatankuasa kemajuan dan keselamatan kampung (JKKK) telah ditubuhkan yang mana mempunyai seramai 11 orang ahli jawatankuasa. Perlantikan ahli jawatankuasa kampung ini mempunyai hubungkait dengan Parti UMNO di mana ia merupakan salah satu dari pada Cawangan Pemuda UMNO, Pasir Mas. Dengan secara tidak langsung mereka yang bukan dari golongan UMNO tidak mempunyai peluang untuk menjadi ahli JKKK.

Jika dilihat dari segi keanggotaan ahli-ahli dalam parti⁴ politik, pada umumnya terdapat dua golongan parti yang utama iaitu parti PAS dan UMNO. Sebelum ini terdapat mereka yang menjadi ahli parti BERJASA, tetapi beberapa tahun yang lepas mereka telah di serap menjadi ahli parti UMNO. Dari data menunjukkan terdapat 36 orang ahli UMNO dan 14 orang ahli PAS. Lihat jadual di bawah:

Jadual 1
Keanggotaan Dalam Parti Politik

Parti Politik	Bil. Responden
UMNO	36
PAS	14
Jumlah	50

Sumber: Soalselidik

Pada suatu masa dahulu hubungan sosial antara kedua-dua ahli parti tersebut amat renggang sekali. Konflik antara kedua-dua parti itu sebenarnya wujud dalam berbagai bentuk samada dari segi perbuatan iaitu dengan mengata-ngata antara satu sama lain. Walaupun begitu sejak akhir-akhir ini, iaitu sejak diadakan projek kampung contoh⁵, 'keadaan negatif' ini sudah berkurangan. Masing-masing sudah menunjukkan kerjasama dan gotong-royong semasa menyiapkan pagar dan lain-lain keperluan untuk pertandingan kampung contoh tersebut.

Bagi tujuan keselamatan dan keamanan kampung, terdapat pasukan RELA yang bergabung tenaga dengan Pasukan Kawalan Keselamatan Kampung di samping mendapat kerjasama daripada penduduk kampung. Pasukan ini menjalankan aktivitinya dengan meronda pada tiap-tiap malam untuk memastikan kampung itu sentiasa aman dan tidak di cerobohi oleh 'orang luar' terutamanya mereka yang datang dari negeri Siam.

Juga terdapat penubuhan belia iaitu Belia 4B Seri Kedondong yang baru saja ditubuhkan setahun yang lalu. Walaupun usianya masih muda, tetapi ia telah mula mengadakan berbagai-bagai aktiviti dan menyusun beberapa program untuk kemajuan ahli-ahli mereka khususnya dan untuk penduduk kampung amnya.

Bagi tujuan keugamaan, terdapat imam, bilal dan guru Quran yang dilantik oleh Majlis Ugama Islam Kelantan. Meskipun begitu terdapat juga institusi pimpinan lain yang biasanya

terdapat di kampung ini yang tidak melibatkan perlantikan oleh kerajaan. Contohnya pemimpin yang muncul semasa diadakan kegiatan gotong-royong, membersih kubur, membasmi tikus dan kesing dan dibendang, mengusung rumah, membersih parit talair dan upacara sembahyang hajat.⁶ Begitu juga untuk tujuan kenduri dan majlis perkawinan, biasanya ketua-ketua yang dipilih mengetuai satu-satu majlis itu terdiri dari mereka yang disegani dan dihormati oleh penduduk kampung itu serta agak dikenali oleh masyarakat luar dari kampung tersebut.

3.4 Kedudukan Dari Segi Demografi

Saiz komuniti di kampung ini agak sederhana, terdiri dari 103 buah rumah dengan jumlah penduduk seramai 495 orang. Jumlah ini melibatkan kesemua status dan peringkat umur.

Jadual 2

Maklumat Asas Mukim/Kampung Kedondong

Jumlah Penduduk 1056 Orang			
Luas Mukim 651 ekar	Dewasa	Kanak-kanak	
Luas Kampung 225 ekar	Lelaki Perempuan	Lelaki Perempuan	
	197	214	300
			345

Sumber: Profail Kampung Kedondong dan Note Taklimat, 15 Mei 1985, di Balai Penghulu Kampung Kedondong.

Tumpuan kajian dibuat di 50 buah isi rumah. Didapati terdapat 309 orang penghuni terdiri dari 142 orang lelaki dan 167

orang perempuan. Untuk mengetahui bilangan penduduk dari segi jantina bagi tiap-tiap peringkat umur sila lihat jadual di bawah:

Jadual 3

Bilangan Penduduk Dari Segi Jantina dan Umur


Umur Jantina	≤9	10-19	20-29	30-39	40-49	50-59	60-69	70	Jumlah
Lelaki	36	39	16	15	16	7	9	4	142
Perempuan	46	47	25	16	12	13	7	2	167
Jumlah	82	86	41	31	28	20	16	6	309

Sumber: Soalselidik

Dari graf piramid berikut didapati jumlah penduduk perempuan lebih ramai dari lelaki di kesemua peringkat umur kecuali di peringkat umur 60 tahun ke atas. Jumlah penduduk perempuan ialah seramai 167 orang dan lelaki seramai 142 orang. Ini tidak dipengaruhi oleh apa-apa faktor kecuali faktor pertambahan semulajadi di mana para ibu lebih ramai melahirkan anak perempuan daripada anak lelaki.

Dari 50 buah isi rumah yang dikaji, golongan yang paling besar ialah bagi para penduduk di peringkat umur 19 tahun ke bawah. Terdapat 82 orang berusia kurang dari 9 tahun dan seramai 86 orang berumur antara 10 - 19 tahun. Dari kajian yang dibuat pengkaji dapati keadaan seperti ini terjadi kerana bagi mereka yang di peringkat umur 19 tahun ke bawah masih lagi berada di bangku sekolah. Tidak ada di antara kaum lelaki yang telah berkahwin,

Graf Piramid: Pembahagian Penduduk Di Kampung Kedondong



Petunjuk



Lelaki

Perempuan

Sumber: Soalselidik

kecuali terdapat beberapa orang perempuan yang telah berumahtangga, tetapi masih tinggal di kampung tersebut bersama ibubapa masing-masing. Jadi di peringkat umur ini tidak ada unsur-unsur penghijrahan keluar dari kampung tersebut dan secara langsung telah menyebabkan 54% daripada jumlah penduduk kampung ini berada di peringkat umur 19 tahun ke bawah.

Terdapat 41 orang yang di peringkat umur 20 - 29 tahun, 31 orang berusia 30 - 39 tahun, 28 orang berumur 40 - 49 tahun

dan 20 orang berusia antara 50 - 59 tahun. Seterusnya sejumlah 22 orang lagi berusia 60 tahun ke atas. Secara keseluruhannya, para penduduk yang di peringkat umur 20 tahun ke atas ini telah mempunyai pekerjaan tetap atau sementara samada sebagai petani ataupun jenis-jenis kerja yang lain, seperti pertukangan atau buruh-buruh binaan.

Di peringkat umur 20 tahun ke atas ini terdapat seramai 67 orang lelaki dan 74 orang perempuan. Secara keseluruhannya, didapati seramai 67 orang lelaki inilah yang melakukan pekerjaan untuk menampung ahli-ahli keluarga mereka yang lain samada yang masih berada di bangku sekolah ataupun para isteri mereka yang tidak bekerja itu. Justeru itu kita dapat bahan golongan yang menyara jauh lebih kecil bilangannya dari golongan yang kena sara atau ditanggung. Dengan secara tidak langsung keadaan ini telah mempengaruhi corak kehidupan dan corak perbelanjaan penduduk di kampung itu. Ini seterusnya boleh dikaitkan dengan taraf kemiskinan yang wujud di kampung tersebut. (Penerangan lebih lanjut sila lihat bab 5).

Dari 50 buah isi rumah, 35 buah atau 70% adalah terdiri dari keluarga nuklear di mana terdapat ibubapa dan anak-anak yang belum kahwin tinggal bersama. Manakala 15 buah atau 30% lagi adalah keluarga besar iaitu ibubapa yang tinggal bersama-sama dengan anak-anak yang sudah berkahwin dan mempunyai anak. Jadi dalam keluarga jenis ini terdapat tiga generasi atau lebih dalam sebuah isi rumah

itu. Dalam pada itu terdapat juga kerabat-kerabat lain yang tinggal dalam sebuah isi rumah itu seperti sepupu, bapa saudara dan lain-lain. Walau bagaimanapun, dalam satu keluarga besar biasanya tinggal datuk nenek, ibubapa, anak-anak dan cucu-cucu dalam sebuah isi rumah.

Taburan penduduk di kampung ini adalah berbentuk petempatan pola berjajar (parallel pattern) yang merentangi di sepanjang jalan kampung tersebut. Walaupun begitu terdapat juga rumah-rumah yang tinggal terpelusuk jauh ke dalam kampung. Biasanya rumah-rumah mereka tinggal berdekatan antara satu sama lain, iaitu dalam kelompok kawasan kekerabatan. Contohnya dalam satu kawasan tertentu tinggalnya ibubapa dengan anak, cucu dengan datuk, saudara dengan saudara, sepupu dengan emak saudara. Di samping itu terdapat juga saudara jauh yang tinggal berdekatan.

3.5 Pekerjaan dan Aktiviti Ekonomi

Kampung Kendondong adalah sebuah kampung yang mempunyai ciri-ciri pertanian. Kegiatan ekonomi yang utama ialah menanam padi. Tambahan pula kampung ini mempunyai lebih dari 50% tanah sawah padi. Boleh dikatakan 90% daripada penduduk kampung ini menjadi petani. Walaupun ada juga di antara mereka yang menjadikan sektor lain seperti pertukangan dan pembinaan sebagai pekerjaan utama, tetapi mereka ini tetap tidak meninggalkan lapangan pertanian sebagai pekerjaan sampingan.

Faktor-faktor untuk pertanian atau alat pertanian (moden) persendirian yang ada di kampung ini ialah seperti kereta tnggala sebanyak 10 buah, 2 buah enjin pam air, 10 buah pam penyembur racun dan 2 mesin gergaji kayu. Manakala alat-alat pertanian tradisional yang masih digunakan ialah tajak, cangkul, dan lain-lain. Juga terdapat sebuah mesin mengilang padi secara persendirian. Untuk sumber air pula terdapat peruntukan dari sistem perairan KADA kerana kampung ini termasuk dalam kawasan KADA pada responden yang menjalankan sawah mereka.

Hasil dari penyelidikan ke atas 50 orang responden di dapati 23 orang atau 46% dari mereka menjadikan sektor pertanian sebagai mata pencarian yang utama, manakala yang selebihnya mengerjakan sawah padi secara sambilan sahaja. Di kampung ini juga terdapat beberapa orang penoreh getah di mana pada waktu pagi sebelum pergi ke sawah mereka akan menoreh getah dan untuk kerja mengutip susu getah, biasanya diserahkan kepada ahli-ahli keluarga yang lain, atau ada juga di kalangan mereka yang langsung berhenti menoreh bila tiba musim menanam padi.

Ramai juga di kalangan para petani yang melibatkan diri dengan aktiviti penternakan seperti menternak ayam itik yang biasanya untuk kegunaan sendiri, dan lembu, kerbau, kambing yang biasanya untuk dijual.

Aktiviti ekonomi yang tidak kurang pentingnya ialah

di dalam sektor pertukangan dan pembinaan. Bagi mereka yang terlibat dengan sektor inilah yang biasanya mengerjakan pertanian secara sambilan saja. Bagi responden ini, pada musim padi mereka akan mengerjakan sawah dan dalam masa menunggu padi masak mereka menjadi tukang rumah atau buruh binaan. Ada juga di antara mereka yang membuat padi dengan melibatkan tenaga ahli-ahli keluarga atau mengupah orang lain mengerjakan sawah mereka samada dalam proses mencedung, membajak atau menuai padi. Terdapat 30% daripada responden yang menjadi tukang rumah atau buruh binaan. Biasanya mereka ini bekerja di bandar Kota Bharu atau Pasir Mas dan tidak kurang juga yang berhijrah dan menjadi buruh di Singapura.

Terdapat juga dari penduduk kampung ini yang makan gaji dengan sektor kerajaan atau swasta. Di sini terdapat 12% daripada 50 responden yang makan gaji. Antaranya bekerja sebagai kerani KADA, pemandu lori dan 'klendan' lori. Mereka ini masih juga menanam padi walaupun sudah mempunyai pendapatan tetap yang lain.

Di samping itu terdapat 4% atau 2 orang daripada responden yang melibatkan diri di bidang perniagaan. Dari kajian didapati mereka ini langsung tidak mempunyai sawah padi. Pendapatan mereka semata-mata diperolehi dari hasil perniagaan. Lain-lain jenis pekerjaan ialah seperti juruteknik, mualigh ugama. Sila lihat jadual 4. (Benda perniagaan pada jadual ketaraasan lebih lanjut sila lihat bah 5).

Jadi pada bawah Jadual 4 dilihat bahawa walaupun

penduduk kampung ini sebahagian diri dengan pekerjaan lain, tetapi

Status Kerja Penduduk Di Kampung Kedondong

Jenis Pekerjaan	Bil. Penduduk	Peratus (%)
Petani dan penoreh	23	46
Pertukangan	15	30
Perniagaan	2	4
Makan gaji	3	6
Lain-lain kerja	6	12
Tidak bekerja	1	2
Jumlah	50	100

Sumber: Soalselidik

Dari jadual di atas didapati hanya 46% sahaja yang menjalankan kegiatan penanaman padi sepenuhnya walaupun ternyata kampung ini merupakan salah satu di antara kawasan penanaman padi yang utama di Daerah Kubang Gadong. Didapati bahawa penanaman padi dan menoreh getah tidak boleh dijalankan sepanjang tahun, jadi para petani telah bertindak dengan cara rasional iaitu tidak semata-mata bergantung kepada kegiatan pertanian itu sahaja, malah untuk menambahkan lagi pendapatan, mereka telah membuat kerja-kerja lain seperti bertukang atau menjadi buruh binaan iaitu sebagai alternatif kepada penanaman padi. (Untuk keterangan lebih lanjut, sila lihat bab 5).

Jadi pada umumnya dapat dilihat bahawa walaupun penduduk kampung ini melibatkan diri dengan pekerjaan lain, tetapi sawah padi tidak diketepikan begitu sahaja. Bila tiba musimnya mereka tetap menanam padi. Meskipun begitu para petani ini telah merungut tentang masalah-masalah yang terpaksa mereka hadapi semasa membuat padi. Antara masalah mereka ialah:

Tanah Terbiar

Masalah tanah-tanah sawah padi yang terbiar sememangnya masih lagi wujud di kampung ini. Walau bagaimanapun keadaan tersebut tidaklah sehebat beberapa tahun yang lepas, di mana hanya berapa ekar tanah padi sahaja yang dikerjakan, malah terdapat di antara tanah padi tersebut yang terbiar selama lebih dari 3 tahun.

Masalah ini sebenarnya wujud akibat dari masalah kekurangan air, penghijrahan, tanah yang tidak ekonomi dan lain-lain lagi yang disebutkan di bawah nanti. Akibat dari penghijrahan penduduk keluar dari kampung tersebut, maka sektor penanaman padi menghadapi masalah kekurangan tenaga buruh. Didapati hanya tenaga tua sahaja yang tinggal yang manakmatidakmampu untuk mengendalikan sawah padi itu dengan lebih baik dan cekap. Juga akibat dari kekurangan modal di kalangan petani untuk proses pengendalian tanah sawah menyebabkan berekar-ekar tanah padi itu terbiar begitu sahaja. Walau bagaimanapun keadaan seperti itu sudah mula berkurangan sejak dari tahun 1984. (Sila lihat bab 5).

Masalah Kekurangan Air

Masalah ini timbul kerana terdapat setengah petani yang tidak menyediakan parit jari. Akibatnya timbul masalah 'curi mencuri' air dari bendang atau dari parit jari orang lain.

Masalah ini juga berlaku di kalangan petani yang ada parit jari di tepi sawah mereka iaitu bila pengaliran air tidak memuaskan. Sebenarnya bila tiba musim penanaman padi pengumuman tentang bukanya parit air besar akan dibuat. Ini memberi kesempatan kepada para petani bergotong-royong membina parit air jari di tepi sawah mereka. Dengan itu air dari parit besar akan dapat mengalir ke sawah melalui parit jari tersebut.

Keadaan tanah yang tidak sama rata juga mempengaruhi masalah kekurangan air. Bagi tanah bendang yang tinggi, sudah tentu air akan lambat sampai dan begitulah sebaliknya bagi tanah rendah akan menghadapi masalah berlebihan air. Didapati air masih lagi bertakung pada musim padi masak dan ini menimbulkan kerumitan proses penuaian.

Akibat dari ini juga para petani terpaksa menunda tarikh penanaman padi mereka. Jadi mereka lewat menanam padi jika dibandingkan dengan tarikh penanaman yang telah ditetapkan dalam jadual.

Bila timbul masalah ini, biasanya penghulu bagi pihak orang kampung akan melapurkan perkara tersebut kepada pihak penjaga

talaik untuk diambil tindakan yang sewajarnya. Selalunya masalah ini akan selesai bila perkara tersebut sampai ke pengetahuan penjaga talaik.

para keluarga. Dari jadual di atas didapati paling rata sekali para petani

Tanah Yang Tidak Ekonomik

Adakah para petani mampu menanggung kos menyewa jentera tanah sendiri dan upah buruh sedangkan tanah benda yang diusahakan itu tidak berupa luas ukurannya?

keraka latut seramai 32 orang dibandingkan dengan hanya 12 orang petani yang memiliki tanah sendiri.

Jadual 5

Pemilikan Tanah Padi Penduduk

Pemilikan Luas tanah (ekar)	Sendiri	Diwarisi	Sewa	Pawah	Jumlah
< 1	3	14	1	7	25
1 $\frac{1}{4}$ - 2	6	13	2	4	25
2 $\frac{1}{4}$ - 3	-	2	-	-	2
3 $\frac{1}{4}$ - 4	1	2	1	1	5
4 $\frac{1}{4}$ - 5	-	1	-	-	1
> 5 $\frac{1}{4}$	2	-	1	-	3
Jumlah	12	32	5	12	61

beberapa faktor. Sumber: Soalselidik

dikerjakan banganlong kepada anggota satu-satu keluarga. Biasanya tanah ini adalah kecil kerana mereka wengerjahan telah wujud para tradisional tuju dengan menggunakan teknologi sederhana.

Di Malaysia tanah yang kurang dari 5 ekar adalah termasuk dalam kategori saiz tanah yang tidak optima. Saiz optima ialah saiz tanah yang dikira dapat menanggung kehidupan saiz keluarga. Dari jadual di atas didapati paling ramai sekali para petani yang memiliki tanah padi yang keluasannya kurang dari 2 ekar, dibandingkan dengan hanya dua orang sahaja yang memiliki tanah padi sendiri, yang luasnya lebih dari 5 ekar. Juga didapati ramai dari para petani tersebut mewarisi tanah padi dari ibubapa mereka iaitu seramai 32 orang dibandingkan dengan hanya 12 orang petani yang memiliki tanah sendiri.

Secara keseluruhannya para petani memiliki tanah padi yang di bawah saiz optima. Di sini walaupun mereka memiliki tanah yang tidak ekonomik, tetapi mereka terpaksa mengupah jentera untuk membajaknya. Sebenarnya jentera pembajak 4 roda itu lebih sesuai digunakan untuk bendang yang luas dan boleh mengeluarkan hasil yang banyak. Ini bertujuan untuk menurunkan kos pengeluaran, tetapi kita lihat keadaan di kampung-kampung ini agak berbeza. Ini dikui sendiri oleh para petani di mana hasil yang mereka perolehi itu kadang-kadang tidak setimpal dengan jumlah kos pengeluaran.

Saiz tanah yang tidak ekonomik ini disebabkan oleh beberapa faktor. Pada zaman dahulu, luas tanah padi yang dapat dikerjakan bergantung kepada anggota satu-satu keluarga. Biasanya luas tanah ini adalah kecil kerana mereka mengerjakan tanah mengikut cara tradisional iaitu dengan menggunakan teknologi mudah. Hasil

padi yang diperolehi tidak banyak, sekadar untuk keperluan sekeluarga sahaja. Kemudiannya bila tanah ini diwarisi dan terdapatnya pemecahan lot-lot tanah, maka tanah itu menjadi semakin sempit.

Jadi saiz tanah bendang yang sempit dan tidak ekonomik ini memberi satu gambaran tentang keadaan masyarakat petani di seluruh Malaysia. Keadaan kelaparan tanah inilah menyebabkan keadaan kemiskinan yang teruk di kalangan masyarakat petani di luar bandar itu.

Kita perhatikan satu lagi data yang menunjukkan peratus saiz ladang yang ditanam dengan padi di Malaysia.

Dari jadual 6 lebih jelas menunjukkan kepada kita bahawa 78% daripada tanah bendang di Malaysia adalah kurang dari 5 ekar iaitu yang terletak dalam kategori saiz tanah yang tidak ekonomik atau tidak optima. Hanya 22% sahaja yang dalam saiz optima, saiz yang optima ini pula tidak ada yang melebihi dari 15 ekar. Jadi ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa kebanyakan para petani di luar bandar adalah miskin akibat memiliki saiz tanah yang tidak ekonomik, sudah tentu saiz tanah seperti ini tidak akan mendatangkan pulangan atau hasil yang menguntungkan. Hanya segelintir tuan tanah saja yang memiliki tanah yang luas.

Menurut Wilson, T.B. (1958), saiz purata tanah bendang di negeri Perlis ialah 0.61 ekar, di Kedah 0.89 ekar, Seberang

Prai 0.76 ekar dan Kelantan 0.22 ekar. Ini bererti dari data menunjukkan kesemua saiz purata tanah bendang di Utara Malaysia adalah kurang dari satu ekar.

Jadual 6

Tanah Bendang Luar Bandar Mengikut Saiz

Saiz (ekar)	Semua Ladang Luar Bandar (%)	Ladang Yang Ditanam Dengan Padi (%)
< 1	10	10
1 - 1 $\frac{3}{4}$	18	23
2 - 2 $\frac{3}{4}$	18	21
Jumlah	56	50
3 - 3 $\frac{3}{4}$	13	14
4 - 4 $\frac{3}{4}$	10	10
5 - 7 $\frac{1}{4}$	16	15
7 $\frac{1}{2}$ - 9 $\frac{3}{4}$	6	4
10 - 14 $\frac{3}{4}$	6	3
15 - 24 $\frac{3}{4}$	2	0
25 - 49 $\frac{3}{4}$	1	0
50 - 99 $\frac{3}{4}$	0	0
100 ke atas	0	0
Jumlah	100	100

3. Kekurangan Tenaga Buruh Dan Masalah Penghijrahan

Dari soalselidik yang dibuat didapati ramai daripada para sahaja yang masih tinggal untuk mengelih tanah masih lagi golongan tua yang berusia 45 tahun ke atas. Jadi sudah tentu kejadian pertanian ini berjalan dengan lemah,

Jadual 7

Perbandingan Antara Umur Dan Jenis Pekerjaan

Umur	Jenis Pekerjaan		Jumlah
	Petani	Lain-lain Kerja	
> 65	6	-	6
55 - 64	5	4	9
45 - 54	8	4	12
35 - 44	1	13	14
< 34	4	5	9
Jumlah	24	26	50

Sumber: Soalselidik

Hanya 5 orang petani sahaja yang berumur 44 tahun ke bawah. Di bandingkan dengan jenis pekerjaan lain seperti makan gaji dan bermiaga terdapat 18 orang dari 50 orang responden yang berada di peringkat umur 44 tahun ke bawah. Jadi ini jelas menunjukkan lebih ramai golongan tua yang melibatkan diri dengan pertanian dan sebaliknya pula golongan muda lebih ramai yang terlibat dengan kerja-kerja makan gaji dan bermiaga. Bagi yang berusia 65 tahun ke atas, kesemua 6 orang daripada mereka adalah petani.

Di sini jelas menunjukkan masalah kekurangan tenaga buruh yang dihadapi oleh mereka adalah agak runcing sekali. Tenaga tua sahaja yang masih tinggal untuk mengerjakan tanah sawah padi. Jadi sudah tentu kegiatan pertanian itu berjalan dengan lembap.

Kekurangan tenaga buruh dari kalangan muda ini antaranya disebabkan oleh masalah penghijrah dan sikap para penduduk kampung itu sendiri. Di kampung ini sebenarnya terdapat juga golongan muda yang hanya menganggur, tetapi yang menjadi masalahnya mereka tidak mahu menjajakkan kaki dan menolong ibubapa mereka di sawah. Mereka lebih gemar berkumpul beramai-ramai di kedai-kedai kopi dan membuat perkara-perkara yang tidak bermanfaat seperti bermain catur sehingga sehari suntuk.⁷

Di samping itu, golongan muda ini lebih tertarik dengan bidang pekerjaan yang lain seperti kerja kilang, menjadi buruh rumah batu, tukang rumah dan sebagainya. Juga terdapat sebilangan besar dari mereka yang berhijrah ke Singapura dan menjadi buruh binaan di sana. Golongan ini berpendapat pendapatan di sana lebih lumayan jika dibandingkan dengan pendapatan yang diperolehi dari menjadi petani. Dalam pada itu tidak ketinggalan juga daripada penduduk kampung ini yang berhijrah ke kawasan petempatan baru yang diperkenalkan oleh kerajaan seperti FELDA, FELCRA dan sebagainya. Mereka ini hanya balik sekali sekala ke kampung ~~rumah~~ umpamanya pada hari-hari cuti atau pada hari kebesaran.

Sebenarnya masalah penghijrah ke Singapura ini sudah lama wujud di kampung ini iaitu sejak pertengahan tahun 1970an lagi hingga sekarang. Walau bagaimanapun jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang lepas ternyata jumlah mereka yang berhijrah dan bekerja di Singapura sudah berkurangan. Dari 50 orang

responden tersebut terdapat 20 orang daripada mereka yang berhijrah ke Singapura. Malah pada suatu ketika dulu hanya beberapa buah rumah saja yang mana ketua keluarganya tidak bekerja di Singapura. Pada hari ini, hanya 10% sahaja lagi yang masih melibatkan diri dengan menjadi buruh binaan di Singapura.

Terdapat sebilangan besar daripada penduduk kampung ini yang tidak bersetuju dengan penghijrahan ke Singapura. Antara alasan mereka ialah:

- i. Kerana terpaksa meninggalkan anak isteri dan bapa upah telah diturunkan dan upah yang di-
di rumah jadi ini menyebabkan anak-anak tidak mampu untuk mendapat kasih sayang yang
sepenuhnya dari ayah mereka dan secara
tidak langsung hanya membiarkan anak-anak
jentera pembajak telai. Selain itu, kadang-kadang para petani
itu di bawah jagaan para ibu sahaja.
- ii. Keadaan pekerjaan di Singapura yang merbahaya,
terutamanya yang menjadi buruh rumah batu
- iii. Tanah-tanah padi akan terbiar, disebabkan kekurangan
tenaga buruh.
- iv. Pendapatan di Singapura tidak menjamin kehidupan
yang lebih sempurna
- v. Dari segi ugama pula, bagi golongan muda ramai
di antara mereka yang lalai dari menjalankan
suruhan ugama semasa berada di sana.

Meskipun begitu, bila mempersoalkan tentang penghijrahan ke Tanah Rancangan Kerajaan, kebanyakan daripada mereka bersetuju dan meyakini hasil pendapatan dan kehidupan di Tanah Rancangan FELDA dan FELCRA adalah lebih tetap dan terjamin.

Ekoran dari masalah penghijrahan dan kekurangan tenaga buruh ini menjadikan keadaan sekarang bertukar iaitu kalau dulu mereka lebih suka bergotong-royong antara satu sama lain dalam mengerjakan sawah, tetapi keadaan dan sifat ini menjadi semakin pupus dan berkurangan. Sekarang telah timbul sistem upahan dan harga upahan telah ditetapkan pada tiap-tiap kerja yang dilakukan. Umpamanya upah mencabut semaiian ialah \$12.00 untuk 100 unting. Upah menuai pula ialah \$3.50 untuk satu guni kecil. Upah membajak sawah padi ialah \$30.00 untuk satu guni. Di sini jentera pembajak telah digunakan. Kadang-kadang para petani menghadapi masalah kewangan untuk membayar upah tersebut.

iv. Penyakit dan Musuh Padi

Ramai daripada responden yang ditemui menyatakan masalah utama yang dihadapi oleh mereka ialah masalah penyakit dari musuh padi. Penyakit padi yang biasa ialah penyakit merah, penyakit karah dan ulat padi. Penyakit merah ini amat merbahaya sekali, ia disebabkan oleh sejenis kuman atau virus yang dipanggil bina hijau. Penyakit ini boleh merebak dengan cepat dan amat susah untuk dipulihkan kembali. Padi yang terkena penyakit merah ini,

pada mulanya daun itu menjadi kuning dan tidak berapa lama kemudian ia bertukar menjadi merah. Seterusnya pokok itu akan terencat pembesarannya dan padi itu akan menjadi hampa atau tidak berisi.

Begitu juga dengan penyakit karah yang boleh menyerang bila-bila masa sahaja. Ia disebabkan oleh sejenis kulat. Pada mulanya didapati terdapat beberapa peringkat tanda serangan pada daun. Bintik-bintik penyakit mulanya kecil berwarna putih, kelabu atau kebiruan, kemudiannya menjadi besar di dalam keadaan yang lembap. Anak-anak padi akan patah jika serangan pada batangnya merebak dan bila berlaku serangan dari tangkai buah, maka batang tangkai akan patah atau buah padi tidak berisi dan menjadi kecut.

Di samping menghadapi masalah penyakit padi, didapati 100% daripada responden menghadapi masalah serangga perosak. Musuh padi itu seperti tikus, kesing dan burung. Dari pengakuan para responden didapati kesing sentiasa merosakkan padi mereka. Adalah agak sukar bagi mereka untuk mengawal masalah kesing ini. Begitu juga dengan burung, biasanya para petani menghadapi ancaman dari burung pada waktu padi masak. Tikus merupakan musuh yang utama jika dibandingkan dengan ketiga-tiga musuh tersebut. Kalau dulu tikus dianggap sebagai jembalang dan tidak boleh diganggu tetapi pada hari ini mereka berusaha mencari berbagai-bagai cara untuk menghapuskan ancaman tikus tersebut.

v. Masalah Mendapat Kemudahan

Kadang-kala para petani menghadapi masalah untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan pertanian seperti jentera pembajak. Ini sebenarnya timbul kerana terdapat ramai para petani yang ingin menggunakan jentera tersebut sedangkan hanya terdapat beberapa buah jentera pembajak 4 roda sahaja di kawasan tersebut yang disediakan oleh pihak KADA. Sebenarnya keadaan seperti ini tidak boleh di persalahkan kepada pihak KADA sahaja kerana didapati pada tahun-tahun lepas kesalahan itu berpunca dari para petani sendiri. Mereka seolah-olah cuba mengelak dari membayar upah membajak, walaupun upah ini dikutip bayarannya selepas dari mendapat hasil padi. Pada masa ini didapati pembayaran membajak dikenakan selepas sahaja kerja membajak itu selesai.⁸

3.6 Kemudahan Infrastruktur

Dari segi kemudahan asas, kampung ini agak ketinggalan jika dibandingkan dengan kampung-kampung lain yang berdekatan, walaupun jaraknya dengan bandar Pasir Mas hanyalah 4.5 batu sahaja.

Terdapat 3 batang jalanan yang menghubungi Kampung Kedondong dengan kampung-kampung lain. Jalan ¹ laterit menghubungkan Kampung Kedondong dengan Kampung Apa-Apa dan Kampung Perol, sementara jalan tar menghubungkan Kampung Kedondong dengan Kampung Pangkal Kala dan bandar Pasir Mas. Bandar Pasir Mas merupakan pusat bandar utama bagi penduduk kampung ini untuk membeli belah. Kenderaan utama

yang digunakan ialah 'kereta prebet sapu'.⁹ Kenderaan ini merupakan satu-satunya kenderaan bertambang untuk kegunaan penduduk kampung tersebut. Tambang pergi balik ke bandar Pasir Mas ialah \$2,00.

Buat masa ini Kampung Kedondong masih belum dibekalkan dengan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan api, elektrik, bekalan air paip dan dewan orang ramai. Kebanyakan penduduknya menggunakan lampu gas dan generator sebagai menggantikan api elektrik. Meskipun begitu ada juga segelintir penduduk yang menggunakan 'pelita ayam'. Telefon awam baru saja dimasukkan untuk kemudahan perhubungan terutamanya dengan masyarakat luar bila terdapat sebarang kecemasan.

Untuk kemudahan pelajaran terdapat sebuah sekolah rendah iaitu Sekolah Rendah Kebangsaan Kampung Kedondong. Untuk peringkat menengah para pelajar akan menyambung pelajaran mereka di Sekolah Menengah Meranti, Sekolah Menengah Sultan Ibrahim (2), Sekolah Menengah Arab, Pasir Mas, dan Sekolah Arab Ismailiyah. Tidak ketinggalan juga ada di antara mereka yang dapat melanjutkan pelajaran ke sekolah berasrama penuh. Manakala bagi pelajar yang terkandas dalam peperiksaan SRP dan SPM akan mengulang semula belajar di sekolah swasta seperti Sekolah Seri Anggerik, Maktab Kadir Adabi¹⁰ dan Institut Lemal. Kesemua sekolah-sekolah ini terletak di bandar Pasir Mas. Sebenarnya sudah ada tapak pembinaan sekolah menengah di kampung ini dan projek ini telahpun diluluskan

oleh kerajaan negeri.

Terdapat sebuah sekolah TABIKA¹¹ yang didirikan beberapa tahun yang lepas. Ini semata-mata bagi kemudahan penduduk untuk mengenalkan anak-anak mereka yang di peringkat umur 4 - 6 tahun ke alam persekolahan. Guru yang mengajar di sekolah ini adalah seorang penduduk kampung ini. Didapati sambutan dari para penduduk amat baik dan kamajuannya sentiasa meningkat.

Terdapat 2 buah klinik desa yang biasa digunakan oleh penduduk kampung ini untuk mendapat rawatan. Kesihatan, iaitu Klinik Desa Pangkal Kala dan Klinik Desa Pohon Puluh. Kedua-duanya terletak berdekatan dengan Kampung Kedondong. Walau bagaimanapun didapati kaum ibu lebih suka pergi ke Klinik Desa Pangkal Kala kerana ternyata ia lebih dekat lagi pun mereka lebih senang mendapatkan kenderaan untuk ke sana. Pihak Jabatan Kesihatan Pasir Mas juga telah membekalkan tandas curah untuk kemudahan pembuangan najis, serta terdapat juga klinik bergerak yang datang sekali sekala untuk memeriksa keadaan kesihatan penduduk kampung itu.

Pihak KEMAS (Kemajuan Masyarakat) juga mengadakan kelas-kelas jahitan dan masakan. Guru yang mengajar juga adalah penduduk kampung ini. Untuk kemudahan membeli-belah terdapat 3 buah kedai runcit dan seorang peraih yang menjual barang keperluan dapur serta kueh-mueh dan sayuran. Biasanya peraih¹² itu memberi kredit pada penduduk kampung, oleh itu jualannya menjadi lebih laris dari pada pekedai runcit. Di samping itu terdapat juga penjaja dengan

van, dan penjaja bermotor yang menjual ikan dan daging bagi keperluan penduduk kampung.

3.7 Pemilikan Harta

Sudah menjadi kebiasaan bagi penduduk kampung iaitu tanah dan rumah merupakan harta milik yang utama bagi mereka. Begitu juga dengan penduduk Kampung Kedondong di mana tanah merupakan harta tetap bagi mereka. Seseorang itu akan dikatakan berharta jika memiliki berekar-ekar tanah. 100% dari mereka memiliki tapak rumah, 82% memiliki tanah padi, 30% memiliki tanah getah dan 6% pula memiliki tanah dusun. Walaupun kesemua responden memiliki tanah tapak rumah tetapi keluasannya adalah kecil. Didapati 66% daripada mereka mempunyai tapak rumah yang luasnya antara $\frac{3}{4}$ - 1 ekar, 24% atau 12 buah rumah yang mempunyai tapak rumah seluas $1\frac{1}{4}$ - $2\frac{1}{2}$ ekar. Ini menunjukkan ramai di antara mereka yang mempunyai tanah seluas ini. 10 orang memiliki tanah seluas antara $4\frac{3}{4}$ - $5\frac{1}{2}$ ekar, dan hanya 3 orang sahaja yang tanahnya lebih dari $5\frac{1}{2}$ ekar.

Dari para responden ini hanya 3 orang sahaja yang memiliki tanah dusun dan 15 orang memiliki tanah getah. Walaupun begitu kebanyakan daripada mereka memiliki tanah yang kecil saiznya iaitu di bawah $2\frac{1}{2}$ ekar sahaja. Sila lihat jadual 8.

Biasanya tapak rumah dikaitkan dengan tempat kediaman. Didapati 88% dari tempat kediaman itu dipunyai oleh ketua rumah manakala 2% dimiliki oleh isteri ketua keluarga, 8% dimiliki oleh

Jadual 8

Bilangan Isi Rumah Mengikut Jenis
Guna Tanah dan Keluasan

Luas Ekar	Tanah			
	Tapak rumah	Padi	Dusun	Getah
< $\frac{1}{2}$	33	4	1	5
$\frac{3}{4} - 1$	15	11	1	4
$1\frac{1}{4} - 2\frac{1}{2}$	2	12	-	4
$2\frac{3}{4} - 4\frac{1}{2}$	-	10	-	-
$4\frac{3}{4} - 5\frac{1}{2}$	-	1	1	-
$> 5\frac{3}{4}$	-	3	-	-
Jumlah	50	71	3	15

Sumber: Soalselidik

Sebahagian besar ketua rumah dan sebuah rumah dimiliki oleh datuk ketua keluarga.

Jenis harta yang kedua ialah kenderaan. Sebilangan besar daripada isi rumah itu memiliki basikal. Dari jadual 9 di dapati 92% daripada isi rumah itu memiliki kenderaan jenis ini. Di kampung ini juga ramai yang memiliki motorsikal iaitu seramai 62%, manakala hanya 4% isi rumah sahaja yang memiliki kereta. Terdapat 2% yang mempunyai beca dan 8% tidak memiliki apa-apa jenis kenderaan.

Jenis harta yang ketiga yang dimiliki oleh komuniti itu ialah binatang ternakan. Kira-kira 43 buah isi rumah atau 86% daripada mereka memiliki ayam itik, 40% memiliki kerbau lembu, 28% memiliki kambing biri-biri dan 22% memiliki serati. Di sini terdapat sebuah rumah yang mempunyai seekor kuda, sebagai binatang ternakan.

Jadual 9

Bilangan Isi Rumah Yang Memiliki Kenderaan

Dapur Minyak

Jenis	Bil. Isi Rumah
Basikal	46
Motorsikal	31
Kereta	2
Beca	1
Tidak miliki kenderaan	4
Jumlah	84

Sumber: Soalselidik

Jadual 10

Bilangan Isi Rumah Yang Memiliki Binatang Ternakan

Jenis

Bil. Isi Rumah

Ayam itek	43
Lembu kerbau	20
Kambing biri-biri	14
Serati	11
Kuda	1

Sumber: Soalselidik

Harta Dalam Rumah	
Petik TV	31
Radio Kaset	48
Kerusi set	11
Mesin jahit	14
Dapur minyak	21
Almari	47

Sumber: Soalselidik

Satu lagi jenis harta yang kebanyakannya dimiliki oleh penduduk kawasan kajian ialah barang dalam rumah. Barang ini merupakan barang pengguna yang tahan lama (consumer durable goods) seperti peti TV, radio, kerusi set dan sebagainya. 49% orang dari responden memiliki radio. Radio adalah harta dalam rumah yang paling ramai sekali dimiliki. Ini seterusnya diikuti oleh almari iaitu dipunyai oleh sebanyak 47 buah rumah. Dari perhatian pengkaji, didapati rumah yang sangat buruk dan pemiliknya orang tua tidak mempunyai almari.

Dari kajian terdapat 31 orang memiliki peti TV. Mereka menggunakan 'bateri' sebagai alternatif kepada bekalan api elektrik. 21 orang memasak dengan menggunakan dapur minyak, 14 orang memiliki mesin jahit dan 11 orang memiliki kerusi set.

Sejajar dengan kehendak kerajaan didapati ramai dari penduduk kampung ini yang telah melabur dalam Amanah Saham Nasional (ASN). Dari kajian terdapat 30 dari 50 orang yang melabur dalam ASN, tetapi kebanyakannya mereka hanya melabur dengan pelaburan pokok iaitu sebanyak \$10.00 dan 2 orang sahaja yang melabur sebanyak \$500.00.

Barang kemas juga tidak ketinggalan dimiliki oleh mereka, iaitu merupakan milik isteri ketua keluarga. Terdapat 21 orang yang memiliki barang kemas.¹³

3.8 Pendidikan

Jadual 12

Tahap Pendidikan Ketua Keluarga

Dari Tahap Pendidikan dapat lihat Bil. Responden

Tidak sekolah	11
Sekolah pondok	1
Sekolah rendah	29
SRP	7
SPM	2
STPM	-
Maktab	-
Universiti	-
Jumlah	50

Sumber: Soalselidik

Ditinjau dari segi pendidikan, para responden paling ramai sekali mencapai tahap pendidikan mereka di peringkat sekolah rendah, iaitu seramai 29 orang atau 58%. Ramai di antara mereka yang belajar hingga ke darjah 6, kemudiannya terpaksa berhenti kerana keadaan kewangan yang tidak mengizinkan atau kerana tidak ada kesedaran tentang kepentingan pelajaran di kalangan para ibu-bapa mereka dahulu.¹⁴

Didapati antara 29 orang dari yang berpendidikan sekolah rendah ini, jika dibuat perbandingan antara tahap umur dan tahap pelajaran, didapati seramai 14 orang daripada mereka berumur antara 46 - 56 tahun, 5 orang berumur antara 56 - 65 tahun dan seorang berusia 66 tahun. Walau bagaimanapun terdapat juga golongan muda iaitu seramai 4 orang yang berumur antara 25 - 35 tahun.

Dari kajian itu terdapat 11 orang yang tidak pernah menjejakkan kaki ke sekolah. Kebanyakannya terdiri dari golongan tua. Ini kerana pada masa dahulu belum ada lagi sekolah-sekolah yang didirikan. Ini ditambah pula dengan suasana yang tidak aman akibat dari Perang Dunia Kedua.

Terdapat 7 orang yang berpendidikan hingga ke tahap SRP dan 2 orang hingga ke peringkat SPM. Kesemua mereka yang mendapat pendidikan hingga ke peringkat ini terdiri dari golongan muda iaitu berumur antara 25 - 36 tahun dan 37 - 45 tahun.

Note Kaki Kesimpulannya di dalam masyarakat Kampung Kedondong di dapati bahawa bilangan kaum lelaki yang bekerja untuk menanggung kehidupan keluarga adalah lebih kecil jika dibandingkan dengan bilangan yang kena tanggung. Mereka ini secara umumnya melibatkan diri dengan sektor pertanian walaupun pekerjaan tetap mereka adalah pertukangan atau pembinaan. Dalam menjalankan kegiatan ini para petani tidak terlepas dari menghadapi masalah-masalah pertanian seperti masalah kekurangan air, penghijrahan dan kekurangan tenaga buruh serta tanah yang tidak ekonomi. Selain dari itu, kebanyakannya daripada tanah sawah dan tanah kebun yang dimiliki oleh mereka itu adalah tanah pusaka iaitu warisan dari kedua orang tua mereka.

Begitu juga dengan kemudahan infrastruktur dan sosial, didapati agak ketinggalan jika dibandingkan dengan kampung-kampung lain yang tinggal berdekatan. Jadi secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa Kampung Kedondong adalah sebuah kampung yang masih belum mencapai taraf kemajuan yang sejajar dengan tahap pembangunan kini.

6. Upacara sembahyang hajat ini dilakukan bersama-sama oleh kampung di suatu tempat. Biasanya di bawah lauqang. Contohnya sembahyang hajat nista hujor pada suatu konvensyen. Penduduk kampung akan membawa pulutkuang untuk jemur berantai-ruas. Upacara sembahyang hajat ini biasanya diketuai oleh Tuah kampung itu atau Tok Guru atau seorang yang lebih dianggap ahli dalam hal-hal keagamaan. Upacara ini merupakan tradisi kampung tersebut serta kampung-kampung lain yang berdekatan dengannya.

Nota Kaki

1. Istilah jajahan bagi negeri Kelantan adalah sama dengan istilah 'daerah' bagi negeri-negeri lain di Malaysia (Rashid Ahmad 1969: 123) dan tiap-tiap jajahan ditadbir oleh Pegawai Daerah (District Officer). Tiap-tiap jajahan dibahagikan kepada 'sub-district' 'daerah' dan ditadbirkan oleh seorang penggawa. Menurut Downs (dalam Sakai, 1960: 53) pada masa beliau membuat kajian (1957 - 58), Kelantan terbahagi kepada 8 buah jajahan, tetapi sekarang Kelantan terbahagi kepada 9 buah jajahan iaitu Kota Bharu, Pasir Putih, Tanah Merah, Tumpat, Machang, Pasir Mas, Bachok, Ulu Kelantan dan Kuala Kerai. Lihat 'Suara Permodalan', PNB. K. Lumpur, Sept. 1982 m.s. 3.
2. Kalau di negeri-negeri lain, 'daerah' ini dipanggil Mukim.
3. Istilah penghulu di Kelantan adalah sama dengan istilah 'Ketua Kampung' bagi negeri-negeri lain di Malaysia, di mana mereka tidak mempunyai 'authority' bebas (Downs: Dalam Sakai, 1960: 53 dan Rasyid Ahmad 1969), Firth (1966: 9). Menerangkan bahawa penghulu di Kelantan itu adalah, ".... who are government nominated and receive a small annual income," dan kerana itu penghulu terpaksa membuat lain-lain pekerjaan untuk menyara keluarganya. Untuk mendapat keterangan lanjut mengenai konsep penghulu, sila lihat Syed Husin Ali (1982: Bab I dan III) dan Gullick (1972: Bab I dan III).
4. Dalam komuniti yang dikaji itu mereka sebenarnya tidak faham mengenai ideologi parti yang diikutinya. Mereka hanya mengikut-ikut sahaja.
5. Dalam pertandingan 'kampung contoh' di peringkat Jajahan Pasir Mas Kampung Kedondong telah menduduki tempat kelima dari 10 buah kampung yang lain. Di sini Kampung Kedondong mewakili Daerah Kubang Gadong.
6. Upacara sembahyang hajat ini dilakukan beramai-ramai oleh kampung di suatu tempat. Biasanya di kawasan lapang. Contohnya sembahyang hajat minta hujan pada musim kemarau. Penduduk kampung akan membawa pulut kuning untuk jamuan beramai-ramai. Upacara sembahyang hajat ini biasanya diketuai oleh Imam kampung itu atau Tok Guru atau seorang yang lebih mengetahui dalam hal-hal keugamaan. Upacara ini merupakan tradisi kampung tersebut serta kampung-kampung lain yang berdekatan dengannya.

7. Dari pemerhatian dan 'cross-checking' yang dibuat oleh pengkaji
8. Dari pertemuan pengkaji dengan ~~egen~~ traktor, didapati mereka sentiasa menghadapi masalah semasa memungut hutang. Oleh sebab itu pihak KADA telah mengambil keputusan supaya pembayaran itu dibuat selepas saja kerja-kerja membayar selesai dijalankan.
9. Kereta prebet sapu ialah motokar milik perseorangan yang digunakan untuk memungut tambang dan ianya tidak mempunyai lesen angkut penumpang dari Jabatan Pengangkutan Jalan.
10. Di antara keempat-empat sekolah swasta tersebut, didapati Maktab Kadir Abadi yang lebih menjadi tumpuan para pelajar yang terkandas untuk mengulang semula belajar.
11. TABIKA - Taman Bimbingan Kanak-kanak
12. Peraih di sini ialah peraih wanita yang membeli barang secara pukal dan kemudiannya ~~dijualkan~~ pula pada orang lain dengan mendapat sedikit keuntungan. Biasanya terdapat orang kampung yang menjual telur dan sayuran pada peraih untuk dijual di bandar Pasir Mas. Hasil dari itu peraih akan membeli barang lain di Pasir Mas untuk dijual pada penduduk kampung.
13. Didapati para responden sedaya upaya cuba mengelakkan diri dan menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan pemilikan barang kemas. Mereka mengatakan pemilikan barang kemas adalah harta peribadi yang tidak boleh diheboh-hebohkan dengan sewenang-wenangnya.
14. Masing-masing responden yang ditemui menyatakan penyesalan mereka terhadap sikap ibubapa mereka pada zaman itu. Atas kesedaran inilah mereka sedaya upaya cuba menyekolahkan anak-anak mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

BAB IV

LATARBELAKANG SERTA AKTIVITI-AKTIVITI KADA

4.1 Pengenalan

Pertanian Kelantan, Mewujudkan Kelantan, Mewujudkan (Akta Lembaran Kewajuan Kemubu (69/12) No. 2 Lahan 1972 (Penyatakan Jawat yang berada di dalam kawasan pertanian Kelantan, Mewujudkan kerana di situ terdiri dari tanah-tanah lanar yang subur dan sangat sesuai untuk penanaman padi di samping mempunyai bekalan air yang cukup. Kawasan penanaman padi yang utama di Kelantan ialah di jajahan Kota Bharu, Pasir Mas, Bachok, Pasir Putih dan Tumpat.

Pada peringkat awal, sektor pertanian di Kelantan banyak menggunakan cara-cara tradisional tetapi dengan pengenalan teknologi baru pada pertengahan 1970an telah mengubah corak pertanian tersebut. Dalam proses pengenalan dan pembangunan teknologi inilah tertubuhnya satu badan yang menjadi penggerak utama dalam kegiatan penanaman padi di Kelantan.

KADA (Kemubu Agriculture Development Authority) adalah satu-satunya agensi kerajaan yang telah memainkan peranan yang penting dalam pembangunan pertanian di Kelantan. Lembaga ini telah memperkenalkan berbagai-bagai cara untuk meningkatkan hasil padi terutama sekali dengan mengadakan 5 buah rancangan perairan untuk mengelakkan masalah kekurangan bekalan air. Dari kegiatan-kegiatan ini menyebabkan hasil padi telah meningkat dengan berlipat ganda jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang lepas.

4.2 Latarbelakang KADA

KADA telah diperbadankan mengikut Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, Negeri Kelantan. Enakmen (Akta Lembaga Kemajuan Kemubu (69/72) No. 2 tahun 1972 (Penyerahan Tugas) yang berkuatkuasa pada 2hb. Mac 1972 dan dilancarkan dengan rasminya pada 2hb. Mac 1972. Perasmianya dilakukan oleh YAB Tun Haji Abd. Razak. KADA ditubuhkan setelah tergubalnya Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Tugas-tugas yang disarankan kepada Lembaga adalah seperti berikut:

- i. Memaju, menggalak, membantu dan mengusaha pembangunan ekonomi dan sosial dalam kawasan

oleh Lembaga Pertubuhan-pertubuhan Peladang iaitu SKP (Pusat Kemubu)

- ii. Merancang dan mengusahakan dalam kawasan Kemubu apa-apa kemajuan mengikut skim yang ditentukan padanya oleh negeri

Buat masa ini kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pihak KADA ditumpukan khas kepada pembangunan pertanian dengan cara:

- i. Menggunakan dengan sepenuhnya tanda-tanda di bawah tadbiran Lembaga ini

- ii. Menambahkan pengeluaran daripada tanah-tanah yang telah diusahakan

iii. Mengurangkan kos pengeluaran supaya pendapatan bersih dapat ditinggikan

iv. Menggalak perusahaan kecil secara sambilan yang boleh menambahkan pendapatan kepada petani-petani

Keseluruhan kawasan yang di bawah tadbiran KADA ialah lebih kurang 142,000 ekar (75,453 hektar). Dari jumlah ini seluas 80,000 ekar adalah sawah-sawah padi yang dilengkapi dengan kemudahan asas, sistem perairan moden yang bernilai lebih dari \$100 juta, bertujuan untuk penanaman padi dua kali setahun.

Terdapat 45,000 keluarga tani tinggal dalam kawasan KADA dengan memiliki purata 1.2 hektar (3 ekar) kawasan ladang keluarga.

Purata saiz keluarga ialah 6.6 orang. KADA juga mengendalikan 13 buah Pertubuhan Peladang sebagaimana yang telah diaturkan oleh Lembaga Pertubuhan-pertubuhan Peladang itu ialah PKP (Pusat Kemajuan Peladang) Nilam Puri, Jaya Peringat, Sungai Ketereh, Tanjung Puri di jajahan Kota Bharu, sementara di jajahan Tumpat terdiri dari PKP Bakar Baru dan Bunga Raya, jajahan Pasir Mas pula terdiri dari PKP Alor Mas, Kubang Sepat dan Kubang Bunut dan dalam jajahan Bachok pula terdiri dari PKP Sri Gunung. Sementara itu dalam jajahan Pasir Putih terdapat 2 PKP iaitu PKP Cherang Rotan dan Bukit Jawa.

Rancangan Perairan Kemubu adalah sebuah rancangan perairan yang terbesar di antara kawasan-kawasan perairan yang ditadbirkkan oleh lembaga ini. Perbelanjaan kerja kejuruteraan ini berjumlah

\$75 juta dalam mana \$70 juta adalah pinjaman dari Bank Dunia.

Pentadbiran rancangan ini mulanya diketuai oleh seorang pegawai penyama bagi menyelaraskan kegiatan-kegiatan dan rancangan-rancangan Jabatan Parit dan Taliair (JPT) dan Jabatan Pertanian Khasnya dan juga jabatan-jabatan lain yang ada peranannya bagi menjayakan Rancangan Perairan Kemubu.

4.3 Organisasi

Sebagai satu perhubungan, KADA ditadbirkan oleh satu lembaga yang terdiri dari 11 orang ahli iaitu Pengerusi, Timbalan Pengerusi (selaku Pengurus Besar) Pengarah Jabatan Parit dan Taliair atau wakilnya, Wakil Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Wakil Bank Pertanian, Wakil Negeri dan tidak lebih dari 3 wakil lain. Pengerusi Lembaga bertanggungjawab untuk menyatakan serta mengawal perlaksanaan keputusan lembaga. Manakala Pengurus Besar ditugaskan menjalankan pentadbiran harian dalam memulakan tugas-tugas yang telah diberi kepada Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu.

Di dalam organisasi pentadbiran terdapat dua bahagian teknikal dan satu bahagian pentadbiran. Bahagian teknikal adalah seperti bahagian dalam organisasi kejuruteraan yang mana bertanggung-jawab atas penyelenggaraan infrastruktur dan juga rumah-rumah pam serta pengurusan air, manakala bahagian pertanian pula bertanggung-jawab untuk membangunkan pertanian dalam kawasan yang telah diberi kemudahan infrastruktur tadi. Bahagian pentadbiran adalah bertanggung-

jawab dalam hal-hal perkhidmatan dan kewangan lembaga. Jadi secara keseluruhannya, pentadbiran hairan KADA terbahagi kepada 5 bahagian iaitu pentadbiran, pertanian, kejuruteraan awam, mekanikal dan worksyop serta pengembangan dan latihan.

a. Bahagian Pentadbiran

Bahagian ini setelah menerima dasar dan panduan Jemaah Lembaga bertanggungjawab bagi keseluruhan perancangan dan pengawasan aktiviti-aktiviti dalam kawasan KADA. Di samping itu ia juga bertanggungjawab untuk mempastikan bahawa mutu dan prestasi perkhidmatan setiap kakitangan di semua peringkat adalah memuaskan dan menjalankan tugas masing-masing dengan sempurna.

b. Bahagian Pertanian

Bahagian pertanian dipertanggungjawabkan untuk membuat perancangan kepada segala pembangunan pertanian dan penggunaan sepenuhnya infrastruktur yang disediakan oleh KADA terutama sekali bagi menjayakan operasi penanaman padi dua kali setahun supaya dapat berjalan lancar tanpa sebarang masalah yang menjelaskan usaha penanaman padi itu.

c. Bahagian Kejuruteraan Awam

Bahagian ini bertanggungjawab kepada kerja-kerja pengendalian dan penyelenggaraan parasan perairan dan penyaliran untuk memastikan penyaliran air selaras dengan program penanaman padi 2 musim setahun.

d. Bahagian Mekanikal dan Woksyop

Bahagian ini berperanan membekalkan air di samping memastikan rumah-rumah pam, pam-pam galah serta peralatan berat sentiasa dalam keadaan sempurna dan baik pada setiap masa.

e. Bahagian Pengembangan dan Latihan

Bahagian ini mempunyai tugas untuk menentukan bahawa para petani dapat menerima dan dapat mengamalkan teknologi moden di dalam usaha meningkatkan daya keluaran padi di Kelantan melalui sistem iaitu lawatan dan latihan.

4.4. Projek Perairan KADA

KADA telah menyelenggara 5 buah projek perairan dalam 5 jajahan di Utara Negeri Kelantan. Sistem perairan Kemubu dan Salor terletak di kawasan Tebing Timur Sungai Kelantan meliputi 20,230 hektar (50,000 ekar) sawah yang merangkumi jajahan Kota Bharu, Bachok dan Pasir Putih. Manakala sistem perairan Lemal, Pasir Mas dan Alor Pasir terletak di Tebing Barat Sungai Kelantan meliputi tanah-tanah bendang dalam jajahan Pasir Mas. Tanah-tanah bendang di jajahan Pasir Mas dan Tumpat seluas 12,138 hektar (30,000 ekar).

Lembaga ini dipertanggungjawabkan dengan 5 rancangan perairan seperti yang dipertanggungjawabkan di bawah:

a. Rancangan Perairan Salor (Jajahan Kota Bharu)

- i. Keluasan kawasan ialah 849.7 hektar (2,100 ekar)
- ii. Mampu membekal air sebanyak $2m^3$ /saat
- iii. Dir digumba oleh 2 buah pam elektrik
- iv. Air disalur oleh 16 km (10 batu) air parit dan taliair

b. Rancangan Perairan Lemal (Jajahan Pasir Mas/Tumpat)

- i. Keluasan kawasan ialah 9,312 hektar (23,000 ekar)
- ii. Mampu membekal air sebanyak $17m^3$ /saat
- iii. Air digumba oleh 4 buah pam elektrik
- iv. Air disalur melalui 112 km (70 batu) sistem parit dan taliair

c. Rancangan Perairan Pasir Mas (Jajahan Pasir Mas/Tumpat)

- i. Keluasan kawasan ialah 2,088 hektar (5,160 ekar)
- ii. Mampu membekal air sebanyak $4m^3$ /saat
- iii. Air digumba oleh 3 buah pam elektrik
- iv. Air disalur melalui 43.2 km (27 batu) sistem parit dan taliair

d. Alor Pasir (Jajahan Pasir Mas)

- i. Keluasan kawasan ini ialah 566.4 hektar (1,400 ekar)
- ii. Bekalan air dari Empangan Tok Uban
- iii. Air disalur melalui 9.6 km (6 batu) sistem parit dan taliair

iv. Kemampuan bekalan air $8m^3$ /saat

e. Kemubu (Jajahan Kota Bharu, Bachok dan Pasir Putih)

i. Stesyen Pam Kemubu

: 5 pam disel 1,150 ps tiap satu kemampuan
bekalan $28m^3$ /saat

ii. Empangan Ketereh

: Kemampuan bekalan $10m^3$ /saat

iii. 10 buah pam booster

: kemampuan bekalan $9m^3$ /saat

iv. Panjang taliair - terusan bekalan 392 km.

jari 112 km

v. Keluasan sawah - 19,016 hektar (47,000 ekar)

Dari segi kemudahan-kemudahan di kawasan KADA adalah seperti berikut:

i. Jumlah panjang sistem taliair - 806.2 km

ii. Jumlah panjang sistem saliran - 683 km

iii. Jumlah panjang sistem jalan ladang - 650 km

iv. Binaan perairan atau penyaluran - 2,455 buah

v. Jambatan - 839 buah

vi. Rumah kakitangan kawasan - 122 buah

Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu ini, diketuai oleh

seorang pengurus ladang yang juga diberi tugas untuk menyelenggarakan 4 rancangan perairan yang lain yang


bersempadan dengan Rancangan Perairan Kemubu. Rancangan Perairan Lemal, Alor Pasir, Pasir Mas, dan Salor telah wujud pada pertengahan tahun 60an dan perbelanjaan kerja-kerja kejuruteraan di sini berjumlah \$14.7 juta, di mana telah dibelanjakan untuk mengadakan infrastruktur bagi kawasan-kawasan tersebut.

4.5 Peranan dan Aktiviti KADA Di Kampung Kedondong

Para petani terpaksa menempuh berbagai-bagai masalah dulu sebelum menikmati hasil dari sektor pertanian. Dari segala masalah yang dihadapi oleh para petani di Kampung Kedondong, (Bab 3), maka agensi KADA telah cuba melaksanakan beberapa projek untuk mengatasi masalah-masalah tersebut. Projek-projek dan program-program yang dibuat oleh pihak KADA di Kampung Kedondong ini dengan andaian dapat mendatangkan kebaikan kepada para petani di samping tujuan utamanya untuk memperbaiki taraf sosio-ekonomi mereka. Pihak KADA telah berusaha sedaya-upaya melaksanakan berbagai-bagai aktiviti khususnya untuk menolong dan sekaligus berjaya berperanan sebagai agensi pembangunan ekonomi petani di Kampung Kedondong.

Kampung Kedondong terletak di bawah pengawasan Pusat Kemajuan Keladang (PKP) Kubang Bunut.¹ Pertubuhan Reladang ini dipertanggungjawabkan oleh pihak KADA untuk:

- i. Meninggikan taraf sosio-ekonomi dan sosial petani dan ahli-ahli
- ii. Menambahkan pengetahuan dan kemahiran kapada



petani dan ahli

- iii. Meningkatkan hasil pendapatan petani dan ahli
- iv. Memperbaiki cara hidup petani dan ahli serta mewujudkan masyarakat yang bersatupadu

Oleh kerana PKP ini di bawah KADA maka ia dipertanggungjawabkan untuk membangunkan sektor pertanian dengan menggunakan infrastruktur yang disediakan terutama dalam menentukan kawasan-kawasan tanaman padi dua kali setahun digunakan dengan sepenuhnya. Dalam menentukan penggunaan tanah yang lebih sempurna di Kampung Kedondong, pihak PKP telah menggunakan rancangan mempelbagaikan tanaman dengan memberi bantuan benih, baja dan racun. Ini bertujuan untuk mengawal padi dari sebarang ancaman serta mempertingkatkan jumlah pengeluaran padi dan secara langsung meningkatkan taraf hidup para petani. Lain-lain perkhidmatan yang disalurkan untuk mengatasi masalah petani selain dari skim subsidi baja padi dan benih, juga telah disediakan perkhidmatan seperti kejenteraan ladang dan pemasaran hasil tani.

Walau bagaimapun selain dari membuat pelbagai aktiviti perkhidmatan, PKP juga terlibat dengan perniagaan untuk mencapai keuntungan maksima, antaranya ialah membekalkan benih padi kepada petani-petani, memasuki kontrak jalan ladang dan mencuci taliair. PKP juga mengadakan projek penanaman tabu, kacang tanah dan nenas. Di samping memberi keuntungan pada pertubuhan, ia juga menjadi contoh kepada para petani di kampung itu. Sehingga hari ini

beberapa aktiviti telah dijalankan di Kampung Kedondong. Antaranya ialah:

- i. Projek tanaman pisang, kacang tanah dan nenas
- ii. Penyebaran baja padi kepada petani
- iii. Pembelian padi melalui sistem agensi dan ladang campur di Kampung Kedondong
- iv. Pembahagian dividen 1978, 1979, 1980 dijalankan mengikut YPK (Yunit Pertanian Kecil)
- v. Pertambahan ahli Koperasi Peladang. Bagi Kampung Kedondong ahlinya sekarang sudah mencapai 110 orang.

Selain dari itu PKP juga memperuntukkan khairat kematian, bantuan pelajar, derma menunaikan fardu haji dan sebagainya, yang difikirkan perlu kepada ahli-ahli PKP di Kampung Kedondong. Juga pihak PKP menjalankan aktiviti membeli padi dengan cara sistem agensi. Pada sepanjang tahun 1983, pihak PKP telah membuat keuntungan berjumlah \$1,734.73 dari pembelian padi bernilai \$143,578.32. Bagi kemudahan para penduduk Kampung Kedondong terutamanya yang menjadi ahli PKP Kubang Bunut telah disediakan:

- i. Pengangkutan percuma kepada ahli dalam pembahagian baja subsidi
- ii. Upah tenggala yang berpatutan
- iii. Bantuan-bantuan seperti benih padi setiap 1 musim sekali, biji benih dan sayuran

iv. Nasihat pertanian yang diperuntukan untuk memajukan ahli.

Walau bagaimanapun peranan dan aktiviti yang telah dilakukan oleh pihak KADA di Kampung Kedondong dapat diklasifikasikan seperti berikut:

i. Kemudahan Perairan dan Taliair Kecil

Didapati para petani telah membuat rungutan tentang masalah kekurangan air. Kampung Kedondong termasuk di dalam kawasan Perairan Lemal.² Masa ini terdapat 150 km terusan dan saluran utama hanya 10 km tanah kecil, kemudian untuk membaiki lagi perjalanan saluran air, telah diadakan projek pemulihan kedudukan saluran dan memperbanyak lagi terusan kecil (tertiary kecil) serta membaiki kedudukan parit-parit yang mengadakan benteng dan parit-parit utama untuk pencegahan banjir. Jalan ditepi parit sepanjang 66 batu telah diperbaiki. Bund dan parit besar dibina bagi mencegah banjir untuk tiap-tiap kawasan dan bagi Daerah Kubang Gadong bund yang dibina seluas 9,880 batu (400 hektar).

Seterusnya pihak JPT telah membaiki parit yang sedia ada sepanjang 43.2 batu (72 km) dan membina 23.4 batu (39 km) parit baru supaya air dapat dilarikan.

Kampung ini juga termasuk didalam Projek Kelantan Utara. Di bawah projek ini rancangan taliair telah diperkembangkan iaitu memandangkan keperluan-keperluan taliair kecil yang tidak sempurna.

Sesungguhnya, Kampung Kedondong ini dikira bertuah kerana termasuk di bawah naungan KADA, sedangkan bagi kawasan tanaman padi di luar kawasan KADA telah diusahakan secara tidak sempurna iaitu tidak mempunyai kemudahan taliair. Tanaman padi kawasan ini hanya bergantung pada air hujan dan kadangkala tanaman ini tidak berjaya.

Parit-parit jari telah dibina di sekitar sawah padi. Ini untuk menyenangkan proses penyaliran air dari parit besar untuk ke sawah padi. Saliran hitam (GRP) juga dibina sebagai terusan.

ii. Jalan Luar Bandar dan Jalan Ladang

Pihak KADA telah membina jalan-jalan luar bandar dan jalan ladang di Kampung Kedondong dengan tujuannya untuk memberi perkhidmatan yang secukupnya. Rancangan ini untuk memperbaiki pendapatan petani dan supaya para pegawai dapat melawat petani untuk memberi nasihat dan tunjukajar. Juga supaya input-input pertanian dapat sampai ke kawasan ~~pedalaman~~ untuk kegunaan petani. Kesemua ini dibuat dengan matlamat untuk mencapai pembangunan pertanian yang intensif. Jalan-jalan luar bandar ini dibina mengikut ramai penduduk dan juga jumlah penghasilan pertanian di kawasan tersebut.

Sehingga ke hari ini terdapat beberapa batang jalan ladang telah dibina di Kampung Kedondong di mana telah menghubungkan jalan-jalan besar ke sawah padi. Dengan ini menyenangkan para petani mengangkut padi terutamanya pada musim penuaian. Hari ini adalah

tidak menghairankan jika para petani menggunakan motorsikal mengangkut padi dari sawah ke rumah-rumah mereka. Ini kerana tidak seperti dulu di mana para petani terpaksa memikul padi tersebut ke jalan besar sebelum diangkut dengan basikal ke rumah atau ke kilang padi untuk dimesin.

iii. Nasihat dan Tunjukajar

PKP Kubang Bunut di bawah Seksyen Nasihat Ladang telah memain peranan yang penting dalam memberi nasihat dan tunjukajar kepada petani di Kampung Kedondong dalam usaha meninggikan hasil pertanian. Seksyen ini telah memberi nasihat dan tunjukajar tentang teknik pertanian moden yang menguntungkan dan ekonomik. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dilakukan di kampung ini ialah:

- a. Operasi memburu tikus di sawah-sawah padi.³
- b. Kerja gotong-royong seperti menyembur racun padi dan secara beramai-ramai.
- c. Menentukan jadual pembahagian benih padi. Biasanya dilakukan di rumah penghulu.
- d. Melawat ke tempat kelompok.
- e. Memberi nasihat dalam penggunaan racun serangga dan sebagainya.
- f. Petak pertunjukan di bendang padi antara Kampung Pohon Buluh ke Kampung Kedondong

g. Mengadakan kursus sivik pada petani tentang perkembangan semasa berkaitan dengan pertanian di Sekolah Kebangsaan Kampung Kedondong.

Boleh dikatakan akibat daripada nasihat dan tunjukajar dari pihak KADA ini para petani di Kampung Kedondong dapat menerima pembaharuan dan sedikit sebanyak teknologi yang telah disalurkan.

iv. Pinjaman dan Kredit

Di Kampung Kedondong, pinjaman yang biasanya diberi oleh pihak KADA ialah seperti:

- a. Pinjaman upah tenggala Bank Pertanian
- b. Pinjaman membeli traktor 2 roda
- c. Pinjaman persekolahan
- d. Pinjaman dengan cawangan KADA dan pertubuhan peladang

Bagi para petani yang ingin membeli jentera pertanian biasanya traktor 2 roda, ia mestilah terlebih dahulu menjadi ahli PKP Kubang Bunut. Ahli ini mesti membuat permohonan dengan Bank Pertanian Malaysia, dan setelah mendapat kelulusan dari pihak bank barulah pihak koperasi akan membeli jentera tersebut serta diberikan pada petani.

Dari kajian di kampung tersebut didapati pada kebiasaan setiap petani yang ingin membeli jentera pembajak itu membuat pinjaman dengan BPM sebanyak \$3,000.00. Baki dari pinjaman itu akan

disimpan di Koperasi Peladang sebagai wang simpanan yang mana tujuannya ialah untuk digunakan bagi membeli alat-alat ganti sekiranya berlaku kerosakan. Jika pinjaman ini diluluskan petani dikehendaki membayar wang pendahuluan sebanyak \$700.00 dan baki yang selebihnya akan dikutip secara beransur-ansur. Di sini kadang-kadang mendatangkan masalah pada pertubuhan peladang kerana setengah petani masih belum menjelaskan hutang mereka, walaupun surat telahpun dihantar termasuk juga surat dari BPM sendiri.

Pinjaman persekolahan pada anak-anak petani jarang diberikan pada penduduk Kampung Kedondong. Ini kerana masih tidak banyak anak para petani di kampung tersebut yang dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi, manakala bagi anak mereka yang belajar di peringkat rendah, mereka masih lagi mampu menanggungnya.

Pihak KADA juga berfungsi sebagai penjamin kredit tenggala kepada pihak KADA, kemudiannya bila petani beroleh hasil barulah dijelaskan hutangnya. Maka didapati masalah kewangan tidaklah menjadi satu bebanan yang berat pada petani. Biasanya di kampung ini dalam menjalankan satu-satu projek seperti projek ternakan ayam daging, pihak KADA yang terlebih dahulu menanggungnya, kemudian barulah dibayar pinjaman tersebut. Jadi kegiatan ini amat mustahak, sekurang-kurangnya petani tidak lagi terikat dengan orang-orang tengah yang biasanya menjadi tumpuan mereka untuk mendapatkan kredit.

v. Kerja-kerja Tenggala

Pihak KADA dengan pertolongan dari PKP Kubang Bunut telah memberi sumbangan pada penduduk Kampung Kedondong dengan mengatasi masalah pembajakan sawah di kampung tersebut.

Bila tiba musim tenggala (musim menanam padi) para petani akan memohon traktor melalui wakil tiap-tiap unit pertanian kecil yang dilantik untuk mendapat perkhidmatan tenggala. Di kampung ini wakil yang telah dilantik adalah salah seorang dari Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Seminggu atau dua minggu sebelum kerja tenggala hendak dikerjakan di YPK berkenaan, wakil akan datang berjumpa dengan juruteknik urusan jentera untuk membuat tempahan. Juruteknik akan mencatat dalam buku tempahan dan wakil-wakil di kampung itu akan diberitahu bila kerja-kerja tenggala akan dilaksanakan oleh operator traktor. Juga didapati dua orang penduduk kampung ini adalah operator traktor yang bekerja di PKP Kubang Bunut. Jadi ini menyenangkan penduduk kampung untuk berhubung dan mengetahui tentang masalah pembajakan sawah padi mereka. Dalam proses pembayaran nanti terdapat 10% komisyen **diberikan pada para petani**.

vi. Remasan dan Pembekalan

Pada awal tahun 1970an dahulu, boleh dikatakan para penduduk kampung lebih suka menjual beras atau padi mereka pada

peraih dan orang-orang tengah, tetapi sekarang PKP Kubang Bunut telah memainkan peranan tersebut. Pemasaran iaitu memasarkan hasil-hasil petani di peringkat kawasan khususnya padi. Pemasaran padi di kawasan ini tidak bermotifkan keuntungan maksima tetapi sekadar menampung keperluan dan memberi kemudahan kepada petani-petani menjual padi mereka.

Di Kampung Kedondong, pemasaran dijalankan dengan 2 cara:

a. Pertubuhan Peladang membeli terus dari petani.

Cara ini ialah dengan melantik agen traktor sebagai pengumpul tani, menyediakan tempat serta mencari buruh menimbang dan memikul padi semasa membeli padi daripada petani. Agen ini yang memotong terus hutang traktor pada petani yang telah menggunakan traktor persatuan, dan sebagai imbuhan persatuan akan membayar komisyen di atas bayaran guni yang telah dipasarkan.

Harga padi itu akan ditetapkan oleh pihak persatuan peladang, begitu juga dengan jumlah potongan tentang wap basah dan sebagainya. Masa dan tempat ditentukan oleh agen traktor yang dilantik sebagai pengumpul padi. Walau bagaimanapun telah di syaratkan iaitu semasa membeli padi itu mestilah setempat dan paling kurang 15 guni setempat dan barulah pihak persatuan akan pergi menimbangnya.

b. Pertubuhan Peladang melantik agen traktor sebagai pembeli padi di mana pertubuhan menerima komisyen 50 sen di atas sepikul berat bersih.

Pihak KADA seterusnya telah membekalkan subsidi baju padi, anak-anak pisang, benih padi, dan kacang tanah. Benih padi yang telah dibekalkan pada penduduk kampung itu adalah dari jenis kadaria, sekembang dan mabsuri. Biasanya dibekalkan 3 gantang bagi setiap satu ekar dan ia dihadkan pada 2 ekar sahaja. Baju yang telah dibekalkan pula ialah amorphus (baju semai) yang digunakan untuk padi semai (lepas menabur), baju pokok (tambahan) iaitu ditabur setelah 2 minggu padi itu dicedung, manakala baju urea pula ditabur semasa padi itu kuning (masa hendak mengeluarkan buah). Ratio yang telah ditetapkan ialah 1 beg amorphus, 4 beg baju tambahan dan 2 beg baju urea untuk tiap-tiap 1 ekar sawah padi.

Untuk kemudahan para petani yang menjadi ahli, pihak persatuan ini telah memberi pengangkutan percuma semasa menghantar baju ke kampung itu. Di sini didapati persatuan peladang lebih mengutamakan mereka yang menjadi ahli. Di samping itu para petani ini juga disyaratkan membawa kad ahli peladang atau resit yuran, serta telah menjelaskan yuran tahunan dan menambah satu saham. Sebaliknya bagi petani bukan ahli dikenakan bayaran 50 sen satu beg bagi kemudahan pengangkutan perusahaan.

Terdapat juga pembekalan bahan input pertanian seperti racun serangga dan racun rumput. Jenis racun yang biasa dipesan oleh pihak persatuan bergantung atas kehendak dan permintaan

petani.. Penjualan racun serangga hanya diadakan di stor Pejabat persatuan sahaja. Penjualan ini merupakan penjualan barang terkawal.

Pada tahun 1984, pihak KADA telah mendirikan sebuah kilang padi di Meranti yang bernilai \$221,324.50 yang berkeupayaan mengilang $\frac{3}{4}$ tan metrik beras sehari. Walaupun kilang padi ini dibina agak jauh dengan Kampung Kedondong, tetapi bagi penduduk yang tinggal di Kedondong Hilir ada juga yang mengilang padi mereka di sana.⁴

vi. Pengembangan

Di sini sebenarnya pihak KADA berperanan khusus untuk memberi kursus, latihan dan pertunjukan kaedah-kaedah baru dalam pertanian, secara am dengan diberi penekanan kepada penanaman padi. Di kampung ini, beberapa program pengembangan ~~telah~~⁵ dilakukan, antaranya ialah:

- a. Kursus petani di pusat latihan KADA⁵
- b. Kursus khas penyakit merah virus
- c. Lawatan ke tempat petani maju
- d. Gotong-royong menggali dan mencuci parit jari, mencegah musuh dan penyakit, membina batas baru dan membina jalan ladang.
- e. Petak pertunjukan ladang

f. Kursus sehari JPYP

viii. Projek Ladang Campur

Pihak KADA juga telah memperkenalkan projek ladang campur yang dijalankan di Kampung Kerasak iaitu berdekatan dengan Kampung Kedondong. Sebenarnya salah seorang penduduk Kampung Kedondong sendiri yang mengawal dan menjaga ladang tersebut kerana kebetulan ia juga seorang operator traktor di PKP Kubang Bunut. Projek ini bertujuan untuk menjadi satu contoh penggunaan tanah yang lebih intensif dan ekonomik, bagi mendapat hasil pendapatan yang lebih tinggi dan membentuk satu kumpulan petani yang berdikari. Objektif utama projek ini ialah:

- a. Menjadi contoh untuk mempelbagaikan aktiviti pertanian dan seterusnya meningkatkan pendapatan.
- b. Menggunakan tanah dengan cara lebih produktif dan menguntungkan
- c. Menyalurkan teknologi baru bagi menambahkan hasil pengeluaran
- d. Melatih petani separuh masa dalam aktiviti pertanian yang memberi pendapatan yang terjamin
- e. Melatih petani mengamalkan aktiviti pertanian secara komersial
- f. Memilih jenis tanaman yang paling sesuai dan mempunyai potensi pengeluaran dan harga yang

Walau bagaimanapun yang menjadi percasannya ialah lebih tinggi.

adakah segala perancangan dan aktiviti itu dapat diterima dengan sepenuhnya dan sekerungnya dan akhirnya dapat mempertingkatkan aktiviti pertanian yang diusahakan sepenuhnya. Sebarang bantuan dan

g. Menolong petani tempatan untuk mempertingkatkan sepenuhnya dan sekerungnya dan akhirnya dapat mempertingkatkan aktiviti pertanian yang diusahakan sepenuhnya.

sebarang bantuan dan

h. Membiasakan petani dengan kaedah pengurusan ladang didapati pihak KADA seharunya

menerusi latihan institut

sebarang projek agar segala perancangan itu dapat diterima dengan sepenuhnya dalam artika Ladang campur yang seluas 5.40 ekar ini dipenuhi dengan:

oleh para petani di Kampung Kedondong.

a. Pemeliharaan ayam daging

b. Tanaman sayuran menurut tujuan diatas pihak KADA

tidak terlepas c. Tanaman jangka panjang dan batasan-batasan fizikal

dan sosial. d. Tanaman padi seperti saizal-saizal teknikal

tidaklah sebesit e. Pemeliharaan ikan air tawar ditandangkan dengan

saizal-saizal f. Pemeliharaan kambing melicinkan struktur-struktur

organisasi, membangunkan institusi peladang dan sengubah sikap

Selain daripada projek kerbau pawah juga dijalankan di sertai dengan para petani. di sini pihak KADA seharunya

mana KADA telah membekalkan 15 ekor kerbau dengan perbelanjaan

bertindak dengan lebih baik untuk mengatai saizal-saizal

\$13,560.50. Projek ini telah menghasilkan sebanyak \$10,460.00, tersebut.

4.6 Kesimpulan

Dari segala aktiviti-aktiviti yang dilakukan tidak dapat

dinafikan bahawa pihak KADA sememangnya telah berusaha sedaya upaya

menolong dan memberi bermacam-macam sumbangan demi mempertingkatkan

taraf pembangunan ekonomi petani di Kampung Kedondong, dan sekaligus

itu adalah tidak menjadi suatu perkara yang mustahil bahawa

membasmi kemiskinan masyarakat tersebut.

atau suatu masyarakat tertentu terdapat akhir kewujudan suatu

sebuah masyarakat yang berjaya dan sejahtera.

Walau bagaimanapun yang menjadi persoalannya ialah adakah segala perancangan dan aktiviti itu dapat diterima dengan sepenuhnya dan seterusnya dapat diaplikasikan tanpa menerima sebarang bantuan dari masyarakat kampung tersebut? Di sini didapati pihak KADA seharusnya lebih kritikal dalam mencadangkan sebarang projek agar segala perancangan itu dapat dipraktikkan dalam ertikata yang sebenar, iaitu dapat diterima dengan baik oleh para petani di Kampung Kedondong.

Juga didapati dalam mencapai tujuan di atas pihak KADA tidak terlepas dari menghadapi masalah dan batasan-batasan fizikal dan sosial. Batasan fizikal seperti masalah-masalah teknikal tidaklah sebegitu rumit untuk diatasi jika dibandingkan dengan masalah sosial dan institusi seperti melicinkan struktur-struktur organisasi, membangunkan institusi peladang dan mengubah sikap serta amalan para petani. Jadi di sini pihak KADA seharusnya bertindak dengan lebih agresif untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

Namun demikian adalah menjadi harapan semua agar pihak KADA haruslah bertindak sebagai sebuah agensi yang betul-betul berorientasi untuk menolong para petani dan sebaliknya pula masyarakat petani tersebut mestilah mempunyai sikap yang positif dan tegas untuk mengubah kehidupan mereka ke tahap yang lebih maju. Dengan ini adalah tidak menjadi suatu perkara yang mustahil bahawa pada suatu masa nanti masyarakat tani tersebut akan berubah menjadi sebuah masyarakat yang berpotensi dan maju.

Nota kaki

KEMAJUAN PERTANIAN DI KELANTAN

1. Pusat Kemajuan Peladang (PKP) Kubang Bunut adalah khas untuk mengawasi kawasan pertanian di Daerah Kubang Gadong.
5.1 Pejabatnya terletak di Kampung Meranti, kira-kira 3 batu jauh dari Kampung Kedondong.
2. Untuk jajahan Pasir Mas terdapat 2 buah perairan iaitu Rancangan Perairan Alor Pasir dan Rancangan Perairan Lemal.
3. Biasanya operasi memburu tikus dan bergotong-royong ini dilakukan pada pagi Jumaat dan disambung pula selepas sembahyang Jumaat.
4. Kampung Kedondong Hilir terletak lebih dekat dengan Kampung Meranti.
5. Petani yang pergi berkursus ini biasanya dipilih oleh penghulu kampung. Walau bagaimanapun penghulu tidak menghalang para petani yang secara sukarela ingin hadiri kursus tersebut.

3. Kumpulan Kelan BAB V agensi-agensi lain yang membantu

menyenaraikan peran penting dalam Tadbir Pertanian, PADA,

KEBERKESANAN PERANAN AGENSI KERAJAAN

Dank Pertumbuhan Kelan dan Lain-lain

5.1 Pengenalan

5.2 Peranan Lain-lain Agensi Awam Di Kumpulan Kelan

Sektor pertanian merupakan sumber pendapatan yang utama bagi penduduk negeri Kelantan. Jadi sektor ini telah memainkan peranan yang utama bagi pertumbuhan ekonomi negeri itu. Ini jelas terbukti di mana sejak dari tahun 1969, sektor pertanian telah menyumbangkan 60%¹ daripada keluaran negara kasar bagi negeri Kelantan.

Dari masa ke semasa bersetujuan dengan pengenalan teknologi baru, sektor pertanian juga telah mengalami perubahan. Kalau dulunya sektor ini berjalan dengan lembap sekali tetapi sekarang sektor ini bergerak selari dengan sektor-sektor lain. Seperti yang telah diterangkan dalam bab yang lepas bahawa agensi KADA begitu banyak sekali memainkan peranannya dalam pembangunan pertanian di Kelantan terutamanya dalam kegiatan penanaman padi. Walau bagaimanapun KADA tidaklah bergerak sendirian. Ia telah mendapat kerjasama daripada agensi-agensi lain yang samada terlibat secara langsung atau tidak langsung demi mempertingkatkan lagi taraf kemajuan pertanian dan seterusnya membasmi kemiskinan masyarakat luar bandar.

Di Kampung Kedondong, agensi-agensi lain yang biasa memberi sumbangan pada petani ialah Jabatan Pertanian, FAMA, Bank Pertanian Malaysia (BPM) dan LPN.

5.2 Peranan Lain-lain Agensi Awam Di Kampung Kedondong

a. Jabatan Pertanian

Jabatan Pertanian juga memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam pembangunan ekonomi petani di Kampung Kedondong. Jabatan Pertanian adalah satu daripada badan kerajaan yang penting berusaha mengadakan berbagai-bagai kemudahan, bantuan dan khidmat nasihat kepada petani-petani seluruhnya, agar pendapatan dan hasil pertanian bertambah dari masa ke semasa, iaitu sejajar dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan kadar kemiskinan serta mengurangkan jurang perbezaan pendapatan di antara penduduk luar bandar dengan di bandar.

Kebiasaan projek-projek yang dilakukan oleh Jabatan Pertanian ialah seperti menanam semula dusun buahan, pemulihan dusun, sayuran serta melantik belia dan belianwanis di pusat latihan pertanian, kejenteraan pertanian dan pembangunan keluarga tani. Di kampung ini telah ditanam dengan pokok rambutan dan durian dalam projek pemulihan dusun, kerana didapati kedua-dua jenis pokok ini sesuai dengan tanahnya.

Dari rancangan-rancangan yang telah dilaksanakan ini

beberapa kejayaan telah dapat dicapai. Walaupun dengan rancangan pemulihan dusun itu tidak dapat menambahkan pendapatan petani, tetapi dapat mengatasi masalah tanah dusun yang biasanya tinggal terbiar. Hasil dari projek ini, kebun-kebun dan tanah dusun penduduk kampung ini telah ditanam dengan pokok-pokok rambutan, durian, langsat dan lain-lain.

Kampung Kedondong juga terlibat dengan rancangan subsidi input mempelbagaikan tanaman (SIMT) iaitu dalam projek baikipulih dusun. Antara tanamannya ialah:

- i. Tanaman durian
- ii. Tanaman rambutan (BPM)
- iii. Tanaman mempelam
- iv. Tanaman duku/langsat

Walau bagaimanapun bagi para petani yang mengambil bahagian di bawah rancangan ini dikehendaki mempunyai tanah bersyarat dusun buahan terutama untuk bantuan tanaman baru. Lain-lain subsidi tanaman yang dibekalkan ialah tanaman pisang, jagung dan lain-lain.

Pihak Jabatan Pertanian juga telah melaksanakan rancangan tanaman buahan di keliling rumah seperti tanaman rambutan, durian, mempelam, nangka dan lain-lain. Ini untuk menggalakkan penduduk menggunakan kawasan lapangan di sekeliling rumah untuk menanam pokok buahan, sekadar yang perlu mengikut kesesuaian kawasan masing-masing.

Untuk memberi penglibatan yang sepenuhnya oleh petani, satu jawatankuasa di kawasan terlibat perlu ditubuhkan. Di kampung ini sebarang kegiatan berkaitan dengan pertanian diketuai oleh Penghulu Kampung. Melalui jawatankuasa ini perhubungan dua hala sentiasa berlaku antara petani dan Jabatan Pertanian.

Bagi penduduk kampung ini, pihak Jabatan Pertanian Pasir Mas sentiasa membuat tinjauan terutamanya bagi memberi nasihat dan tunjukajar dalam proses penanaman pokok dan juga penggunaan baja. Pihak ini juga terlibat dalam membekalkan subsidi pokok-pokok kepada penduduk kampung tersebut.

b. Bank Pertanian Malaysia (BPM)

Walaupun bank-bank lain seperti Bank Rakyat dan Bank Pembangunan juga berfungsi dalam memberi perkhidmatan kepada sektor pertanian tetapi didapati BPM lebih menonjol memainkan peranannya, iaitu memodenkan sektor pertanian dalam bentuk pembiayaan kredit (Ang Poh Guan: 1979) ini selaras dengan tujuan utamanya iaitu:

- i. Menggalakkan kemajuan sempurna dalam sektor pertanian di Malaysia atau mana-mana bahagiannya
- ii. Menyelaras dan menyelia bantuan kredit dari kumpulan wang awam untuk maksud pertanian bagi berbagai orang atau kumpulan orang samada

perbadanan atau tidak

- iii. Mengadakan kemudahan pinjaman, pendahuluan kredit untuk kemajuan pertanian termasuklah penghasilan memiliki jentera pertanian sendiri. Jentera ini termasuk jentera pembajak seperti rotator, alat pengawal arah, jentera pengangkutan seperti iv. Menyelenggara wang simpanan khususnya dalam bentuk melalui pinjaman pertanian dan bagi mencapai tujuannya ini ia menerima wang simpanan deposit masa.

Bentuk Kredit dan Pinjaman

Hingga kini BPM mengatur 9 bentuk kredit dan pinjaman yang meliputi semua kegiatan-kegiatan pertanian. Walau bagaimanapun antara kesemua ini, yang terlibat untuk pembangunan ekonomi petani di Kampung Kedondong ialah:

i. Kredit Jangkapendek Pengeluaran Padi

Kredit ini disediakan untuk membolehkan petani-petani mendapatkan bahan pengeluaran seperti baja, racun serangga, perkhidmatan traktor, mengubah dan menuai padi. Kredit ini disalurkan melalui Pusat Kredit Tempatan (PKT) yang terdiri dari Pertubuhan Peladang dan Koperasi Peladang. Segala urusan pengeluaran kredit

dan penyediaan penggunaannya diselenggarakan oleh PKT.

ii. Kredit Jangka Pertengahan Jentera Pertanian

Kredit ini dikeluarkan untuk membolehkan petani-petani memiliki jentera pertanian sendiri. Jentera ini termasuk jentera pembajak seperti traktor, alat pengawalan air, jentera pengangkutan seperti lori dan van. Dua rancangan pinjaman disediakan iaitu melalui pinjaman terus dan pinjaman sewa dari BPM dan pinjaman sewa melalui wakil-wakil penjual jentera.

Di Kampung Kedondong, biasanya para petani membuat pinjaman sewa dari BPM untuk membeli traktor 2 roda. (Cara pinjamannya telah diterangkan dalam bab 4).

iii. Rancangan Pinjaman Ternakan

Di kampung ini, pihak BPM telah memberi pinjaman pada para petani yang ingin mengusahakan ternakan secara 'perdagangan'. Kredit dikeluarkan untuk membeli, menternak, makanan ternakan, binaan rumah ternakan dan memasarkan binatang ternakan, memajukan tanah kawasan ragut dan sebagainya. Ternakan yang layak ialah ayam, itik, kambing, lembu, kerbau dan lain-lain yang sesuai. Bagi para petani di sini biasanya memelihara ayam daging untuk dipasarkan.

Jadi tidak dapat dinafikan bahawa kredit memainkan peranan yang penting dalam pembangunan Akta Pertanian. Walaupun bagaimanapun haruslah kita sedar bahawa kredit adalah hanya salah satu daripada

faktor-faktor penting dalam proses kerajaan dan pembangunan pertanian. Justeru itu, kredit perlu bergerak bersama-sama dengan faktor-faktor lain untuk mencapai matlamat tersebut supaya susunan pemberian kredit ini benar-benar **berfungsi** sebagai tenaga penggerak dan asas pengubah, faktor-faktor berikut adalah perlu:

- a. Saluran-saluran pemasaran serta harga-harga pasaran yang memuaskan
- b. Sistem pengembangan pertanian yang efisyen dan efektif
- c. Teknologi yang sentiasa berubah yang membawa ke arah mutu dan daya pengeluaran yang lebih tinggi
- d. Bahan-bahan input yang senang diperolehi dengan harga menasabah
- e. Peringkat pengetahuan teknologi serta pengalaman yang boleh menghasilkan pengurusan projek yang memuaskan.
- c. Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN)

Di kampung ini, bagi para petani yang ingin menjual padi biasanya mereka menjual padi itu kepada pihak LPN. Pembelian padi dengan cara ini ialah di mana LPN melantik Persatuan Peladang sebagai agen pembeli padi. Pihak LPN hanya membayar komisyen

sebanyak \$1.24 ke atas tiap-tiap 100 kg. berat bersih pada persatuan. Didapati para petani berpuas hati tentang jumlah potongan kerana kerani yang memotong harga padi bagi pihak LPN, dan dalam masa yang sama dia juga yang menimbang padi tersebut. Di sini petani memperolehi terus perkhidmatan pertukaran kopon subsidi iaitu ia tidak perlu menunggu dalam masa yang lama kalau dibandingkan dengan belian padi secara terus oleh persatuan.

Kemungkinan belian padi melalui sistem agensi terpaksa diwujudkan atas arahan pihak KADA. Persatuan akan menggunakan setor-setor sebagai pusat membeli padi. Di sini pihak persatuan akan terus membayar harga padi tersebut sebaik saja lepas ditimbang. Kerjasama cuba diwujudkan antara LPN, persatuan dan para petani supaya perkhidmatan memberi subsidi kopon harga padi dapat terus dijalankan.

Padi-padi itu telah digredkan dahulu sebelum dipasarkan. Padi gred A (Bahagia, Mat Candu) harganya \$46.30 sen sekilo. Padi gred B (Mahsuri, Ria) harganya \$28.00 sekilo. Bagi padi gred B ini, ia digredkan pula pada 2 bahagian:

i. Gred B_A - padi biasa

ii. Gred B_B - padi yang terkelupas kulitnya. Padi ini dipotong sebanyak 50 kilo

iii. Gred B_S - ia tidak mempunyai nilai dan hanya dibeli

oleh pihak LPN sahaja.

Padi gred C (padi hancur dan basah) harganya \$26.00 sekilo.

5.3 Keberkesanan Pada Taraf Sosio-Ekonomi Petani

a. Pekerjaan

Secara keseluruhannya para responden yang ditemui melibatkan diri dalam sektor pertanian. Di kampung ini walaupun terdapat daripada mereka yang menumpukan perhatian pada sektor pertukangan atau kerja-kerja lain sebagai mata pencarian yang utama tetapi mereka masih melibatkan diri dengan sektor pertanian. Didapati pada musim padi mereka akan turun ke sawah membuat padi. Kemudianya sementara menunggu padi masak mereka beralih ke sektor lain samada ke sektor pertukangan, pembinaan dan sebagainya. Selain dari itu terdapat juga daripada mereka yang menternak ayam telur atau ayam daging selain dari menanam sayur-sayuran di sekeliling rumah.

Dalam pada itu terdapat setengah dari mereka itu yang lebih bergantung kepada pekerjaan lain sebagai hasil pendapatan yang utama. Walaupun begitu golongan ini tetap juga menanam padi. Bagi golongan ini, bila tiba musim padi mereka mengerjakan sawah pada waktu pagi manakala di sebelah petangnya dia akan bertukang rumah.² Sawah tersebut akan dikerjakan pula oleh ahli-ahli keluarga yang lain.

Oleh kerana proses penanaman padi ini memakan masa yang agak lama, terutama dalam menunggunya masak, maka dianggap tidak wajar oleh para petani untuk membuang masa begitu sahaja tanpa melakukan pekerjaan. Lagipun pada setengahnya yang mempunyai tanggungan yang ramai sudah pasti tidak mencukupi dengan hanya bergantung kepada hasil padi sahaja. Sebagai alternatifnya, mereka membuat kerja-kerja lain, walaupun kadangkala mereka mengatakan pekerjaan tersebut adalah lebih utama daripada menjadi seorang petani.

Ini menunjukkan para petani telah bertindak dengan lebih rasional menggunakan masa untuk mendapat hasil dengan cepat iaitu dalam bentuk tunai (cash). Dari itu mereka tidak semata-mata bergantung pada satu jenis pekerjaan sahaja. Tambahan pula mereka terpaksa menunggu dalam masa yang agak lama untuk memperolehi hasil padi. Dalam masa menunggu padi masak ini pula berbagai-bagai kemungkinan boleh berlaku samada padi mereka itu baik atau rosak. Jika padi itu baik sudah tentu akan menguntungkan petani tersebut, tetapi jika keadaan sebaliknya berlaku iaitu jika padi itu musnah kerana serangan penyakit atau bencana alam, maka sudah tentu petani-petani itu akan ditimpa kerugian. Dalam keadaan sebegini, para petani akan menghadapi risiko yang menyulitkan jika tidak mempunyai pekerjaan lain yang lebih terjamin pendapatnya.

Pihak KADA juga sebenarnya telah menggalakkan para petani

supaya membuat kerja-kerja lain selain dari menanam padi.

Dalam kes ini pihak KADA telah memperkenalkan projek membuat kicap, projek menternak ayam daging, menternak ikan air tawar dan sebagainya.

Jadi pada umumnya dapat dirumuskan bahawa pertanian adalah merupakan pekerjaan utama yang dilakukan oleh setiap penduduk, tetapi dalam pada itu mereka telah bertindak secara rasional iaitu dengan melakukan lain-lain pekerjaan dalam masa menunggu padi masak. Ini dilakukan semata-mata sebagai alternatif untuk menambahkan pendapatan mereka. Di samping itu keadaan ini sebenarnya mendapat galakan daripada pihak KADA sendiri, oleh sebab itu didapati agensi ini telah mencadangkan berbagai-bagai projek yang dikira bersesuaian dengan penduduk kampung tersebut. Secara tidak langsung ini menunjukkan bahawa pihak KADA juga ~~tidak menggalakkan para petani itu semata-mata~~ bergantung pada satu punca pendapatan sahaja, tetapi sebaliknya agensi tersebut telah cuba mengwujudkan kepelbagaiuan kerja dalam komuniti masyarakat kampung itu.

b. Pendapatan

Ekoran dari pekerjaan di atas, maka kita akan kaitkan responden yang disebutkan di bawah pada kesinian. Jadi ini dengan jumlah pendapatan yang diperolehi oleh para responden tersebut.

menjadi berurutan dalam lingkaran kesinian.

Dari jadual 13 didapati 10% berpendapatan kurang dari \$100.00, 18% berpendapatan antara \$101.00 - \$250.00, 32% berpendapatan

yang dipelihara oleh responden. Jadual 13 akan pertarikan setiap

<u>Bilangan Ibu Rumah Mengikut Jumlah Pendapatan</u>		
Pendapatan (\$)	Bilangan	Peratus (%)
\$251.00 - 100	5	10
101 - 250	9	18
251 - 350	16	32
351 - 450	10	20
451 - 550	7	14
551 para patah sebut	3	6
Jumlah	50	100

Sumber: Soalselidik

antara \$251.00 - \$350.00, 20% mempunyai pendapatan antara \$351.00 - \$450.00, 14% berpendapatan antara \$451.00 - \$550.00 dan terdapat hanya 3% yang memperolehi pendapatan lebih dari \$551.00 sebulan, iaitu tahap pendapatan tertinggi di kalangan responden yang dikaji.

Dalam konteks Malaysia, sekarang garis kemiskinan ditentukan pada tingkat pendapatan \$380.00 sekeluarga sebulan. Dari itu jika diaplikasikan pada jadual di atas didapati 60% daripada responden yang dikaji berada di bawah paras kemiskinan. Jadi ini menunjukkan lebih separuh daripada penduduk-penduduk kampung itu mesti berada di dalam lingkaran kemiskinan.

Seterusnya akan ditumpukan perhatian pada jumlah pendapatan

yang diperolehi oleh mereka yang menjadikan pertanian sebagai pekerjaan yang utama dan tetap. Dari jadual di bawah didapati 3 orang dari mereka berpendapatan kurang dari \$100.00, 8 orang berpendapatan antara \$101.00 - \$250.00, 10 orang berpendapatan antara \$251.00 - \$350.00, seorang berpendapatan antara \$351.00 - \$450.00 dan juga seorang berpendapatan \$600.00 sebulan hasil dari sektor pertanian tersebut iaitu khususnya menanam padi. Walau bagaimanapun didapati tahap pendapatan para petani ini sudah meningkat jika dibandingkan dengan beberapa tahun yang lepas. Ini diakui sendiri oleh para petani tersebut.

Jadual 14

Pendapatan Para Petani

Pendapatan (\$)	Bilangan Petani	Peratus (%)
100	3	13
101 - 250	8	35
251 - 350	10	44
351 - 450	1	4
451 - 550	-	-
551	1	4
Jumlah	23	100

Sumber: Soalselidik

Untuk menentukan kesan yang lebih nyata akan dibuat perbandingan antara setiap jenis pekerjaan yang wujud di kampung itu. Sememangnya didapati jumlah yang diperolehi dari sektor pertanian lebih rendah dari sektor-sektor lain. Sila lihat jadual 15.

Dari jadual didapat 3 orang daripada mereka yang menjadikan pertanian sebagai mata pencarian utama berpendapatan kurang dari \$100.00. Ini menunjukkan jumlah pendapatan mereka jauh ketinggalan di belakang jika dibandingkan dengan jumlah pendapatan sektor-sektor lain. Terdapat seorang daripada mereka yang melibatkan diri dengan sektor pengangkutan iaitu sebagai penarik beca³ yang berpendapatan kurang dari \$100.00

Kemudiannya 8 orang daripada mereka yang menjadi petani berpendapatan antara \$101.00 - \$250.00 dibandingkan dengan pekerja pengangkutan iaitu seramai 2 orang, manakala mereka yang terlibat dengan sektor-sektor lain mempunyai pendapatan \$250.00 ke atas. Meskipun begitu didapati golongan petani yang paling ramai sekali mempunyai pendapatan antara \$251.00 - \$350.00, iaitu seramai 10 orang. Hanya seorang responden iaitu pekerja pengangkutan dan 4 orang pekerja binaan memperolehi pendapatan sebanyak ini.

Jika dibandingkan dengan keenam status pekerjaan itu didapati responden yang terlibat dengan pekerja binaan seperti

Jadual 15

Hubungan Status Pekerjaan Dan Pendapatan

Status Pekerjaan	Pendapatan	100	\$101-250	\$251-350	\$351-450	\$451-550	551	Jumlah
Pertanian	3	8	10	1	-	1	23	
Pekerja jualan	-	-	-	1	1	-	-	2
Pekerja pengeluaran	-	-	-	-	-	1	-	1
Pekerja pengangkutan	1	1	1	-	1	-	-	4
Pekerja binaan	-	-	4	4	4	1	13	
Lain-lain	-	-	1	4	1	-	-	6
Tidak bekerja	1	-	-	-	-	-	-	1
Jumlah	5	9	16	10	7	3	50	

Sumber: Soal selidik

menjadi buruh bangunan dan tukang rumah mempunyai tahap pendapatan yang agak lumayan.

Bagi tahap pendapatan di antara \$351.00 - \$450.00 terdapat 4 orang daripada mereka terlibat dengan pekerja binaan, 4 orang lagi dengan sektor-sektor lain seperti pekerja mesin dan mubaligh dibandingkan dengan hanya seorang yang terlibat dengan sektor pertanian berada di tahap pendapatan ini, 2 orang pekerja pengangkutan dan seorang peniaga juga memperolehi pendapatan sebanyak ini sebulan.

Tidak seorangpun petani yang memperolehi pendapatan antara \$451.00 - \$550.00 berbanding dengan buruh binaan di mana terdapat 4 orang daripada mereka berada di tahap pendapatan ini. Seterusnya bagi peringkat pendapatan \$600.00 sebulan hanya seorang petani memperolehi pendapatan sebanyak itu sebulan.

Dari perbandingan ini menunjukkan petani mempunyai tahap pendapatan yang terendah sekali jika dibandingkan dengan jenis-jenis pekerjaan yang lain. Meskipun begitu didapati ramai juga di antara mereka berada di tahap pendapatan \$300.00 sebulan. Bagi para petani tersebut, pendapatan sebanyak itu sudah dikira mencukupi kerana taraf kehidupan di kampung ini masih rendah jika dibandingkan dengan taraf kehidupan di bandar-bandar. Lagipun para petani tidak payah membeli barang-barang keperluan yang

utama seperti beras, air dan sayuran. Begitu juga dengan rumah, keseluruhannya tinggal di rumah sendiri dan di tanah sendiri.

Seterusnya akan dikaitkan antara tahap pendapatan dan perbelanjaan responden. Pada umumnya penduduk mengagihkan pendapatan bulanannya untuk makan, minum, pakaian, pengangkutan, perbelanjaan kesihatan, rokok dan lain-lain. Didapati penduduk lebih banyak menghabiskan pendapatan mereka untuk makan dan minum.

Mereka yang berpendapatan antara \$101.00 - \$250.00 adalah paling ramai sekali berbelanja kurang dari \$100.00 untuk makanan iaitu seramai 5 orang. Terdapat 9 orang yang berpendapatan antara \$251.00 - \$350.00 berbelanja antara \$101.00 - \$150.00 tiap-tiap bulan khas untuk makan dan minum. Seterusnya terdapat 5 orang berbelanja antara \$151.00 - \$200.00 untuk makan dan minum. Mereka ini berpendapatan antara \$351.00 - \$450.00. Bagi mereka yang di tahap pendapatan lebih dari \$451.00 adalah paling ramai berbelanja lebih dari \$201.00.

Bagi perbelanjaan untuk pakaian didapati mereka tidak banyak menghabiskan wang semata-mata untuk tujuan ini. Lebih dari separuh responden di tiap-tiap tahap pendapatan membelanjakan kurang dari \$20.00 untuk pakaian. Begitu juga untuk perbelanjaan pengangkutan dan perbelanjaan kesihatan ramai responden menghabiskan wang kurang dari \$10.00 sebulan untuk kedua tujuan itu. Seramai 37

orang responden membelanjakan kurang dari \$10.00 wangnya untuk tiap-tiap bulan bagi membayar tambang dan seramai 20 orang pula bagi perbelanjaan kesihatan.

Di sini terdapat 7 orang yang tidak menghisap rokok manakala seramai 15 orang pula membelanjakan kurang dari \$10.00 sebulan untuk rokok. Juga terdapat yang membelanjakan wang lebih dari \$61.00 sebulan semata-mata untuk membeli rokok. Sementara itu terdapat 5 orang membelanjakan kurang dari \$10.00, 2 orang membelanjakan antara \$20.00 - \$40.00 dan 3 orang berbelanja lebih dari \$41.00 sebulan untuk lain-lain tujuan selain daripada tujuan yang telah disebutkan itu.

Secara keseluruhan, kebanyakan daripada mereka membelanjakan sebahagian daripada pendapatan mereka untuk makan dan minum. Manakala untuk lain-lain perbelanjaan didapati mereka berbelanja di peringkat yang paling minima sekali, iaitu bagi pakaian sebenarnya purata dalam setahun mereka membelanjakan tidak sampai \$20.00 sebulan untuk sekeluarga. Begitu juga dengan pengangkutan dan kesihatan para petani membelanjakan tidak sampai \$10.00 sebulan. Kesimpulan didapati keseluruhan penduduk di semua peringkat pendapatan lebih banyak berbelanja untuk makanan dan minuman jika dibandingkan dengan perbelanjaan untuk keperluan-keperluan lain seperti untuk pakaian, pengangkutan, perbelanjaan kesihatan dan rokok. (Sila rujuk jadual 16)

Jadual 16

Perbelanjaan Penduduk Dibandingkan Dengan Pendapatan

Jenis Perbelanjaan	Makan & Minum				Pakai an				Pengangkutan				Perbelanjaan Kesihatan				Rokok				Lain-lain				
	Penda-patan (\$)	< 100	101 150	151 200	201 >	< 20	21 30	> 30	< 10	11 20	> 21	< 10	11 20	> 31	Tak hisap	< 10	11 30	31 60	> 61	< 20	11 40	21 40	> 41		
100	3	-	1	1	4	1	-	5	-	-	4	1	-	-	2	2	1	-	-	1	-	-	-		
101 - 250	5	3	1	-	8	-	1	8	1	-	3	3	1	1	2	4	1	1	1	-	1	1	-	1	
251 - 350	2	9	5	-	10	2	2	8	3	1	7	5	2	-	-	6	1	5	1	2	-	-	-	-	
351 - 450	2	1	5	2	6	3	1	9	-	1	5	4	1	-	1	1	2	1	2	2	1	-	-	-	
451 - 550	2	-	2	3	6	-	-	6	1	-	1	1	2	2	2	-	2	-	-	-	-	-	-	2	
551	-	-	-	3	1	2	-	1	1	-	-	2	-	1	-	-	1	1	1	-	-	-	-	-	
Jumlah		14	13	14	9	35	8	4	37	6	2	20	16	6	3	7	15	6	10	5	5	2	3		121

Sumber: Soal selidik

Juga dilihat perbandingan antara tahap pendapatan dengan kemudahan rumah. Didapati kereta hanya dimiliki oleh mereka yang berpendapatan \$351.00 - 450.00 iaitu terdapat 20% daripada mereka yang berada di tahap pendapatan ini memiliki kenderaan tersebut. Bagi pemilikan motor pula didapati 100% daripada mereka yang berpendapatan lebih dari \$551.00 memilikinya. Sebenarnya terdapat 3 orang daripada para responden yang ditemui berpendapatan \$600.00. Pemilikan motor seterusnya dimonopoli oleh mereka yang berpendapatan antara \$351.00 - 450.00 iaitu seramai 8 orang. Pemilikan motor adalah paling rendah sekali bagi mereka yang di tahap pendapatan kurang dari \$100.00 iaitu sebanyak 2 orang sahaja.

Kemudiannya dibuat perbandingan antara pemilikan peti T.V dan tahap pendapatan. Didapati 3 daripada 5 orang yang di tahap pendapatan kurang dari \$100.00 memiliki peti T.V. 6 dari 9 orang pula bagi yang berpendapatan antara \$101.00 - 250.00, 9 dari 16 orang bagi yang bertahap pendapatan \$251.00 - 350.00, 6 orang daripada 10 bagi yang berpendapatan antara \$451.00 - 550.00 dan bagi yang berpendapatan lebih dari \$550.00, didapati ketiga-tiga dari mereka memiliki peti T.V.

Bagi pemilikan kusyen set, didapati 100% daripada yang berpendapatan lebih dari \$551.00 memilikinya. Terdapat 4 orang daripada mereka yang berpendapatan antara \$351.00 - 450.00 memiliki kerusi set. Walaupun mereka yang di tahap pendapatan kurang dari \$100.00 adalah merupakan tahap terendah tetapi didapati seorang dari

dari jadual 17 dapat dilihat bahawa sebagian besar mereka kurang mereka yang di tahap pendapatan ini mempunyai kerusi set. Seterusnya bagi pemilikan harta ini ialah 2 orang bagi yang berpendapatan antara \$251.00 - 350.00 dan seorang bagi yang berpendapatan antara \$451.00 - 550.00 memiliki kerusi set.

Jadual 17

Perhubungan Antara Tahap Pendapatan Dan Kemudahan Rumah

Taraf Pendapatan (\$)	Rumah	Kereta	Motor	Peti TV	Kusyen Set	Mesin Jahit	Dapur Minyak
100	-	2	3	1	3	2	
101 - 250	-	5	6	1	2	3	
251 - 350	Felajuan	9	10	2	4	5	
351 - 450	Jaran	2	8	6	4	1	4
451 - 550	peningkat	4	4	-	2	Dulu	3
551	-	3	3	3	2		3
para Jumlah	2	31	32	11 barang	14		20

pembaharuan besikpun hasilnya itu menguntungkan dari mereka

Sumber: Soalselidik sendiri. mana petani yang lebih berpelajaran sahaja yang

Ingin mengetahui Dari sini juga dapat dilihat bahawa bagi mereka yang

berpendapatan kurang dari \$350.00 yang mana kebanyakannya adalah

Pada zaman 60an dulu, golongan buta huruf di kalangan petani memiliki harta yang lebih sedikit jika dibandingkan dengan petani malah tinggi. Hanya beberapa saja dari pada mereka yang berpendapatan lebih dari \$350.00 yang mana kebanyakannya merupakan peniaga dan pekerja binaan dan pertukangan. Walau bagaimanapun

dari jadual 17 dapat dilihat bahawa meskipun mereka kurang memiliki barang lain tetapi lebih dari 50% mereka yang berada di tahap pendapatan ini memiliki peti TV dan motorsikal. Hanya seorang sahaja daripada petani memperolehi pendapatan \$600.00 sebulan memiliki motorsikal, peti TV, mesin jahit dan dapur minyak.

Keseluruhannya, didapati tujuan utama KADA untuk menghapuskan kemiskinan dan meningkatkan tahap pendapatan petani masih belum tercapai. Ini kerana masih ramai lagi di antara mereka yang berpendapatan kurang dari \$300.00 sebulan, walaupun ternyata mereka itu berkehidupan sederhana, dan tidak boleh digolongkan sebagai kumpulan kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

c. Pelajaran

Pelajaran adalah merupakan salah satu daripada faktor penting dalam menentukan peringkat kemajuan pertanian. Dulu semasa pertanian dijalankan dalam bentuk tradisional, didapati para petani tersebut susah untuk menerima sebarang bentuk pembaharuan meskipun hasilnya itu menguntungkan dari mereka sendiri. Hanya petani yang lebih berpelajaran sahaja yang ingin menerima teknologi moden dalam pertanian.

Pada zaman 60an dulu, golongan buta huruf di kalangan petani adalah tinggi. Hanya beberapa kerat sahaja daripada mereka yang dapat menjakkan kaki ke sekolah. 40% daripada mereka adalah

buta huruf dengan tidak tahu membaca dan menulis. Sila lihat jadual 18.

Keadaan buta huruf seperti ini memang wujud di Kampung Kedondong. Walau bagaimanapun keadaan itu hanyalah pada tahun-tahun 60an dan awal 70an sahaja. Hari ini keadaan tersebut sudah berkurangan, jika dibandingkan dengan suatu ketika dulu adalah jelas, bahawa hari ini anak-anak petani tersebut sudah ramai yang melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat menengah. Kalau dulu anak-anak mereka diberhentikan hingga ke darjah 6, tetapi keadaan itu sudah berubah, ini bermakna fikiran mereka sudah terbuka untuk menimba ilmu pengetahuan.

Biasanya murid-murid dari kampung ini akan melanjutkan pelajaran di Sekolah Menengah Sultan Ibrahim (I), Sekolah Menengah Meranti, dan Sekoleh Arab Pasir Mas dan Sekolah Arab Ismailiyah. Di Sekolah Menengah Meranti contohnya, 5.8% daripada muridnya adalah berasal dari Kampung Kedondong, tetapi dari pertemuan pengkaji dengan keempat-empat guru besar di sekolah-sekolah tersebut⁶ di dapati para pelajar Kampung Kedondong yang belajar di Sekolah Menengah Meranti dan Sekolah Menengah Sultan Ibrahim (2) adalah kurang memuaskan dari segi mutu pelajaran serta kegiatan kurikulum mereka. Ini sebaliknya berlaku di kedua-dua Sekolah Arab tersebut. Walau bagaimanapun ternyata setakat hari ini belum ada kes-kes di mana para ibubapa yang menyuruh anak-anak mereka

Jadual 18

Status Pelajaran Di Kalangan Petani

Status Pelajaran	Kerian Kemubu	Kelantan	Sg. Muda	Pulau Langkawi	Melaka	Perak Bawah	Selangor
Buta huruf	12	63	11	43	26	23	24
Tidak habis Sekolah Rendah	73	26	53	-	31	33	69
Taraf Sekolah Rendah	14	10	35	57	41	24	6
Taraf Sekolah Menengah	1	11	1	-	2	-	1
Jumlah	100	100	100	100	100	100	100

Sumber: Disesuaikan dari Teklimat Bantuan Pertanian 1960

berhenti dari belajar dan menggalakkan anak-anak tersebut untuk bekerja sebagai buruh binaan dan sebagainya.

Sebenarnya kesedaran yang timbul di kalangan ibubapa adalah sesuai dengan perkembangan semasa hari ini. Kesan positif di kalangan petani ini juga adalah hasil dari pergaulan mereka dengan para pegawai KADA yang datang membuat lawatan dan tinjauan serta memberi ceramah-ceramah tentang pertanian. Juga terdapat perbincangan yang secara tidak formal antara mereka seperti selepas ceramah atau semasa diadakan tunjukajar dalam demonstrasi penanaman padi.

Selain dari itu terdapat juga kesan secara langsung di mana pihak KADA telah memberi bantuan kewangan dalam menolong anak-anak petani melanjutkan pelajaran, tapi tidak ramai dari petani di Kampung Kedondong yang memohon bantuan tersebut kerana mereka masih lagi mampu menanggung pelajaran anak-anak mereka. Bantuan ini diberi pada anak-anak petani yang mana bapa mereka menjadi ahli Pertubuhan Peladang Kubang Bunut.

d. Pemilikan harta

Pemilikan harta merupakan kayu pengukur untuk menentukan samada seseorang itu berada atau tidak. Tanah dan rumah merupakan pemilikan mereka yang sejak dari asal lagi. Dalam soal pemilikan kedua jenis harta ini tidak dapat dikaitkan dengan kemajuan

pertanian. Dari kajian didapati tidak ramai penduduknya yang membeli tanah sawah, kebanyakannya dari mereka memperolehi tanah tersebut daripada warisan kedua ibubapa mereka. Jadi jika dinilai dari segi ini didapati pihak KADA dan lain-lain agensi tidak berjaya untuk mempengaruhi penduduk-penduduk kampung supaya membeli tanah-tanah padi dan seterusnya mengadakan projek penanaman padi secara lebih berkesan.

Dalam pada itu, satu kesan yang agak menonjol ialah dari segi pemilikan motorsikal⁵. Pada hari ini kebanyakannya penduduk kampung memiliki motorsikal, iaitu seramai 72% daripada para responden yang ditemui memiliki kenderaan tersebut. Jadi tidak dapat dinafikan bahawa hasil dari pertambahan pendapatan mereka walaupun tidak banyak telah dapat dikaitkan dengan pemilikan harta jenis ini. Dari perhatian didapati setengah-tengah responden memiliki 2 buah motorsikal. Walaupun ini tidak sepenuhnya dibeli dengan pendapatan hasil padi tetapi tidak dapat dinafikan bahawa setengah daripada mereka yang membelinya hasil dari jualan binatang ternakannya terutamanya lembu dan kerbau.⁶

Dengan pemilikan motorsikal ini, secara tidak langsung memberi kemudahan pada mereka menggunakan sebagai kenderaan harian. Di sini mereka mengambil kesempatan menggunakan motorsikal untuk mengangkut padi dari sawah ke kilang atau ke rumah atau pun ke tempat pemasaran dengan senang.

5.4 Kesan-kesan Lain

Begitu juga dengan pemilikan jentera pertanian. Pada suatu masa dulu hanya terdapat sebuah enjin kubota saja yang dimiliki oleh salah seorang petani di kampung tersebut. Jadi para petani terpaksa mengupah petani yang mempunyai enjin kubota tersebut untuk membajak sawah mereka. Ini sudah tentu memakan masa yang lama dan upah yang lebih mahal.

Kini sejak KADA ditubuhkan dan terdapatnya PKP Kubang Bunut serta BPM yang berganding bahu dalam membekalkan pinjaman atau kredit kepada petani untuk membeli jentera, didapati pemilikan jentera pertanian telah bertambah. Hari ini terdapat 9 buah kereta tenggala 2 roda persendirian di kampung ini berserta dengan enjin-enjin pam air yang lain.

Begitu juga dengan pemilikan harta-harta lain boleh dikatakan bertambah jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang lepas. Jenis barang mewah juga telah banyak dimiliki oleh penduduk-penduduk kampung. Contohnya pemilikan peti TV dan kerusi set. Kalau dulu hanya 5 buah rumah sahaja yang memiliki peti TV tetapi sekarang lebih dari 60% daripada penduduk di situ memiliki harta tersebut.

Demikian juga halnya dengan pemilikan barang-barang kemas. Ramai daripada responden yang mengatakan mereka membeli barang-barang kemas ketika mendapat keuntungan yang tinggi iaitu masa memperolehi hasil padi yang banyak. Jadi hasil dari jualan padi itu mereka akan membeli barang-barang kemas tersebut.

5.4 Kesan-kesan Lain

a. Penggunaan Alat-alat Pertanian Moden

Kalau pada tahun-tahun 1960an dan awal 70an dulu, secara majoriti didapati para petani menggunakan cara tradisional dalam kegiatan-kegiatan persawahan. Contohnya membajak sawah dengan menggunakan kerbau, mengetam padi dengan menggunakan kuku kambing. Penanaman padi hanya mengharapkan air hujan sebagai punca bekalan air yang utama.

Walau bagaimanapun satu perubahan besar berlaku di mana telah diperkenalkan sistem penanaman padi dua kali setahun. Sekarang satu musim penanaman padi ialah 6 bulan berbanding dengan sebelum ini yang memakan masa selama 12 bulan. Juga dengan adanya jadual penanaman padi dapat membantu petani menentukan masa yang sesuai serta dapat menanam padi secara serentak di antara mereka. Parit-parit jari yang telah di kuatkuasakan pembinaannya telah dapat menolong petani mengatasi masalah pengairan.

Dengan adanya teknologi moden yang lain telah memainkan peranan yang besar dalam menolong petani dari segi kejenteraan. Ini pada umumnya dapat mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh. Para petani tidak lagi menggunakan kerbau, tetapi sebaliknya menggunakan jentera 4 roda dan 2 roda yang telah dibekalkan oleh PKP Kubang Bunut. Maka tidak syak lagi bahawa melalui penggunaan jentera tersebut kegiatan persawahan dapat dijalankan dengan lebih cepat dan ekonomik.

Baru-baru ini telah diperkenalkan jentera penuai padi (combine harvester)⁷ yang moden. Jentera ini dapat menuai padi dalam masa yang begitu singkat sekali jika dibandingkan dengan kerja-kerja penuaian, yang biasa dilakukan.

Hari ini traktor telah digunakan dengan begitu meluas sekali di kampung ini, malah adalah sangat susah untuk menemui para petani yang masih membajak menggunakan kerbau. Ini menunjukkan para petani itu telah menerima pembangunan yang disalurkan kepada mereka. Sebenarnya para petani itu sendiri mengakui jika mereka menurut sepenuhnya saranan, cadangan serta tunjukajar dari pihak KADA, mereka akhirnya akan mencapai kejayaan dan memperolehi hasil pendapatan yang tinggi dari pertanian.

Penggunaan teknologi moden ini, tidak saja diertikan dengan menggunakan jentera-jentera moden, tetapi termasuk juga penggunaan racun-racun serangga, baja kimia, benih-benih padi yang bermutu tinggi. Hari ini sudah tidak ada lagi para petani yang menggunakan tahi kerbau dan lembu sebagai baja padi, tetapi para petani sudah tahu menggunakan beberapa jenis baja yang telah dibekalkan seperti urea, amorphus dan baja-baja pokok.

Untuk mengatasi masalah serangan kesing para petani menggunakan beberapa jenis racun serangga seperti **Lebayacid**, Gesathion, Thiodan 35.EC dan Thiodan 5G. Bagi membunuh tikus

pula telah digunakan racun 'phosphate' dan 'zinc synite' yang mana telah bertindak cepat iaitu supaya tikus tersebut terus mati. Juga terdapat racun 'matikus' yang lebih lambat bertindak iaitu dalam masa 4-6 hari. Kalau dulu terdapat kepercayaan karut di mana tikus adalah jembalang dan tidak boleh dibunuh, seperti laporan yang mengatakan:

"Some (farmers) are refuse to admit that insects and rat do any damage to their crop it is not the cost of innovation so much as the belief and misconception held about them that have kept them from being used where appropriate"

(Bernard, 1970: m.s. 253)

Kepercayaan seperti ini sudah lama luput dari fikiran para petani, malah pada hari ini mereka bersama-sama bergotong-royong membunuh tikus-tikus yang memusnahkan padi mereka. Dua jenis racun rumput yang biasa digunakan oleh para petani di sini ialah 'rumputox' dan 'Gremaxone'.

Para petani juga telah dapat menikmati hasil dari benih-benih padi yang baik mutunya seperti Mahsuri, Kadaria dan Bahagia serta Mat Candu dan Sekembang. Sebenarnya dari pengenalan benih-benih padi baka baik (HYV'S High Yielding Varieties) inilah kegiatan penanaman padi dua kali setahun dapat dijalankan dengan lebih baik. Ini kerana tempoh masa matang padi tersebut adalah pendek, mempunyai daya tahan yang kuat dari serangan serangga dan penyakit serta mempunyai penghasilan semulajadi yang tinggi (high yielding nature).

kampung ini, pihak syarikat mengelong menyelesaikan masalah tanah terbiar yang Dari kriteria-kriteria tersebut menyebabkan jenis-jenis padi tersebut telah tersebar dengan begitu meluas sekali di kalangan para petani di Kampung Kedondong. Walau bagaimanapun padi Mahsuri lebih terkenal di kalangan para petani di mana mereka mengatakan padi jenis ini lebih senang untuk dimasak serta buahnya tidak cepat patah masa dikilangkan nanti.

b. Tanah-tanah Terbiar

Telah diakui bahawa akibat dari tanah-tanah terbiar telah menyebabkan aktiviti penanaman padi terbantut. Walau bagaimanapun pada tahun 1985, masalah ini telah dapat diatasi dengan adanya projek pemulihan tanah terbiar yang mana telah mendapat sokongan dari pihak KADA, penanaman padi telah dijalankan dengan cara sistematik dan ini telah mendapat perhatian yang agak baik seluas 500 ekar tanah-tanah padi di kampung dan Mukim Kedondong dari para penduduk kampung tersebut.

telah dipersetujui disewakan kepada sebuah syarikat 'Perbadanan Kelantan Berhad'⁸ untuk dimaju dan dipulihkan. Kontraknya selama 5 tahun. Bagi tiap-tiap pemilik tanah akan menerima sewa sebanyak \$115.00 seekor untuk satu musim iaitu selama 6 bulan.

Bilangan keluarga tanah - 168 orang

Jumlah tanah dalam Poladang - 110 ekar

Syarikat ini adalah merupakan sebuah syarikat swasta.

Walau bagaimanapun ia tetap bekerjasama dengan pihak KADA untuk mendapat penerangan dalam hal-hal penanaman padi. Segala kegiatan dijalankan mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak KADA. Syarikat ini sebenarnya 100% bertemakan perdagangan. Di

kampung ini, pihak syarikat menolong menyelesaikan masalah tanah terbiar yang tidak mampu dikerjakan secara persendirian oleh para petani kerana melibatkan modal yang besar. Bila sebuah syarikat besar yang mengambil bahagian, ditambah pula dengan modal yang besar, maka bantuan dan kemudahan pertanian senang diperolehi.

Didapati para petani menyedari tentang tujuan sebenar pihak syarikat ini. Juga mereka sedar tentang kekurangan modal yang mereka hadapi. Oleh kerana itu keseluruhan responden yang ditemui bersetuju dengan penyewaan tanah oleh syarikat swasta tersebut. Buat masa ini projek tersebut sedang giat dijalankan di kampung ini.

Baru-baru ini satu demonstrasi tanah terbiar telah diadakan oleh pihak KADA, penanaman padi telah dijalankan dengan cara yang sistematis dan ini telah mendapat perhatian yang agak baik dari para penduduk kampung tersebut.

Jadual 19

Kawasan Penanaman Padi Secara Umum Di Kampung Kedondong

Bilangan keluarga tani -	168 orang
Jumlah ahli Persatuan Peladang -	110 orang
Luas semua tanah -	950 ekar
Machang Bubok -	60 ekar
Pohon Kandis -	200 ekar
Kedondong Hulu -	120 ekar
Kedondong Hilir -	100 ekar
Tanjung Alang -	100 ekar
Jumlah -	580 ekar

Sumber: Persatuan Kemajuan Peladang Kubang Bunut

5.5 Kesimpulan

Pada keseluruhannya fakta-fakta di atas telah menunjukkan kemajuan yang berlaku dalam masyarakat Kampung Kedondong terutama dengan wujudnya agensi KADA yang mendorong pembangunan pertanian di kawasan ini, di samping mendapat kerjasama dari agensi-agensi lain. Agensi KADA ini sebenarnya telah bertapak di kawasan ini lebih dari satu dekad yang lalu.

Di masa yang sama terdapat beberapa kekurangan yang boleh diperbaiki bertujuan meningkatkan lagi prestasi kerja untuk memajukan masyarakat petani umumnya. Kekurangan ini dimaksudkan bila mana kita melihat pada kesan pekerjaan dan pendapatan, didapati para petani masih lagi belum mampu mencapai tahap yang dicita-citakan. Pendapatan para petani masih lagi di bawah paras kemiskinan dan jika dibandingkan dengan jenis pekerjaan lain seperti pertukangan dan pembinaan, ternyata mereka yang menanam padi memperolehi pendapatan yang lebih rendah dan tidak mencukupi untuk perbelanjaan sekeluarga. Justeru itu terdapat para petani bertindak dengan cara lebih rasional menggunakan masa, iaitu dengan melakukan kerja-kerja lain semata-mata untuk menambahkan lagi hasil pendapatan mereka.

Dari sini dapat dibuat kesimpulan bahawa peranan yang dimainkan oleh pihak KADA dan lain-lain agensi awam untuk membasmi kemiskinan dan seterusnya mewujudkan pembangunan ekonomi petani di kalangan penduduk-penduduk luar bandar masih belum tercapai.

Walau bagaimanapun pihak agensi-agensi ini telah cuba mengaplikasikan tujuan mereka itu tetapi ternyata tidak semua tujuan ini menjadi kenyataan.

2. Tukang-tukang rambu yang bekerja di sekitu petang ini biasanya mengambil upah menurun dan sebahagian rambu di sekitar kampung terabat.
3. Penarik buas atau di Kelantan lebih dikenali dengan 'Pom-pom Sekel'
4. Perkenan dengan para guru besar dilakukan setelah mereka selaku menjalankan tugasnya di Komuniti Kadungan.
5. Dari perhatian didapati kebanyakkan dari penduduk kaum yang memiliki materialis jenaka-kendua 70 %, daripada.
6. Biasanya para petani yang menjadi ahli tanah tertakluk seperti lembu dan kerbau mempunyai pendapatan yang tinggi pada musim kenduri dan musim panas.
7. Jenama penapis hasil jeruk ini pada mulanya diperkenalkan pada para petani di negeri Kelantan dan dibawakan kepada para petani di Negeri Selangor.
8. Syarikat 'Perbadanan Tanah Berhad' atau PKB adalah salah sebuah entiti Syarikat Perbadanan Kewangan Ditrisasi Negeri Kelantan (PKDN).

Nota kaki

RUMAH DAN KELUARAH

1. Berita perkembangan sistem 2L, Komponen Perkembangan Pertanian, Jabatan Pertanian Negeri Kelantan, Jilid 1, Bilangan 1, Sept. 1980
2. Tukang-tukang rumah yang bekerja di waktu petang ini biasanya mengambil upah menukang dan membina rumah di sekitar kampung tersebut.
3. Penarik beca atau di Kelantan lebih dikenali dengan 'Penggatih Teksi'
4. Pertemuan dengan para guru besar dilakukan setelah pengkaji selesai menjalankan kajiannya di Kampung Kedondong
5. Dari pemerhatian didapati kebanyakannya daripada responden yang memiliki motorsikal jenis Honda 70 c.c. dan Yamaha.
6. Biasanya para petani yang menjual binatang ternakan seperti lembu dan kerbau memperolehi pendapatan yang tinggi pada musim kenduri dan musim perayaan.
7. Jentera penuai padi jenis ini pada mulanya diperkenalkan pada para petani di negeri Kedah sebelum dibawa kepada para petani di Negeri Kelantan.
8. Syarikat 'Perbadanan Kelantan Berhad' atau PKB adalah salah sebuah anak Syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK).

BAB VI

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Tidak dapat dinafikan bahawa peranan yang dimainkan oleh agensi-agensi awam dan jabatan-jabatan kerajaan adalah penting di dalam pembangunan sosio-ekonomi masyarakat luar bandar. Keberkesanan peranan agensi-agensi tersebut adalah dinilai dari kejayaannya melalui program-program serta strategi-strategi yang dilaksanakan. Di kampung ini sudahpun menampakkan perubahan tersebut, yang mana jelas terbukti bila dibuat perbandingan tentang keadaan hari ini dengan suasana 10 tahun dahulu iaitu sebelum penubuhan mana-mana agensi tersebut.

Di dalam bab-bab yang lepas telah dijelas dan dibincangkan tentang keadaan pertanian yang wujud di Kampung Kedondong. Secara umumnya dimasukkan konsep-konsep kemiskinan dan pembangunan yang berlaku dalam masyarakat luar bandar. Didapati bahawa pembangunan itu wujud akibat dari beberapa faktor seperti daya usaha penduduk-penduduk kampung itu sendiri, peningkatan taraf pendudukan, pengalaman-pengalaman masa lampau, pendedahan masyarakat kepada maklumat-maklumat dan keterangan yang lebih banyak samada tentang keadaan di dalam atau luar negeri. Ekoran dari sinilah maka timbulnya kesedaran pada penduduk-penduduk luar bandar tentang kepentingan pembangunan itu kepada masyarakat hari ini. Walau bagaimanapun adalah jelas sekali bahawa kesedaran ini timbul selepas berlakunya Perang Dunia Kedua.

Keseluruhan kajian yang dilakukan adalah menyentuh tentang aspek sosial, budaya dan ekonomi masyarakat tani di Kampung Kedondong. Seterusnya dikaitkan dengan agensi-agensi awam tertentu yang berperanan sebagai agen pembangunan ekonomi petani di kampung itu. Ini diertikan dengan sejauhmanakah keberkesanan peranan yang dimainkan oleh agensi-agensi itu mencapai ke matlamat yang dicita-citakan iaitu membangunkan taraf sosio-ekonomi para petani di Kampung Kedondong.

Aspek-aspek yang dianalisa dan dibincangkan itu telah dikaitkan dengan beberapa 'variable' termasuklah pekerjaan, pendapatan, umur, taraf pendidikan yang diterima, pemilikan harta, kemudahan infrastruktur dan institusi kepimpinan yang wujud dalam masyarakat kampung itu. Di kampung ini agensi awam yang utama berperanan dalam mengubah struktur pertanian ialah KADA diikuti dengan agensi-agensi lain seperti LPN, BPM, Jabatan Pertanian, FAMA dan LPP.

Juga telah diterangkan tentang masalah-masalah pertanian yang dihadapi oleh para petani di Kampung Kedondong. Secara umumnya didapati masalah tersebut merupakan masalah-masalah biasa yang dihadapi oleh para petani seperti masalah kekurangan air, masalah serangga perosak dan penyakit padi, pemasaran, kekurangan tenaga buruh akibat dari penghijrahan dan sebagainya. Dari rungutan-rungutan petani tentang masalah-masalah dan halangan pertanian itu,

pada tahun 1972 ditubuhkan sebuah agensi pertanian yang cuba memainkan peranannya secara langsung demi mempertingkatkan taraf kemajuan ekonomi petani umumnya di Kelantan dan khususnya di Kampung Kedondong.

Projek perairan yang diperkenalkan oleh KADA sejak dari tahun 1972 ini bermaksud untuk penanaman padi dua kali setahun. Di sini kerajaan mempunyai beberapa objektif tertentu dengan siapnya Projek Perairan Lemal iaitu khusus untuk kawasan pertanian di daerah Pasir Mas. Objektif kerajaan itu ialah untuk mempertingkatkan dan meninggikan taraf hidup petani-petani yang terlibat melalui penambahan hasil keluaran dan pendapatan mereka. Ini akan dicapai melalui penanaman padi dua kali setahun, didapati sekarang pendapatan dan hasil keluaran petani telah meningkat hampir sekali ganda daripada masa sebelumnya.

Untuk mencapai matlamat tersebut petani-petani telah diorientasikan untuk bekerja lebih keras dan bersemangat. Jadi, untuk terus mengekalkan semangat tersebut pihak KADA telah membekalkan berbagai-bagai kemudahan dan keperluan-keperluan yang berkaitan dengan kegiatan penanaman padi. Dari sinilah bermulanya penggunaan teknologi moden di kalangan petani. Sebelumnya mereka lebih banyak bergantung kepada alam semula jadi dalam proses tumbesaran padi, tetapi sekarang keadaan seperti ini sudah berubah. Mereka sudah tahu tentang kepentingan baja-baja kimia seperti amorphus, urea dan

sebagainya dalam proses tumbesaran tanaman padi mereka.

Projek perairan merupakan asas dalam pengenalan teknologi moden di bidang pertanian di Kelantan amnya dan khususnya di Kampung Kedondong. Selain dari itu terdapat juga jentera-jentera dan traktor 4 roda dan 2 roda yang moden, baja-baja kimia, racun serangga, racun rumput dan tidak ketinggalan juga benih-benih yang berbaka baik dan bermutu tinggi. Bagi para petani, ~~sememangnya suatu era yang tidak~~ mungkin dilupakan ialah berlakunya perubahan proses penanaman padi iaitu dari sekali setahun kepada dua kali setahun. Juga pihak KADA telah menetapkan jadual penanaman padi yang mana dapat menolong petani untuk menanam padi serentak di antara satu sama lain. Boleh dikatakan di setiap buah kampung terdapat sebuah 'papan kenyataan' jadual penanaman padi.

Agensi-agensi lain juga turut berperanan dalam membantu membangun dan memajukan sektor pertanian. Dalam konteks pemberian kredit dan pinjaman wang, para petani sudah mengenali institusi-institusi bank terutamanya Bank Pertanian Malaysia. Begitu juga dalam konteks penabungan, sekarang mereka mula menyimpan wang di bank agar dapat digunakan pada masa-masa yang akan datang. Walaupun ternyata jumlah petani yang terlibat dalam kegiatan penabungan ini sedikit, tetapi sekurang-kurangnya petani sudah diorientasikan dengan institusi tersebut. Berbanding dengan sebelum ini, para petani lebih berminat menyimpan wang mereka di rumah atau setengahnya

menyimpan dalam bentuk 'simpanan beku' seperti membeli barang-barang kemas seperti emas dan sebagainya.

Terdapat juga agensi FAMA dan LPN yang berperanan memasar serta mengagihkan padi dan beras para petani. Di samping itu Pejabat Peladang dan Jabatan Pertanian juga tidak ketinggalan menolong para petani meningkatkan jumlah penghasilan mereka. Agensi-agensi di atas selain dari memperkenalkan kaedah-kaedah baru dengan cara membekalkan teknologi moden. Mereka juga turut mempengaruhi para petani dengan cara dalaman. Ini dimaksudkan dengan memberi nasihat serta tunjukajar yang membina seperti mengadakan ceramah-ceramah, perbincangan dengan para petani dan sebagainya.

Dengan adanya bantuan dari agensi-agensi tersebut pihak kerajaan dari masa ke semasa telah berjaya menambah jumlah penge- luaran padi. Di sini pihak kerajaan telah cuba mengurangkan jumlah impot padi dari negara-negara luar terutamanya Thailand dan Burma. Dengan ini keperluan beras dalam negara dapat diperolehi daripada hasil keluaran tempatan. Dari itu, dengan kombinasi agensi-agensi pertanian ini sedikit sebanyak telah dapat mengubah dan membangunkan masyarakat tani di kampung tersebut walaupun perubahan yang berlaku tidaklah 'laju' dan secara radikal.

Harus disedari bahawa perubahan sesuatu masyarakat itu

terjadi kerana adanya perubahan-perubahan yang mempertahankan keseimbangan sosial (social equilibrium) termasuk aspek-aspek geografi, biologi, ekonomi, budaya dan sebagainya. Ditambah pula dengan besarnya harapan dan tuntutan dari masyarakat itu sendiri.

Perubahan dari variable-variable ini secara tidak langsung akan membawa pada perubahan sikap, nilai pemikiran dan lain-lain.

Jadi di kampung ini nampaknya budaya masyarakat taninya sudah agak berubah jika dibandingkan dengan zaman sebelum menerima kemajuan pertanian dari agensi-agensi pertanian di atas terutamanya KADA.

Dapat dilihat bahawa walaupun perubahan yang berlaku adalah secara evolusi, perubahan-perubahan dan mobiliti sosial yang terjadi walaupun sedikit tetapi amat membanggakan kerana telah memberi kesan pada corak stratifikasi sosial masyarakat tersebut. Perubahan yang terjadi ini sekurang-kurangnya dapat mengwujudkan satu bentuk budaya masyarakat tani padi yang mempunyai identiti kelompok mereka yang tersendiri.

Bagi melihat pembangunan-pembangunan dan perubahan-perubahan yang telah dihasilkan oleh agensi-agensi kerajaan melalui program-program yang disediakan kepada penduduk kampung ini, maka akan dilihat dari dua sudut iaitu perubahan dari segi ekonomi dan dari segi sosial.

Jika dilihat pembangunan dari sudut ekonomi ini, maka

telah dibincangkan bagaimana program-program yang disediakan oleh pihak agensi itu dapat meningkatkan pendapatan atau menguruskan perbelanjaan penduduk kampung ini dalam menyediakan berbagai keperluan bagi kegiatan ekonomi mereka. Didapati pendapatan penduduk kampung ini bertambah jika dibandingkan dengan zaman pertengahan tahun 1970an dahulu, walaupun ternyata para petani masih belum berpuas hati dengan pendapatan yang mereka perolehi itu.

Dari sudut pembangunan sosial pula, pengkaji telah melihat keberkesanan peranan agensi-agensi itu dalam mempertingkatkan taraf pendidikan, infrastruktur, kesedaran serta kemahiran para petani di kampung itu. Didapati taraf pendidikan penduduk kampung tersebut telah jauh berubah jika dibandingkan dengan beberapa tahun yang lepas. Tiap-tiap ketua keluarga mempunyai kesedaran tentang kepentingan pelajaran pada anak-anak mereka. Begitu juga dari segi sikap, kalau pada suatu masa dahulu ternyata sebarang perubahan ini diterima dengan acuh tak acuh sahaja tetapi sikap tersebut sudah mula luput dan digantikan dengan sikap positif di kalangan petani-petani itu.

Di sini kita tidak boleh memandang sepi sahaja pada sumbangan yang telah diberikan oleh ketua kampung bersama-sama dengan ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung yang lain dalam memajukan kampung tersebut. Ketua Kampung merupakan orang perantaraan di antara penduduk kampung dan kerajaan. Beliau membantu dalam

melaksanakan sebarang projek-projek pembangunan kerajaan.

Sebarang masalah yang timbul akan dibincangkan bersama-sama dengan ahli JKKK yang dilantik. Melalui pembentukan JKKK inilah, penduduk kampung diberi peluang mengambil bahagian di dalam proses perancangan dan perlaksanaan program di kampung ini. Dengan adanya ahli JKKK yang aktif, maka segala matlamat penubuhan JKKK ini dapat berjalan dengan baik dan lancar. Contohnya di dalam projek 'kampung contoh' baru-baru ini, hasil dari kerjasama antara Ketua Kampung, ahli JKKK dan penduduk kampung, maka Kampung Kedondong telah mendapat tempat pertama di peringkat Daerah Kubang Gadong.

Sememangnya diakui bahawa pihak KADA dan lain-lain agensi itu telah memberi sumbangan yang besar kepada petani-petani khususnya di Kampung Kedondong. Tidak dapat dinafikan juga bahawa para agensi itu memang mempunyai potensi cemerlang untuk lebih maju lagi dan terus berperanan secara lebih efektif. Walau bagaimanapun tiap-tiap tujuan dan cita-cita itu amat susah untuk diaplikasikan dengan sepenuhnya, kerana tiap-tiap sesuatu itu memang ada kelemahannya.

Dalam konteks ini tidak harus dipersalahkan pada sebelah pihak sahaja. Malah kedua-dua pihak iaitu petani dan agensi-agensi awam harus menyedari kelemahan-kelemahan dan kekurangan-kekurangan yang terdapat pada diri masing-masing. Pihak KADA dan agensi-agensi

pertanian tersebut mestilah terlebih dahulu berhati-hati dalam melaksanakan sebarang program-program dan aktiviti-aktiviti yang dirancang. Program yang dilaksanakan harus dinilai secara terperinci dahulu samada mendatangkan keuntungan atau tidak kepada masyarakat kampung tersebut. Sesungguhnya penerimaan masyarakat kampung terhadap satu-satu projek itu adalah penting untuk menghasilkan suatu kejayaan yang dicita-citakan. Dengan lain perkataan supaya nanti tidak wujud para petani yang menjadi mangsa perlaksanaan program yang tempang dan tidak bertanggungjawab.

Dari kajian dan pemerhatian yang dibuat, pengkaji dapat mengklasifikasikan beberapa kelemahan yang terdapat pada agensi-agensi awam tersebut semasa menjalankan tugas-tugas mereka. Di bawah ini di kemukakan beberapa kelemahan dan cadangan-cadangan oleh pengkaji untuk mengatasi masalah tersebut. Antaranya ialah:

- i. Usaha-usaha pengembangan dan latihan tidak mencukupi. Kedua-dua usaha seperti ini adalah penting bagi mengwujudkan kesedaran, dan pemahaman serta semangat untuk melaksanakan sesebuah projek yang dirancangkan tentang alternatif-alternatif dan sebarang peluang yang terbuka dalam usaha memperbaiki taraf kehidupan mereka. Teknik pengembangan yang biasa dijalankan ialah melalui media massa (radio, risalah-risalah dan makalah-makalah)

atau ceramah dan penerangan secara berkumpulan. Manakala latihan-latihan pula diadakan melalui kursus-kursus serta demonstrasi plot pertanian kepada para petani. Didapati kedua kaedah ini masih belum mencukupi untuk mengubah sikap mereka. Di sini pihak agensi haruslah bersedia untuk meluangkan lebih masa dan tenaga dengan mengadakan kaedah individu kepada individu iaitu sebagai 'follow-up' kepada kedua-dua kaedah tersebut. Walaupun ternyata kaedah ini mengambil jangkamasa yang panjang serta melibatkan banyak tenaga dan masa tetapi ianya perlu dilakukan memandangkan perubahan sikap di kalangan para petani adalah asas utama dalam mengwujudkan pembangunan pertanian.

- ii. Penyampaian maklumat melalui perhubungan satu hala. Penduduk-penduduk lebih banyak mendengar daripada sama-sama berbincang semasa penyampaian maklumat diberikan. Cara ini kurang berkesan kerana pihak penerima merasai yang pihak agensi beranggapan bahawa mereka adalah penerima yang pasif, yang hanya mendengar dan menerima apa-apa sahaja yang

disampaikan tanpa sebarang bantahan.

Jadi masa inilah diharapkan berlakunya perubahan yang didominasi oleh golongan petani sendiri dan mengubah konsep 'directed development' yang masih diaplikasikan sekarang iaitu setiap kemajuan hanya diberi oleh sebelah pihak sahaja secara langsung tanpa menerima sebarang reaksi yang sewajarnya dari para petani. Konsep perhubungan '2 hala' adalah perlu di dalam penyampaian maklumat mengenai sesuatu 'innovasi' mahupun di dalam menyusun

sebarang strategi. Dengan cara ini para

petani akan tahu menilai sesuatu 'inovasi'

yang dibawa kepada mereka dan secara tidak

langsung akan dirasai bahawa sesuatu program

itu adalah lahir dari kehendak mereka sendiri.

Dengan ini petani-petani tersebut akan menunjukkan

penglibatan yang lebih terhadap sesuatu program.

iii. Perlunya satu badan perancang yang benar-benar

berfungsi menentukan kejayaan sesuatu projek

yang disediakan oleh pihak agen agar tidak

berlaku pembaziran di dalam perlaksanaan sesuatu

program dan ianya dapat mencapai objektif

sesuatu program yang dirancang itu. Contohnya

projek tanaman berkelompok hanya berjaya pada tahun permulaan sahaja iaitu semasa masih dibawah seliaan pihak KADA sahaja. Kemudian pada tahun-tahun berikutnya ternyata para petani tidak dapat mengendalikan projek tersebut dan seterusnya terbengkalai begitu sahaja. Oleh itu, sekiranya pihak agensi ini benar-benar mahu membangunkan masyarakat luar bandar samada dalam bidang ekonomi atau sosial, maka satu badan perancang yang benar-benar berfungsi perlulah diadakan segera.

Dari itu dapat dirumuskan bahawa sebarang kegiatan yang dibuat oleh KADA dan lain-lain agensi harus sampai ke pengetahuan petani untuk diaplikasikan, agar dengan adanya persefahaman antara pihak penerima perubahan (*clientele system*) dengan pihak pembawa perubahan (*annovator system*), sesuatu kegiatan pertanian itu dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Juga yang lebih penting supaya tidak wujudnya sebarang keraguan dan keimbangan atau salah tafsiran di kalangan para petani, tentang sebarang projek yang diusahakan oleh sesuatu pihak demi mempertingkatkan taraf sosio-ekonomi mereka.

Pembangunan di Kampung Kedondong tidak akan tercapai jika hanya bergantung kepada pihak KADA semata-mata. Apa yang jelas ialah KADA merupakan agensi utama dalam menyusun dan melaksanakan

kegiatan ekonomi tani di samping berusaha mengwujudkan aktiviti-aktiviti sosial yang dianggap wajar untuk membangunkan masyarakat tersebut.

Akhir sekali dapat disimpulkan bahawa kombinasi dari semua pihak iaitu KADA, agensi-agensi pertanian seperti LPN, LPP, Jabatan Pertanian, MARDI, FAMA, agensi-agensi pendidikan serta orang perseorangan adalah perlu memainkan peranan masing-masing demi mengwujudkan masyarakat tani yang maju dan berpotensi. Dengan cara ini, para petani tersebut tidak akan merasa ketinggalan di belakang atau tidak dipedulikan, dan ini secara tidak langsung akan dapat mempengaruhi mereka untuk menerima sebarang pembaharuan dengan lebih berkesan lagi dan seterusnya dapat memandu mereka ke satu tahap pembangunan pertanian yang dicita-citakan selama ini.



Gambar 1: Menunjukkan 'mengerat' yang masih digunakan oleh satu-satunya penduduk di Kampung Kedondong



Gambar 2: Menunjukkan traktor dua roda yang kebanyakan digunakan secara persendirian oleh para petani



Gambar 3: Menunjukkan pemandangan talair sebagai sumber pengairan pertanian



Gambar 4: Menunjukkan sebahagian pemandangan tanah terbiar di kampung ini



Gambar 5: Menunjukkan pemandangan sudut belakang Empangan Air Lemal, Pasir Mas, Kelantan



Gambar 6: Menunjukkan saluran 'GRP' yang didapati di sekitar kampung ini bagi kemudahan pertanian



Gambar 7: Menunjukkan pintu taliair yang berperanan mengawal sistem perairan di Kampung Kedondong dan lain-lain kampung-kampung yang berdekatan



Gambar 8: Menunjukkan 'combine harvester' yang digunakan sebagai alat menuai padi



Gambar 9: Menunjukkan pemandangan dari hadapan Pusat Kemajuan Peladang (PKP) Kubang Bunut, Meranti



Gambar 10: Menunjukkan papan tanda jadual penanaman padi yang telah ditetapkan oleh pihak KADA kepada para petani

BERIKIM KERASIH BAJA PADU

KEMENTERIAHAN PERTANIAN

Lampiran I: Peruntukan RMT dan RME Mengikut Agensi-agensi Awam

Sektor-sektor	Diperuntukan RMT Yang Dipinda (1976- 1980)	Peruntukan RME (1981-1985)		
	\$ Juta	Peratus	\$ Juta	Peratus
Pertanian dan pembangunan luar bandar	6,464.31	20.7	8,359.10	21.3
i. Pertanian (Projek Pertanian Bersepadu - Kementerian Pertanian)	(254.70)	(0.8)	892.00	2.3
ii. Penanaman semula getah	262.83	0.8	316.66	0.8
iii. Kredit, pemasaran, pemerosesan dan Koperasi pertanian (Bank Pertanian) (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan - FAMA) (Lembaga Pertubuhan Peladang)	425.87 105.77 (81.50) (120.51)	1.4 0.3 (0.3) (0.4)	761.32 (165.00) (165.00) (247.40)	1.9 0.4 (0.4) (0.7)
iv. Parit dan Talair	778.61	2.5	860.33	2.2
v. Ternakan	168.75	0.6	241.00	0.6
vi. Perikanan	322.63	1.0	434.62	1.1
vii. Pembangunan tanah dan Wilayah - Kemudahan Luar Bandar Jalan-jalan Luar Bandar	3,432.53 556.73	11.0 1.8	3,732.57 772.56	9.5 2.0
Bekalan air Luar Bandar	147.14	0.5	349.77	0.9
Bekalan elektrik Luar Bandar	281.00	0.9	522.50	1.3
Pemulihan Kampung	100.00	0.3	100.00	0.3
KEMAS	11.62		22.04	

Sumber: Petikan dari Rancangan Malaysia Keempat (RME) 1981

BIBLIOGRAFI

University Press, Kuala Lumpur.

A. Buku-Buku

- Abd. Aziz b. Abd. Hamid, Poverty and Rural Development in Malaysia,
1964 Kajian Ekonomi Malaysia, Jilid I, Bil. 1,
Kuala Lumpur.
- Bernard, Rosemary Edith, Organisation of Production in Kedah Rice
1970 Farming Village, Ph.D., Australian National
University.
- Chee, S., Government Policy and Rural Development in Malaysia,
1960 Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Esher, E. Robert, Development of the Emerging Countries, An Agenda
1962 For Research, The Bookshop Institution,
Washington D.C.
- Griffin, K.B. and Enos, J.C., Planning Development, A Wesley
1970 Publishing Co., London.
- Jackson, D., Poverty, Mac Millan, New York.
1972
- Lewis, P. Fichel, J.R., Problems of Developing Nations, Reading
1834 and Case Studies, Mary Washington College
of University of Virginia, New York.
- Mountfield, Anne, Talking About Poverty, Wayland Publisher,
1974 London.
- Mydral, Gunnar, The Challenge of World Poverty: A World Anti
1970 Poverty Programme in Anthire, Vintage Book,
New York.
- Sadono Sukirno, Ekonomi Pembangunan, Berta Gorat, Medan.
1978
- Selvadurai, S., Socio-Economic Study of Padi Farms in the Kemubu Area
1968 of Kelantan, Kuala Lumpur.
- Syed Husin Ali, Apa Erti Pembanguna, Dewan Bahasa dan Pustaka,
1976 Kuala Lumpur.

1975, Malay Peasant Society and Leadership, Oxford University Press, Kuala Lumpur.

1978, Kemiskinan dan Kelaparan Tanah, Universiti Malaya, Cooperative Bookshop Limited, Kuala Lumpur.

B. Seminar

Abd. Wahid Hj. Azahari, "KADA dan Peranannya Di Bawah Projek Kelantan Utara" dalam Seminar Orientasi Perlaksanaan Projek Pembangunan Luarbandar Kelantan Utara, Kota Bharu.

Affifuddin Hj. Omar, "Program-Program Pembasmian Kemiskinan Luar Bandar" dalam Seminar Kemiskinan Luar Bandar, Alor Star.

Agoes Salim, "Agricultural Credit" dalam Regional Conference in Technology for Rural Development, Kuala Lumpur.

Ani Arope, "In Aim", in Seminar The State of the Malaysia Agriculture, A Critical Review, Kuala Lumpur.

Arif Hussin, "Faktor-Faktor Yang Menyebabkan Tanah-Tanah Sawah Tidak Diusahaikan" dalam Bengkel Pembangunan Tanah-Tanah Terbiar, Serdang.

Chamsuri Siwar, "Potensi Pembasmian Kemiskinan Di Kalangan Petani Padi", dalam Seminar Konvensyen Ekonomi Bumiputera, Bangi.

Corner Lorraine, Rural Development Policy in Malaysia, dalam Asian Studies Association of Australian Malaysia Study, Adelaide.

Hasyim Mustapha H., "Problems of Application of Technology with Particular Reference to the Impact of New Rice Technology in Kelantan Padi", dalam Regional Conference on Technology For Rural Development, Kuala Lumpur.

Kamal Salleh, "Konsep Definisi dan Pengukuran Kemiskinan" dalam Seminar Kemiskinan Luar Bandar, Alor Star.

Syed Husin Ali, "Aspek Sosiologikal Dalam Kemiskinan", Seminar Kemiskinan Luar Bandar, Alor Setar.
1983

_____, "Falsafah Pembangunan Desa", dalam Seminar Kebangsaan Pembangunan Desa Malaysia, Serdang.
1984

Mohd. Noor Abd. Ghani, Migrasi Belia Desa Ke Bandar Kesan Ke Atas Rancangan Pembangunan Negara, dalam Seminar Belia Tani, Kuala Lumpur.
1980

Zakaria Mohd. Taib, Pembangunan Masyarakat Tani: Antara Polisi, Perlaksanaan dan Penyertaan Petani, dalam Seminar Kebangsaan Peranan Sains Sosial Dalam Pembangunan Negara, Serdang.
1983

B. Latihan Ilmiah dan Tesis

Abd. Rani Abd. Wahab, Peranan dan Sumbangan Agensi dan Jabatan Kerajaan Di Dalam Pembangunan Sosio-Ekonomi Masyarakat Luar Bandar - Penumpuan Ke Atas RISDA dan Jabatan Haiwan (Satu Kajian Kes Di Kg. Ajai, Raub, Pahang). Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
1981

Fauzi Mustapha, Aspek Sosial Dalam Rancangan Perairan Kemubu,
1975 Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Kamarudin Mohd. Said, Struktur Pemilikan Tanah Dan Kemiskinan Masyarakat Tani Di Kelantan, Latihan Ilmiah,
1975 Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Rokiah Talib, Rancangan Tanah Sebagai Satu Strategi Pembangunan, Satu Kajian Kes Ke Atas Rancangan-Rancangan Tanah Negeri Kelantan, Tesis Ph.D., Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
1978

NO. SIDA	<input type="checkbox"/>
KAMPUNG	<input type="checkbox"/>
NO. DAPAT	<input type="checkbox"/>

C. Laporan dan MakalahBerita Harian, 13hb. November 1984.Berita Harian, 30hb. Mei 1985.Berita Perkembangan Sistem 2L, Jabatan Penerangan, Negeri Kelantan.

Dr. Hassani Mohamad, Land Consolidation - Rice Farm in KADA.
 1984 Farm Enlargement Programme and Appropriate Technology, Conference on Asean Agriculture in the Year 2000, UPM, Serdang.

Fokus Negeri Kelantan, Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.
 1985Kerajaan Malaysia, Rancangan Malaysia Ketiga, Percetakan Kerajaan, 1976 Kuala Lumpur.Kerajaan Malaysia, Rancangan Malaysia Keempat, Percetakan Kerajaan, 1981 Kuala Lumpur.Laporan Kemajuan dan Belanjawan, Pertubuhan Peladang, Kubang Bunut, 1983 dan 1984.Laporan Bulanan KADA, 1985.Nota Taklimat Profail Kampung Kedondong, 15hb. Mei 1985.Taklimat KADA, 1hb. Ogos 1984.World Bank Report, 1975.